



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JABATAN PERSURATAN MELAYU


KAT

PERKAKAS ALATAN ISTIADAT KERAJAAN JOHOR

oleh

A. JALIL BIN AHMAD


Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi
sebahagian daripada keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)
pada sessi **1979/1980**



Penyelia

28.3.1980

Tarikh


~~Ketua~~
Jabatan Persuratan Melayu

28-3-1980

Tarikh

PERKAKAS ALATAN ISTIADAT KERAJANAN JOHOR

OLEH

A. JALIL BIN AHMAD

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi sebahagian dari syarat-syarat ijazah Sarjanamuda Persuratan dengan Kepujian.

Dalam Institut Bahasa Kesusastraan & Kebudayaan Melayu.

150328

Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.

1979/1980.

M
929.9595119

ATA

420797

26 FEB 1987
Perpustakaan Negara
Malaysia

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bi'smi 'Llahi 'r-Rahmāni 'r-Rahīmi. Al-hamdu li'llahi, Rabbil-'alamīn wassalātu. Wassalām 'ala rasulillah, sallailahu ialaihi wasallām wa sahabati ajmain.

Segale puji-pujian kepada Allah, salawat dan salam kepada Rasul Allah sala 'ilahu 'alaiki wa salam. Syukur ke hadrat Allah kerana dengan izinnya dapat disempurnakan tesis ini.

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Ibni Al-Marhum Sultan Ibrshim, D.K., S.P.M.J., D.M.N., S.P.M.K., D.K.(Brunei), D.K. (Pahang), D.K. (Perak), K.B.E., C.M.G., dll., Sultan dan Yang Dipertuan Negeri dan Jajahan Taaluk Johor (Darul-Ta'azim). Ampun Tuanku izinkan patek mengatur sembah untuk mengucapkan jutaan terima kasih kerana dengan limpah kurnia dan izin Tuanku dapat patek membuat kajian ini dan seterusnya menamakan kajian ini sebagai, "Perkakas Alatan Istiadat Kebesaran Kerajaan Johor".

Doa dan restu kepada ayah dan bonda yang tidak jemu-jemu mendidik dan mengasuh anaknya ini sehingga berjaya menjangkau ketahap ini. Penyempurnaan kajian ini adalah hasil dari dorongan isteriku Hajar binti Hj Ibrohim yang sentiasa kerinduan dan putera/puteriku Ezwar Effendi, Rezwan Eskandar, Emy Ezura dan Reza Ezani. Semoga dengan ini terlaksana cita-cita kita bersama

dalam melayari bahtera hidup dengan selamat dan sejahtera.

Terima kasih saya yang tidak terhingga ditujukan kepada Tuan Benyelia, Dr. Wong Seng Tong, kerana sudi memberi tujuk ajar yang membina. Dengan bimbingan beliaulah maka terlaksana kajianku ini. Juga, tidak ketinggalan ucapan terima kasih saya kepada Y.B. Dato' Haji Md. Said bin Md. Tahir, Pengelola Bijaya Diraja Johor dan seterusnya kakitangan Istana Besar Johor Bahru yang telah membantu saya menyediakan bahan penyelidikan ini.

Sumbangan dari badan-badan dan jabatan-jabatan terutamanya Institut Bahasa Kesusastraan dan Kobudayaan Melayu, Jabatan Per-suratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Kementerian Kobudayaan Belia dan Sukan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Arkib Negara amat dihargai.

Akhir sekali penghargaan istimewa ditujukan kepada Encik Abu Yamin bin Hj Ridzuan kerana telah sudi membantu saya dalam penyempurnaan tesis ini.

Wasallam.

A. Jalil b. Ahmad

KANDUNGAN

RUMA SURAT

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
PENDAHULUAN	iv
BAB I - LATARBELAKANG SEJARAH KERAJAAN JOHOR	
1.0 Latarbelakang Sejarah Kerajaan Johor	I
1.1 Sejarah Keluarga Temenggong	13
1.2 Sultan Abu Bakar	30
BAB II - PERKAKAS ALATAN ISTIADAT KERAJAAN JOHOR	
2.0 Pengenalan	39
2.1 Bendera	48
2.2 Mahkota Kerajaan Johor	52
2.3 Jata Negeri Johor	57
2.4 Cogan Ugama	60
2.5 Cogan Alam	64
BAB III - PERKAKAS ALATAN ISTIADAT KERAJAAN JOHOR YANG BERBENTUK "JATA"	
3.0 Pengenalan	66
3.1 Pedang Kerajaan	56
3.2 Keris Istiadat	69
3.3 Lembing-lembing Istiadat	84
BAB IV PERKAKAS ALATAN ISTIADAT KERAJAAN JOHOR LAIN-LAINNYA	
4.0 Pengenalan	89
4.1 Takhta Kerajaan	89
4.2 Cokmat	96
4.3 Tongkat-tongkat	97
4.4 Payung-payung	98
PENUTUP	101
LAMPIRAN	109
BIBLIOGRAFI	136

PENDAHULUAN

Sebagai seorang anak watan Johor yang menyayangi rajanya, penulis merasa amat berharga untuk menyumbangkan satu tandamata khusus ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim sebagai satu cara untuk mengingat semula kebesaran dan kemasyurhan kerajaan Johor, terutama di zaman pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar, pemerintah yang memulakan satu tatacara pemerintahan yang moden dan berkemajuan.

Bersesuaian dengan peredaran masa dan pertukaran corak pemerintahan, kebudayaan Melayu telah mengalami perubahan yang pesat. Akibat perpecahan kerajaan Melayu Melaka, pengaruh penjajahan dan kedatangan fahaman sekularisme; cara hidup masyarakat Melayu kian bergolak. Perubahan ini amat jelas dirasai di kalangan masyarakat Melayu Johor. Ini bukanlah bererti masyarakat Melayu negeri Johor sudah tercabut dari akar umbi kebudayaan yang diwarisi dari zaman nenek moyang. Nilai-nilai tradisi masyarakat Johor masih tetap terpelihara. Hanya masyarakat tersebut telah berjaya menyesuaikan cara hidup yang asasi itu dengan unsur-unsur ketamadunan yang dibawa dari Barat. Boleh dikatakan hingga kini sangat kurang para budayawan yang menulis tentang kebudayaan Melayu yang berkembang dengan suburnya di zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar, juga di zaman sebelumnya.¹

1. Ibrahim Munsyi ada menulis beberapa buah buku berkenaan dengan Kebudayaan Melayu terutamanya berkenaan dengan Ilmu Bahasa dan Persuratan Melayu.
Syed Alwi Sheikh Al-Hadi ada menulis Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu. Sila lihat: Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1960).

v

Usaha memperkuuh kerajaan Johor bermula di zaman Temenggong Ibrahim. Sultan Abu Bakar meneruskan cita-cita ayahnya dan telah berjaya menangkis tekanan-tekanan pihak Inggeris yang cuba menguasainya itu. Berbagai pembaharuan telah dibuat oleh Sultan Abu Bakar dalam menyesuaikan pentadbirannya dengan corak pemerintahan ala Inggeris. Hasil dari kegigihan dan ketokohaninya dalam mengendalikan pentadbiran negeri Johor, baginda telah diiktiraf sebagai 'Sultan'² Johor yang sah. Baginda telah dianugerah dengan gelaran Sultan di London oleh Queen Victoria, Ratu Kerajaan Inggeris dan India dewasa itu. Ini merupakan satu pengiktirafan yang sangat istimewa.

Dengan pengiktirafan itu baginda telah memulakan satu corak pemerintahan negeri yang baru. Baginda telah menyesuaikan cara pentadbiran negeri baginda dengan corak pemerintahan kerajaan diraja Inggeris. Walaupun sistem pemerintahan itu secara zahirnya agak ke Inggerisan, nilai-nilai keMelayuan dan unsur-unsur keIslamam tetap baginda perkukuhkan dalam pentadbirannya. Pertabalan baginda sebagai 'sultan' pada 1886 telah membawa satu titik pembaharuan dalam sejarah kerajaan Johor. Sistem pertabalan yang lama telah baginda rombak bersesuaian dengan keadaan masa dan tempat. Alat-alat pertabalan telah diperlengkapkan oleh Sultan Abu Bakar dan acara pertabalan telah diadakan dalam suasana yang ringkas tetapi amat meriah dan agong.³

-
2. Sebelum itu baginda bergelar Wan, Temenggong Seri Maharaja dan Maharaja.
 3. Alatan ini dikenal sebagai perkakas alatan istiadat kerajaan Johor.

Penulisan tesis yang akan penulis paparkan ini semata-mata mengenai alatan istiadat Kerajaan Johor yang telah dimulakan penggunaannya di zaman Sultan Abu Bakar itu. Segala istiadat yang melibatkan penggunaan alatan ini akan dicatatkan oleh penulis secara terperinci.

Namun seperti yang telah ditegaskan pembaharuan yang dilakukan oleh baginda sultan Abu Bakar tidaklah merupakan satu tatacara pertabalan yang benar-benar asing dari istiadat pertabalan raja-raja Melayu zaman silam. Ada unsur-unsur tradisi yang masih diperkekalkan dalam pertabalan sultan Johor itu. Peranan keris umpamanya masih tetap di pelihara dalam pemasyhuran seorang raja. Keris merupakan lambang keagongan seorang raja.

Pertabalan seorang raja merupakan satu detik peristiwa yang bersejarah. Bagi seorang pemerintah inilah detik yang meletakkan nilai-nilai karisma ke pundaknya. Tanpa pertabalan yang sah seorang pemerintah itu belum lagi dapat diiktiraf sebagai ketua negeri. Ini akan dapat dilihat dalam beberapa kisah zaman kesultanan Johor/Riau. Pertabalan adalah pengangkutan seorang pemangku raja atau waris takhta dengan menggunakan peralatan yang diterima oleh masyarakat dan perundangan negeri. Peralatan ini memainkan peranan penting dalam istiadat tersebut.

Peralatan pertabalan mencerminkan satu manifestasi bentuk peradaban kebudayaan negeri. Tiap-tiap alat yang digunakan

melambangkan satu simbol yang diakui oleh perlombagaan negeri tersebut. Alatan ini walaupun tidak digunakan setiap hari, ia tetap memberi lambang yang sama dan menjadi cogan kerajaan.

Memandangkan perkakas alatan istiadat kerajaan itu telah melalui satu peredaran masa yang lama, penulis juga akan memberi sedikit catitan berkaitan penggunaan alatan perkakas tersebut di zaman pemerintahan Sultan Ibrahim dan juga di zaman Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail sekarang.

Akhir sekali penulis menganggap hasil kajian dan penyelidikan ini hanya merupakan satu pandangan yang bersifat menyeluruh sahaja. Untuk membuat kajian yang mendalam berkenaan perkakas alatan kerajaan Johor ini memerlukan panyelidikan yang memakan masa yang lama. Penulis berharap dengan percubaannya ini akan dapat menambahkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan 'Kerajaan Johor Moden' yang diasaskan oleh Sultan Abu Bakar itu.

Bidang Kajian

Perkakas Alatan Istiadat Kerajaan Johor merupakan lambang kebesaran kerajaan Johor. Alatan tersebut merupakan alatan kerajaan yang paling moden pernah diadakan hingga ke zaman ini jika dibandingkan dengan negori-negeri lain di Semenanjung.

Perkakas alatan istiadat kerajaan Johor tersimpan di Istana Besar Johor. Perkakas ini akan hanya dikeluarkan untuk majlis-majlis pertabalan Sultan dan Sultanah, kemangkatan dan hari jadi ulangtahun Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Perkakas alatan istiadat terbahagi kepada mahkota, takhta kerajaan, pedang kerajaan, keris istiadat termasuk bintang-bintang 'Darjah Kerabat Yang Amat Di Hormati' dan 'Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia', Cokmar dan tongkat-tongkat, Cogan alam, Cogan ugama, lembing-lembing istiadat, panji-panji raja, bendera negeri dan payung-payung.

Penulis membahagikan bidang kajiannya kepada lima bab yang besar dan lampiran adat istiadat Kemahkotaan dan pemakaman. Tiap-tiap bab akan dibahagikan kepada bahagian-bahagian kecil sebagai usaha untuk menghuraikan tajuk kecil dalam bab tersebut.

Dalam bab pertama penulis menghuraikan secara ringkas sejarah kerajaan Johor yang bermula dari zaman Sultan Mahmud Shah, pemerintah terakhir kerajaan Melaka.

Riwayat hidup Almarhum Sultan Abu Bakar merupakan satu kajian asas yang penting dalam penyelidikan ini. Sesungguhnya perubahan yang dialami oleh kerajaan dan rakyat Johor adalah berpunca dari usaha-usaha Almarhum. Baginda telah mengalami pahit maung dalam usaha untuk

memajukan negeri ini. Pengangkatan baginda sebagai 'Bapa Johor moden' adalah satu pengiktirafan terhadap usaha-usaha baginda. Malahan bidang kajian ini adalah secara tidak langsung menyelidik usaha-usaha baginda. Perkakas Alatan Istiadat Kerajaan Johor merupakan alatan yang diilhamkan oleh Almarhum.

Bab kedua menyentuh secara menyeluruh Berkakas Alatan Istiadat Kerajaan Johor. Perkakas tersebut dibahagikan kepada beberapa kumpulan-kumpulan.

Bahagian kedua bab ini merupakan bidang kajian yang khusus mengenai perkakas Alatan Istiadat Kerajaan Johor. Penulis memulakan bahagian ini dengan bendera negeri dan panji diraja. Penulis mencatatkan sejarah penggunaan bendera negeri dan bendera-bendera daerah. Juga diterangkan bendera-bendera yang berkaitan dengan jawatan pegawai-pegawai di zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar. Penulis juga membandingkan bendera negeri Johor dengan bendera kerajaan Inggeris.

Bahagian ketiga bab ini penulis membicarakan tentang Mahkota Johor dan Mahkota Sultanah Johor. Oleh sebab mahkota ini merupakan satu perkakas yang teristimewa dan negeri Johor merupakan satu-satunya negeri yang mempunyainya, penulis membandingkan mahkota-mahkota tersebut dengan mahkota-mahkota Ratu Inggeris dan mahkota kerajaan Iran dan Mahkota Leleng kepunyaan kerajaan Selangor.

Mahkota Sultanah disentoh secara ringkas sahaja memandangkan ianya tidak terjumliah dalam Alatan Istiadat Kerajaan Johor.

Bahagian keempat bab ini menyentuh berkenaan **Jata Kerajaan** dan membentingkannya dengan **Jata Kerajaan Inggeris** dan **Jata Kerajaan Malaysia**. Juga berkenaan dengan moto yang tertetap dijata tersebut iaitu 'Kepada Allah Berserah'. Bahagian kelima bab ini menceritakan tentang **Eogan Ugama** yang berbentuk lambang dua lada hitam. Bahagian keenam bab ini mencatatkan berkenaan dengan **cogan Alam**.

Penulis telah menyenaraikan semua alatan istiadat kerajaan Johor yang berupa senjata dalam **Malikatiguru-pulimalau&bdimudahlah** mengenai Pedang Kerajaan Johor. Pedang Kerajaan Johor ini telah diadakan di zaman pemerintahan Sultan Ibrahim. Pedang kerajaan ini telah dibandingkan dengan pedang kerajaan Iran, pedang-pedang diraja Inggeris dan pedang Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong.

Bahagian Kedua bab ini menceritakan tiga bilah keris istiadat. Perbandingan telah dibuat oleh penulis berkenaan peranan keris-keris ini dengan keris-keris yang digunakan dalam istiadat pertabalan sultan Perak, Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong dan keris Terapang Gabus Selangor. Oleh sebab keris-keris istiadat membawa binteng-bintang kebesaran kerajaan Negeri Johor, iaitu Darjah Kerabat Yang Amat Di hormati dan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia maka penulis mencatatkan bentuk-bentuk darjah-darjah kebesaran tersebut. Bahagian ketiga bab ini penulis menerangkan lembing-

lembing istiadat. Lembing-lembing istiadat ini telah dibandingkan dengan Lembing-lembing Kerajaan Perak dan tombak berambu Alat kebesaran Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong.

Bab keenam menyenaraikan Alatan Istiadat Kerajaan Johor yang terdiri dari pelbagai jenis. Permulaan bab ini menerangkan berkenaan Akshta Kerajaan Johor. Takhta Kerajaan Johor ini telah dibandingkan dengan Takhta Kerajaan Inggeris dan Takhta-takhta Kerajaan Iran juga Kerajaan Malaysia.

Bahagian kedua bab ini membincarakan tentang Cokmar. Cokmar kerajaan Johor ini telah dibandingkan dengan Cokmar Kerajaan Malaysia. Dua bahagian terakhir bab ini mengisahkan tentang tongkat-tongkat dan payung diraja. Payung-payung ini telah dibandingkan dengan payung Ubur-ubur kuning kepunyaan Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong.

Selain dari bab penutup penulis juga telah melampirkan catatan berkenaan dengan istiadat-istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan Sultanah Aminah, kemahkotaan Sultanah Nora. Selain dari itu penulis juga mencatatkan istiadat pemakaman Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar.

LATARBELAKANG SEJARAH KERAJAAN JOHOR1.0 Latarbelakang Sejarah Kerajaan Johor

Kerajaan Johor merupakan salah sebuah kerajaan Melayu yang besar selepas jatuhnya kerajaan Melaka. Johor muncul sebagai sebuah kerajaan akibat pelarian dan tekad Sultan Melaka yang terakhir Sultan Ahmad Shah¹ dan ayahandanya Sultan Mahmud Shah untuk mengambil semula Melaka dari tangan Portugis. Ia telah menjadikan Johor sebagai tapak untuk melancarkan operasi tersebut. Johor merupakan tunas menggantikan pucuk yang telah patah.

Kerajaan pelarian Melaka bermula di Pagoh dan telah dibuka oleh Sultan Ahmad Shah. Kerajaan baru itu tidak lama usurnya. Ia telah dimusnahkan oleh Portugis. Sultan Mahmud yang dewasa itu bersemayam di Bentayan (Kuala Muar) telah juga menerima nasib yang sama. Mereka telah melarikan diri melalui Penarikan ke Pahang. Dari Pahang mereka terus ke Bentan. Sultan Mahmud telah diterima oleh masyarakat tempatan dan berkerjaan di sana. Sultan Ahmad Shah pula telah membuka negeri di Kopak.

-
1. Petikan dari Tuhfat al-Nafis (Sejarah Melayu dan Bugis) menunjukkan Sultan Ahmad Shah merupakan sultan yang terakhir dalam senarai Kesultanan Melaka, setelah Sultan Mahmud Shah meletakkan jawatan sebelum Portugis menyerang Melaka secara opensif. "... Maka apabila lepas Sultan Mahmud itu daripada membunuh Bendahara Seri Mahraja dengan tiada sebenarnya itu, maka datanglah qada' Allah Taala iaitu datanglah Feringgi melanggar Melaka. Maka adalah pada masa itu, Sultan Mahmud sudah menurunkan dirinya daripada kerajaan, maka dijadikannya raja puteranya yang bernama Raja Ahmad bergelar Sultan Ahmad Shah".
Almarhum Raja Ali Al Haji Riau, Tuhfat al-Nafis (Singapore: Malaysia Publication Ltd, 1965). hal. 7.

Selepas kemangkatan Sultan Ahmad Shah, Raja Ali telah di tabalkan menjadi Sultan Muda, bakal pengganti waris takhta pelarianitu. Dalam Sejarah Melayu ada menyebutkan jawatan Sultan Muda itu pada mulanya telah dicadangkan untuk dianugerahkan kepada Raja Muzaffar. Sultan Mahmud telah membatalkan rancangan itu akibat dari desakan Tun Fatimah yang kebetulan dewasa itu baru sahaja berputerakan Raja Ali.² Shahrum Husin dalam bukunya, Tawarikh Johor telah juga memberi keterangan lanjut berkenaan penarikan perlantikan itu. Raja Muzaffar telah merajuk akibat pembatalan perlantikan tersebut dan telah melarikan diri ke Perak. Ia telah dirajakan oleh masyarakat tempatan di sana.³ Berkenaan kemangkatan Sultan Ahmad pula Raja Ali Haji telah mencatatkan yang baginda telah diracun oleh ayahendanya sendiri.⁴ Wilkinson mengatakan mungkin ia dibunu atau diracun.

Setelah mangkat Sultan Mahmud Shah di Kampar,⁶ Sultan Muda

-
2. R.O. Winstedt, ed., Sejarah Melayu (M.S. No 18 naskah Raffles) (London: Perpustakaan Royal Asiatic Society, 1938), hal. 190 - 194.
 3. Ibid., hal. 216.
 4. Almarhum Raja Ali Haji Riau., hal.7.
 5. R.J. Wilkinson, A History of the Peninsular Malays (Singapura: Kelly and Walsh, 1923, hal. 50.
 6. Haji Buyong Adil mengatakan baginda mangkat pada tahun 1528. lihat: Sejarah Johor (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971), hal. 14. G.P. Dartford tidak menyatakan dengan jelas berkenaan hal ini. Dalam daftar hiraki kesultanan Melaka, beliau mengatakan baginda mangkat tahun 1528. Dalam daftar hiraki kesultanan Johor pula beliau mengatakan baginda mangkat tahun 1520/1529. Lihat G.P. Dartford, A Short History of Malay (Hong Kong: Longmans, 1962), hal. 26 & 73. R.J. Wilkinson pula menegaskan yang baginda mangkat tahun 1529. lihat R.J. Wilkinson, hal. 52. Menurut Mohd Mahir bin Haji Ahmad baginda mangkat tahun 1530. Lihat Mohd Mahir Hj Ahmad Keputeraan DYMM Sultan Johor. (Johor Baharu: Kerajaan Johor, 1970) Lampiran salsilah Raja Johor.

Raja Ali telah dilantik menjadi sultan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II. Shahrum Husin telah menegaskan yang baginda merupakan orang yang bertanggungjawab menubuhkan kerajaan Johor. Sungguh pun begitu ia tidak menyangkal akan usaha-usaha Sultan Mahmud dalam mengasaskan kerajaan tersebut.⁷ Dartford dalam bukunya menyetujui pendapat ini.⁸ Ini jelas dilihat dalam daftar hiraki kesultanan Melakanya.⁹ Raja Ali Haji juga memberi pendapat yang serupa berkenaan hal ini.¹⁰ Haji Buyong Adil telah memberi kenyataan yang berlawanan. Ia menegaskan yang Sultan Mahmud Shah sebagai Sultan Johor yang pertama,¹¹ iaitu puncak hiraki kesultanan Johor.

Tidak ada satu ketetapan yang dapat diambil berkenaan hal ini. Keadaan huruhara selepas tertawannya Malaka oleh Portugis menyebabkan tiada satu pusat pemerintahan yang tetap, yang dapat dikatakan sebagai ibu negeri satu kerajaan. Tambahan pula sultan

-
7. "Maka baginda itu pun tiada lama bersemayam dan berkerajaan di Kampar, entah apa sebabnya baginda terpaksa beredara dari negeri itu, harus agaknya oleh didatangi orang-orang Portugis. Akhirnya baginda berundur membuka negeri Johor. Negeri Johor itu bagindalah yang mula-mula membukanya...."
 8. Shahrum Husin, hal. 7.
 9. "Shortly before the death of Mahmud the ex-Sultan Of Malacca at Kampar, his son and official heir, Alludin II, is said to have left Sumatera for Pahang, then ruled by his cousin. From Pahang he made his way to the upper part of the Johor River at Sayong. The Malays of the villages on the river accepted him as Sultan."
 10. G.P.Bartford, hal.69.
 11. Ibid., hal.76.
 10. "Sebermula pada zaman Kerajaan Johor pula keturunan raja-raja Melayu itu, iaitu yang pertama Sultan Alauddin Riayat Shah". Almarhum Raja Ali Haji Riau, hal. 8.
 11. Haji Buyong Adil , hal. 14.

Mahmud dewasa itu bertekad untuk menaulki Melaka semula dan masih menganggap baginda sebagai sultan bagi seluruh kerajaan Melaka yang telah runtuh itu. Ia lari ke Bentayan, Kota Kara dan Pahang bukan untuk membuka negeri tersebut, tetapi untuk menjadikan tempat-tempat tersebut sebagai markas untuk membuat serangan terhadap Portugis. Orang yang benar-benar bertujuan untuk membuka negeri dewasa itu ialah, Sultan Ahmad Shah.¹² Baginda membuka Pagoh¹³ dan Kopak.¹⁴ Oleh sebab hayat baginda tidak panjang, tambahan pula daerah-daerah yang dibukanya telah runtuh akibat serangan Portugis, tidaklah dapat dikatakan beliau pengasas Kerajaan Johor. Walau bagaimana pun kemunculan Kerajaan Johor berpunca dari kejatuhan Melaka. Akibat dari perasaan putus asa dalam mengembalikan kerajaan yang agong itu muncullah negara yang menjadi tunas kepada kerajaan yang telah patah itu.

Sultan Alauddin Riayat Shah II telah membuka negeri di Hujung Tanah,¹⁵ iaitu di tempat yang bernama Pekan Tua di Hulu Sungai Telor,¹⁶ cawangan Sungai Johor. Dalam kajian sejarah Kesultanan Johor ini, kita dapatkan kerajaan tersebut sentiasa berpindah-pindah

-
- 12. Sultan Ahmad Shah tidak menyukai pegawai-pegawai ayahendanya, ini menyebabkan baginda lebih cenderung berkerjaan sendiri.
Lihat: W.J. Wilkinson, hal. 50.
 - 13. Haji Buyong Adil, hal. 14.
 - 14. Shahrum Husin, hal. 14.
 - 15. Sultan Alauddin telah memanggil negerinya itu sebagai Hujung Tanah ini dapat dilihat dalam perutusannya kepada Raja Aceh semasa Achch menawan Aru.
Lihat: Haji Buyong Adil, hal. 21.
 - 16. R.O. Winstedt, ed., hal. 218.

pusat pemerintahannya. Perpindahan ini disebabkan beberapa faktor. Oleh sebab Johor merupakan kerajaan saki baki Kesultanan Melaka, Portugis merupakan musuh yang utama. Dari tahun 1529, dengan ter-tubuhnya Kerajaan Johor di Pekan Tua, hingga tahun 1641, apabila Melaka bertukar ke tangan Belanda, berlaku enam serangan Portugis yang besar ke atas Kerajaan Johor.

Sultan Alauddin II terpaksa berpindah dari Pekan Tua ke-Sayong dan dari Sayong Ke Johor Lama setelah pusat pemerintahan kerajaan dilanggar oleh Portugis. Dalam pemerintahan Sultan Ali Abdul Jalil Shah II pula, Portugis telah memaksa pemerintah tersebut berpindah dari Johor Lama ke Batu Sawar. Malahan Batu Sawar itu telah dua kali musnah akibat pengeboman Portugis.

Johor pula telah beberapa kali membuat serangan ke atas Melaka. Tindakbalas inilah yang menyebabkan Portugis merasa tidak senang dengan adanya Kerajaan Johor itu. Secara tidak langsung huru-hara ini menyebabkan pemerintahan Johor tidak mantap dan kukuh.

Dalam pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II, Johor telah hampir-hampir dapat menewaskan Portugis. Penggepongan Kota Melaka oleh Johor berakhir dengan datangnya bantuan dari Goa. Semasa pemerintahan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II pula, Johor telah melancarkan dua serangan. Seperti juga dengan serangan yang

berikutnya di zaman Sultan Alauddin Riayat Shah III, ia tidak memberi kesan yang menggugat terhadap kedudukan Portugis.

Kedudukan Johor semakin bertambah tergugat dengan munculnya Aceh. Perasaan ego di kalangan pemerintah Johor menyebabkan musuhnya bertambah. Peperangan tiga segi antara Portugis, Johor dan Aceh ini telah memberi rahmat yang besar kepada Portugis. Punca permusuhan antara Johor dan Aceh ini bermula dengan penyalakan Aru yang dilakukan oleh Johor dari tangan Aceh. Selain dari itu pemerintah Aceh juga tidak bersetuju dengan tindakan Johor yang berbaik-baik dengan Belanda, terutama di zaman Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II dan Sultan Alauddin Riayat Shah III. Sultan Alauddin Riayat Shah II dan III telah dibunuh oleh Aceh dan pusat kerajaan mereka dimusnahkan sebanyak tiga kali.

Dari maklumat yang diberi tentang serangan Portugis dan Aceh terhadap Kerajaan Johor¹⁷ dapatlah kita bayangkan penderitaan pemerintah dalam menghadapi masalah tersebut. Oleh sebab pemerintah terlalu sibuk berpindah randah, menyebabkan kerajaan Johor tidak kukuh kedudukannya. Saki baki kerajaan Melaka itu semakin bertambah kecil akibat pengunduran negeri-negeri yang dahulu tunduk di bawah Melaka, mengistiharkan kerajaan mereka sebagai negara bebas atau bernaung di bawah kerajaan yang lebih kukuh kedudukannya.¹⁸ Walaupun Johor

17. Lihat Lampiran I

18. Shahrum Husin, 'Tawarikh Johor', hal.8.

berjaya menawan beberapa daerah seperti Aru dan Pahang dalam tempoh tersebut, ia telah tiga kali ditaaluki oleh Achchh. Setelah Bolanda berjaya menawan Melaka dan kerajaan Achchh pula mengalami zaman suram, baharulah Kerajaan Johor benar-benar selamat.

Merujuk kepada perpindahan pusat pemerintahan yang sentiasa berlaku di Johor, kita berdasas seolah-olah amat mudah bagi seorang pemerintah itu untuk diterima oleh kumpulan orang tempatan sebagai pucuk pimpinan mereka. Ini merupakan satu keistimewaan bagi zuriat-zuriat kesultanan Melaka. Daulat mereka yang dikatakan berasal dari keturunan Iskandar Dzulkarnain, menyebabkan mereka dikagumi dan ditaati. Dalam hal ini Sejarah Melayu ada menyebutkan:

"Maka masyurlah pada segala negeri; bahawa anak cucu Raja Iskandar Dzulkarnain turun dari Bukit Seguntang Mahamiru. Maka segala raja-raja daripada segala pihak negeri pun datanglah mengadap raja itu, maka anak raja yang tua sekali itu dijemput oleh orang Indalas, maka dirajakanlah di Minangkabau adapun gelar baginda itu di atas kerajaan Sang Sapurba. Kemudian dari itu maka datang orang Tanjong Pura, maka dijemputnya anak raja yang tengah itu dirajakannya di Tanjong Pura". 19

Ini berbeza dengan kedudukan raja-raja di Eropah dan Cina. Seorang raja yang telah tewas dalam peperangan tidak akan mendapat tempat dan kemuliaan dari mana-mana pihak. Wilkinson berpendapat seorang putera raja Melayu, selagi ia ada mempunyai pengikut, ia

19. R.O. Winstedt, 'Sejarah Melayu', hal. 56.

mempunyai harapan untuk menjadi raja di lembah atau di 'iala.sungai yang masih tiada beraja.²⁰

Kenyataan Wilkinson ini ada kebenarannya. Selepas kemangkatan Sultan Mahmud Shah II, apabila Johor mula diperintah oleh keluarga Bendahara, taat setia kerajaan-kerajaan di bawah takluk Johor mula berbelah bagi. Namun Bendahara Tun Abdul Jalil yang apabila menjadi sultan mengambil gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV itu ada mempunyai pertalian darah dengan keturunan sultan-sultan Melaka.²¹ Agak berbeza pertalian darah dengan dilahirkan sebagai putera raja. Pengakuan Raja Kecil sebagai waris Sultan Mahmud Shah II,²² walaupun disangkal oleh sultan dan keluarganya, ada mendapat simpati dari setengah golongan pembesar-pembesar negeri.²³ Hanya cara beliau

20. "In Europe Where all the continent is divided up under different rulers, there is no place for a fallen king except as a subject. In the thinly populated Malay world it was otherwise. So long as a fugitive prince could induce a few followers to share his lot he might always hope to find some unoccupied valley or river in which, to maintain an empty title and a miniture court".

R.J. Wilkinson, hal.62.

21. Ibid., hal. 64.

22. Shahrum Husin ada menyebutkan yang Raja Kecil telah dinobatkan dan dimahkotakan tetapi tidak tulah, itu menyebabkan ramai orang percaya yang ia zuriat Sultan Mahmud Shah II. Lihat: Shahrum Husin, hal. 25.

R.J. Wilkinson pula mengatakan Raja Kecil telah menjadikan air laut tawar sebagai bukti ia putera Sultan Mahmud. Lihat: R.J. Wilkinson, hal. 71.

23. Ibid., hal. 68.

mengambil tahta tersebut bersalahan dengan adat istiadat raja-raja Melayu. Seperti kata Wilkinson;

"But Malay popular feeling is against the powerful de facto who assumes that power confers rank. Such a man is a worm who aspires to be a dragon".²⁴

Selain dari kisah pendurhakaan Hang Jebat (Kasturi),²⁵ amat sedikit kisah-kisah seperti itu yang kita dengar dalam sejarah kerajaan Melayu jawa. Perjanjian antara Demang Lebar Daun dengan Seri Teri Buana merupakan asas kekuahan kedudukan raja-raja keturunan ini. Perjanjian ini walaupun merupakan suatu metos tercatit dengan jelas dalam Sejarah Melayu.²⁶ Namun pendurhakaan Megat Seri Rama merupakan satu peristiwa yang amat trajik sekali. Pembunuhan Sultan Mahmud Shah II telah menamatkan zuriat Kesultanan Melaka. Akibat pembunuhan baginda, berbagai peristiwa yang membantu kemalapan Kerajaan Johor berlaku. Inilah yang dikatakan daulat seorang raja.²⁷ Tuhfat al-Nafis menceritakan hal ini dengan ringkas sekali. Sultan Mahmud Shah II dikatakan telah membunuh isteri Megat Seri Rama yang dikatakan telah memakan nangka baginda.²⁸ R.J. Wilkinson telah memaparkan satu

24. Ibid., hal. 24.

25. R.O. Winstedt menyebut Hang Kasturi sebagai pendurhaka. Lihat R.O. Winstedt, ed., hal.114.

26. Ibid., hal. 21.

27. Kisah penanggongan Megat Seri Rama akibat mendurhaka terhadap sultan ini ada diriwayatkan oleh W.J. Wilkinson, selain dari itu Raja Kecil sendiri merasa tidak aman memerintah ditempat yang telah disumpah oleh Sultan. Lihat R.J. Wilkinson, hal.64 - 69.

28. Almarhum Raja Ali al-Haji Riau, hal. 20.

kisah yang lengkap berkenaan peristiwa tersebut. Sultan Mahmud di katakan sebagai sultan yang zalim dan berperangai ganjil.²⁹

Suasana aman hasil dari perjanjian dengan Belanda dan Aceh ini nampaknya tidak memberi kesan yang positif ke atas Kerajaan Johor. Kerajaan tersebut masih tetap bergolak. Perasaan khianat, tamak dan cemburu³⁰ merupakan faktor yang utama menyebabkan kelemahan empire ini. Sehingga kerajaan ini berpecah menjadi Pahang, Johor dan Lingga/Riau, kita tidak sunyi dengan perbuatan-perbuatan keji seperti itu. Penjajah Belanda dan Inggeris telah mengeksplotir perpecahan antara keluarga diraja Johor ini dan ini mempercepat proses perpecahannya.

Selain dari kuasa British dan Belanda, kemunculan kuasa raja-raja Bugis telah juga mempengaruhi perkembangan Kerajaan Johor. Sejak kemangkatan Sultan Mahmud Shah II, apabila Raja Kecil dari Siak dapat merebut tahta kerajaan dari Sultan Abdul Jalil Shah IV, Bugis telah berjaya memainkan peranan dalam pemerintahan Kerajaan Johor. Secara tidak langsung Raja-raja Bugis telah dapat menjajah Johor sedara berselindung di bawah jawatan Yamtuan Muda. Perjanjian antara Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dengan Raja Bugis V Bersaudara

29. R.J. Wilkinson, hal. 62.

30. Banyak peristiwa seperti ini berlaku dalam pemerintahan Sultan Abd. Jalil Shah IV, Ibid., hal. 67.

31. R.J. Wilkinson, hal. 67.

itu telah membelenggu Johor. Ia terpaksa menurut telunjuk Bugis. Pemimpin-pemimpin Johor terpaksa membayar harga yang mahal dalam usaha untuk mendapatkan takhta kerajaan.³¹ Pemimpin Raja-Raja Bugis 5 bersaudara, Daeng Merewah (Kelana Jaya Putera) menganggap sultan sebagai isteri. Yamtuan Muda (Bugis) dalam keadaan yang serupa adalah suami. Dengan ini kata putus dalam urusan pemerintahan adalah terletak di tangan Raja-Raja Bugis.³² Ini yang menyebabkan Sultan Sulaiman pada satu ketika melarikan diri dari Riau ke Kampar.³³

Jawatan Yamtuan Muda bermula dari zaman Sultan Abdul Jalil Shah IV. Jawatan ini diadakan semata-mata untuk memujuk adindanya Tun Mahmud yang tidak berpuashati dengan pembahagian jawatan-jawatan yang dilakukan oleh sultan dikalangan keluarganya.³⁴ Sebelum itu tiada catitan yang menunjukkan jawatan tersebut wujud dalam pemerintahan Johor. Namun begitu dengan kehadiran Raja-Raja Bugis di Johor perlantikan Yamtuan Muda dipertegaskan. Jawatan ini adalah hak mutlak Raja-raja keturunan Bugis turun temurun. Sehingga perpecahan Kerajaan Johor, jawatan tersebut masih tetap kekal walaupun kuasa-kuasa Bugis

31. Menurut perjanjian yang dicatitkan dalam Tawarikh Johor, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah berjanji akan melantik salah seorang anak-anak raja Bugis sekiranya mereka membantunya menawan semula Johor dari Raja Kecil.

Lihat: Shahrum Husin, hal. 27.

32. R.J. Wilkinson, hal.70.

33. Haji Buyong Adil, hal. 103.

34. R.J. Wilkinson, hal. 67.

telah pudar dan kerajaan itu lebih kuat dikongkongi oleh Belanda.

Pengaruh Belanda dalam pemerintahan Johor lebih dirasai setelah kematian Raja Ali Haji. Walaupun pada mulanya Belanda mengambil tindakan berdiri atas pagar dalam krisis orang-orang Melayu dan Bugis, setelah Raja Ali Haji menyerang Melaka pada tahun 1784, Belanda terpaksa menyebelahi pembesar-pembesar tempatan.³⁵ Penglibatan secara serius dalam pemerintahan Johor oleh Belanda bermula dengan perlantikan seorang Resident yang ditempatkan di Riau. Kalau sebelum kemunculan Belanda, Bugis menjadikan sultan-sultan sebagai boneka, Belanda pula telah memperalatkan sultan dalam mengukuhkan kedudukannya di Alam Melayu.

Sebagai kesimpulannya kemunculan Kerajaan Johor bukanlah merupakan suatu keistimewaan dalam sejarah Alam Melayu. Johor tidak dapat menggantikan kegemilangan Kerajaan Melaka. Kerajaan Johor hanya merupakan wadah sejarah yang penuh dengan penderitaan dan kehiluan. Walaupun ada beberapa ketika kerajaan tersebut maju baik dari segi ekonomi dan pentadbirannya, ia tidak dapat menyingkap langit mendung yang sentiasa meliputi suasana di sepanjang zaman dalam kewujudan kerajaan tersebut.

35. Sultan Mahmud Riayat Shah II telah dilantik semula sebagai sultan atas persetujuan Belanda pada tahun 1784.

Ibid., hal. 74.

Pengaruh Johor yang pada mulanya tersibar hingga ke Kelantan, Aru Kampar, Perak, Pahang dan Lingga sedikit demi sedikit merosot. Walaupun di zaman pengaruh Bugis kerajaan ini cuba berkembang, ini tidak memberi erti langsung bagi pemerintah-pemerintah Melayu. Pembahagian kawasan pemerintahan yang dilakukan di awal kurun kesembilan belas juga mempercepat perpecahan Kerajaan Johor. Secara tradisi Pahang diperintah oleh Bendahara, Johor dan Singapura di bawah jagaan Temenggong, Yamtuan Muda di Riau dan Sultan sebagai pucuk pemerintah bersemayam di Lingga. Dengan merosotnya kuasa Sultan, pentadbir-pentadbir tempatan ini menjadi seolah-olah bebas dalam menjalankan pentadbiran negeri. Apabila berlaku perselisihan dalam perlantikan Sultan pengganti Sultan Mahmud Riayat Shah III,³⁶ ditambah dengan campurtangan Belanda³⁷ dan Inggeris, Kerajaan Johor dengan resminya berpecah menjadi dua, Riau Lingga dan Johor Singapura. Pahang menurut jejak Johor beberapa tahun kemudian iaitu setelah termetrinya perjanjian Inggeris Belanda di Vienna tahun 1824.

1.1 Sejarah Keluarga Temenggong

Jawatan Temenggong itu tidak diketahui asal-mulanya dalam struktur pemerintahan Kerajaan Alam Melayu. Dalam Sejarah Melayu ada mencatatkan jawatan tersebut bermula dalam pemerintahan Paduka

36. Belanda dan Bugis telah melantik Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Mahmud Riayat Shah III.
Lihat: Shahrum Husin, hal. 49.

37. Belanda telah menawan Riau pada 10hb Nov. 1784. Sejak dari itu Riau dianggap sebagai negeri tawanan perang.
Lihat: Haji Buyong Adil, hal. 142.

Seri Pikarma Wira yang memerintah Singapura setelah pulau tersebut dibuka oleh ayahnya Seri Teri Buana. Orang yang pertama dilantik ialah Tun Jana Putera.³⁸ Dalam struktur 'rajab pohon' pemerintahan, Temenggong merupakan orang besar yang keempat selepas Sultan.



Semasa Sultan Iskandar Shah memerintah Melaka, iaitu selepas Singapura dilanggar Majapahit, tidak ada tercatit dengan khusus jawatan-jawatan yang diadakannya. Di dalam Sejarah Melayu hanya tercatit yang baginda melantik orang Besar (menteri) empat untuk menyelenggarakan pemerintahannya.³⁹ Semasa Raja Tengah memerintah Melaka, dan setelah baginda memeluk ugama Islam dengan gelaran Sultan Muhammad Shah, baginda telah mengatur pemerintahan kerajaan baginda. Namun begitu baginda tidak membuat penghususan tentang jenis pekerjaan yang dibuat oleh Temenggong. Hanya Sejarah Melayu mencatatkan:

"Adapun jikalau raja berangkat hari berusung,
Penghulu Bendahari memegang kepala usungan dan
di kanan Temenggong memegang usungan dan
yang di kiri kepala usungan (Laksamana)".⁴⁰

38. R.O. Winstein, hal 62.

39. Ibid., hal. 82.

40. Ibid, hal. 86.

dan:

"Bermula jikalau raja bergajah, Temenggong di kepala, Laksamana atau Seri Bija Diraja di buntut memegang pedang kerajaan".⁴¹

Namun begitu dalam majlis keraian jenis tugas yang dilakukan oleh Temenggong itu ada ditetapkan. Ia bertanggong jawab mengatur orang makan mengikut pangkat.⁴² Yang nyata di sini ialah jawatan Temenggong itu lebih tinggi tarafnya dari Laksamana. Semasa Sultan Mahmud Shah memerintah, Temenggong bertugas sebagai orang yang bertanggong jawab dalam urusan keamanan dalam negeri. Seperti yang tercatit dalam Sejarah Melayu:

"....apabila orang patut ditangkap dipasong, Temenggong menangkap dia; demikianlah istiadat zaman Melaka".⁴³

Tidak ada sebarang maklumat yang menerangkan jenis orang yang berkelayakan untuk dilantik sebagai Temenggong. Kalau jawatan Bendahara adalah hak waris turun temurun, jawatan Temenggong berkemungkinan mempunyai ciri yang sama. Namun begitu dalam pemerintahan Sultan Mahmud Shah, anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Hassan telah dilantik menjadi Temenggong,⁴⁴

41. Ibid, hal 87.

42. Ibid, hal. 87.

43. Ibid, hal. 164.

44. Ibid, hal. 186.

Dalam struktur pemerintahan Kerajaan Johor pula orang-orang besar seperti Yamtuan Muda, Bendahara dan Temenggong telah dibahagikan kawasan kawalan mereka. Bendahara mengikut tradisinya mengendalikan pemerintahan Pahang, Temenggong pula mengawal Johor dan kepulauan berdekatan termasuk Singapura.⁴⁵ Tujuan Sultan berbuat demikian ialah untuk memudahkan lagi pemerintahan kerajaannya yang luas itu. Secara tidak langsung Temenggong dan Bendahara yang terpisah jauh dari sultan (Menurut catitan, Bendahara dan Temenggong di samping mengawal kawasannya ada beberapa ketika tinggal bersama sultan di Riau dan Lingga) mempunyai peluang yang besar untuk mendibirkan daerah kawasannya menurut kehendak hati masing-masing. Seperti yang telah dinyatakan inilah merupakan satu faktor yang memperlemahkan pemerintahan sultan di daerahnya itu.

Dalam pemerintahan Sultan Mahmud III anak Temenggong Abdul Hamid (Daing Kecil) yang bernama Abdul Rahman telah dilantik sebagai Temenggong Seri Maharaja. Sebelum kemangkatan baginda, Temenggong telah membawa keluarganya ke Singapura dari Bulang. Tidak diketahui apa sebabnya beliau ke Singapura itu. Perpindahan beliau mungkin disebabkan rasa tak puashati terhadap pemerintah. Sebelum itu, pada

45. Hj. Buyong Adil, hal. 154.

tahun 1787, ramai penduduk Riau telah berpindah untuk mengadu nasib masing-masing ke Trengganu, Pahang, Kalimantan dan pulau-pulau sekitarnya semata-mata kerana takutkan Belanda.⁴⁶

Rasa tak puas hati di kalangan pembesar benar-benar dirasai semasa pemilihan Tengku Abdul Rahman sebagai sultan oleh Yamtuan Muda. Kalau mengikut catatan buku Sejarah Johor, sebelum sultan mangkat, baginda mahukan puteranya Tengku Long menjadi sultan.⁴⁷ Dalam Tuhfat al-Nafis pula mencatatkan Sultan Mahmud telah memanggil Yamtuan Muda Raja Jaafar ke Lingga dan mewasiatkan tahtanya kepada Si Komeng, Tengku Abdul Rahman.⁴⁸ Inilah punca keretakan dalam kerajaan Johor/Riau/Lingga/Pahang itu. Namun begitu kalau ditilik dari tarikh perpisahan, Temenggong meninggalkan Riau bukanlah kerana isu penganti tahta Johor. Mereka berpindah pada tahun 1811 semasa Inggeris telah mula mempengaruhi pembesar-pembesar Johor dalam mendapatkan satu kawasan yang sesuai di Kepulauan Riau untuk dijadikan pelabuhan bebas mengantikan Melaka yang dewasa itu akan dicerahkan balik kepada Belanda.⁴⁹

46. Pada tahun 1787 kumpulan lanun telah membantu Sultan Mahmud Shah III menghalau Belanda dari Riau.

Lihat: Ibid., hal. 146.

47. Ibid., hal. 155.

48. Almarhum Raja Ali Al-Haji Riau, hal. 264.

49. Shahrum Husin, hal. 50.

Sebelum itu penjajah Inggeris di bawah Major Farquhar telah datang berjumpa sultan dan Yamtuan Muda dengan membuat beberapa fitnah yang mengatakan Belanda akan menyerang Riau.⁵⁰ Adrian Koek scorang Belanda yang tinggal di Melaka telah memujuk Yamtuan Muda dengan mengatakan yang berita itu tidak benar. Tindakan Yamtuan Muda yang mempersetujui pendapat Adrian Koek itu telah dibantah oleh Tengku Long dan Temenggong Abdul Rahman.⁵¹ Temenggong nampaknya menyukai Inggeris lebih dari Belanda.⁵² Untuk memudahkan beliau berhubung dengan Inggeris itulah yang menyebabkan beliau berpindah ke Singapura.

Menurut Raffles, Temenggong adalah orang yang paling berkuasa di Johor. Ia bebas dari kongkongan sultan yang dianggap boneka Belanda dan Yamtuan Muda.⁵³ Menurut Tuhfat al-Nafis setelah William Farquhar keciwa untuk mendapat tempat di Riau ia telah pergi ke Singapura berjumpa Temenggong. Ia telah bermaufakat dengan Temenggong untuk merajakan Tengku Long di Singapura.⁵⁴ Setelah Raffles sampai ke Singapura dari Benggala maka urusan merajakan Tengku Long di-rencanakan. Tengku Long telah diambil secara sulit oleh Engku Embong.⁵⁵

50. Almarhum Raja Ali Alhaji, hal. 270.

51. Hj. Buyong Adil, hal. 165.

52. Shahrum Husin, hal. 53 dan 54.

53. Dartford, hal 100.

54. Almarhum Raja Ali Alhaji Riau, hal. 276.

55. Dalam Hikayat Abdullah disebut Raja Ambong.

Lihat: R.A. Datoek Besar Dr. R.Roolvink, ed., Hikayat Abdullah, (Jakarta; Djambatan) hal. 190.

Dalam hal ini Inggeris telah memberi alasan iaitu membentulkan peraturan/perlantikan raja.⁵⁶ Tengku Long telah dilantik oleh Raffles atas nama Tuan Gabnor General Benggala membawa gelaran Sultan Husin Shah. Dalam Hikayat Abd'ullah ada menyebutkan:

"Bahawa ketahuilah oleh segala orang, maka Tuan Gabnor General yang di Benggala mengangkat sultan akan Tengku Long dan digelar akan dia Sultan Husin Shah bin Al Marhum Sultan Mahmud Shah dalam negeri Singapura ini dan serta daerah taaluk rantau jajahannya".⁵⁷

Istiadat perlantikan itu dibuat secara ringkas dan tidak menurut adat istiadat pemasyuran raja-raja Melayu biasa. Mulai dari 6hb. Feb. 1819 dengan termentrinya perjanjian antara Temenggong dan Sultan Husin dengan Raffles, Singapura pun dengan resminya tertaaluk dalam pemerintahan Inggeris.⁵⁸

-
56. Shahrum Husin, hal. 54.
 57. R.A. Datook Besar Dr. R.Roolvink, eds., hal. 192.
 58. 1. Perjanjian itu ialah perjanjian persahabatan dan perikatan di antara Stamford Raffles bagi pihak Kompeni Inggeris dengan Sultan Husin Shah dan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman.
2. Perjanjian sementara yang telah diperbuat di antara Raffles dengan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman pada 30hb. Januari tahun 1819 itu telah disahkan.
3. Kompeni Inggeris akan membayar wang kepada Sultan Husin Shah sebanyak \$5,000/- tiap-tiap tahun selagi Inggeris mempunyai loji atau loji-lojinya di Singapura, dan Kompeni Inggeris akan melindungi Sultan Husin Shah selagi baginda diam di Singapura.
4. Kompeni Inggeris akan membayar wang kepada Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman sebanyak \$3,000/- tiap-tiap tahun dan akan melindungi Temenggong itu selagi dia diam di Singapura.

-
5. Sultan Husin Shah dan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman bersetuju membantu dan menolong Kompeni Inggeris melawan musuh-musuh yang hendak menyerang loji atau loji-loji Kompeni Inggeris yang ada atau yang akan didirikan di Singapura.
 6. Sultan dan Temenggong tiada akan membuat perjanjian dengan sebarang bangsa lain, dan tiada akan membenarkan sebarang bangsa Eropah atau Amerika membuat tempat kediaman dalam sebarang daerah-daerah perintah mereka.
 7. Pelabuhan Singapura hendaklah dikirakan di bawah lindungan Inggeris, dan taaluk di bawah peraturan orang-orang Inggeris.
 8. Tambahan kepada Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman bolehlah ia menerima separuh daripada cukai-cukai perahu bumiputera.
 9. Belanja menyelenggarakan Pelabuhan Singapura dan memungut cukai-cukai ditanggong oleh pemerintah Inggeris.
 10. Surat perjanjian ini telah dipersetujui oleh kedua belah pihak dan telah ditandatangani di Singapura pada 6hb. Februari, 1819.

Sebelum itu pada 30hb. Januari tahun yang sama Temenggong sendiri ada membuat surat perjanjian sementara dengan Inggeris.

".....Temenggong Seri Maharaja Abdul R hman, Raja Singapura yang memerintah negeri Singapura dan segala tukun (tokong) pulau mana yang di dalam perintahnya Singapura dalam dia punya nama sendiri dan di dalam nama Seri Sultan Musin Shah Muhammad Raja Johor dengan Seri Paduka Thomas Raffles dengan segala daerahnya wakil Seri Maharaja Gabnor Jeneral di Benggala Yang Maha Mulia.

Maka dari sebab lama bersahabat dan berdagangan perniagaan antara Kompeni Inggeris dengan negeri daerah yang di bawah perintah Singapura/Johor itu baik dibikikan (dibikinkan) pekerjaan yang patut tiada boleh putus selama-lamanya.

Perkara yang pertama, maka boleh Kompeni Inggeris membiki (membikin) loji akan perduduk di Singapura atau di lain-lain tempat yang di bawah perintah Singapura/Johor.

.....
Perkara yang kedua, maka dari sebab itu Kompeni Inggeris berjanji pelihara Dato' Temenggong Seri Maharaja.

Perkara yang ketiga, darihal tanah kompeni mahu biki (bikin) loji perduduk kompeni bolehlah kasi pada satu tahun kepada Dato' Temenggong Seri Maharaja tiga ribu rial.

Perkara yang keempat, maka Dato' Temenggong perjanjian yang selama-lamanya yang Kompeni Inggeris boleh duduk dan pelihara seperti janji ini tiada dia boleh masuk bicara atau lepas masuk di dalam daerahnya pada segala bangsa yang lain daripada Inggeris.

Perkara yang kelima, maka apabila datang Seri Sultan yang dijalan sampai sini boleh habiskan segala perkara-perkara hal perjanjian ini dan tetapi baiklah Kompeni Inggeris boleh pilih satu tempat yang mahu dinaikkan bala tenteranya dengan alat perkakasnya dan menaikkan bendera Kompeni Inggeris. Maka dari itu diturunkan tundatangan dan cap kedua kita di dalam kertas ini. Tatakala diperbuat kertas ini kepada empat haribulan Rabiul Akhir tahun 1232.

Hj. Buyong Adil, hal, 167, 168 dan 169.

Dengan perjanjian di atas dapat kita lihat yang kuasa Temenggong di Singapura adalah merupakan kuasa mutlak sebagai pemerintah di daerah tersebut. Malahan Inggeris telah mengaku yang Temenggong adalah raja di pulau tersebut. Ini tercatit dalam perenggan yang pertama dalam perjanjian di atas. Selepas pendaratan Inggeris di Singapura, Temenggong Abdul Rahman merupakan pentadbir orang-orang tempatan. Adanya Sultan Husin di situ adalah berfungsi sebagai lambang sahaja. Temenggong telah menulis surat kepada Yamtuan Muda, Bendahara Pahang dan Adrien Koek Melaka. Dalam surat pengesahan penerimaan Sultan terhadap pendudukan Inggeris di Singapura, Sultan Husin hanya menyertakan cap mohormnya sahaja. Itulah kali pertama Sultan Husin mengistiharkan dirinya sebagai sultan Johor dan Singapura.

Selepas berlakunya percubaan membunuh Farquhar oleh Sayid Yassin, Temenggong yang tinggal berdekatan dengan tempat kediaman Resident, telah diarahkan oleh Raffles supaya pindah ke Teluk Belanga. Sejak dari tarikh ini kuasa-kuasa sultan dan Temenggong di Singapura telah dihadkan sedikit demi sedikit. Akhirnya pada 2hb. Ogos, 1824 terserahlah Singapura kepada Inggeris. Sebelum itu pada 17hb. Mac dalam tahun yang sama dengan termaktub perjanjian Inggeris Belanda di London berpecahlah Kerajaan Johor/Riau/Lingga/Pahang itu menjadi dua daerah yang berasingan.⁵⁹ Perbuatan Inggeris dalam memecahbelahkan

59. Ibid., hal. 180.

kerajaan Melayu itu, menurut Bendahara Ali Pahang adalah sebagai menceraiakan orang adik beradik.⁶⁰

Pengambilan Singapura oleh Inggeris ini telah juga menerima celaan di kalangan masyarakat Melayu. Inggeris telah menggunakan wang ringgit untuk menjalankan tipu helahnya. Orang yang bertanggongjawab selain dari Raffles ialah John Crawford. Ia telah menahan eluan bulanan sultan dan Temenggong selama tiga bulan berturut-turut hingga menyebabkan mereka bergadai untuk mengatasi masalah kesempitan kehidupan. Akhirnya sultan terpaksa menyerahkan Singapura dengan ganjaran \$33,200 untuk sultan dan \$26,800 untuk Temenggong. Selain dari itu mereka diberi gaji seumur hidup sebanyak \$1,300 dan \$700.

Setelah Temenggong Abdul Rahman mangkat pada 8hb. Desember 1825 Daeng Rongkek atau juga disebut Tengku Chik dan Daeng Kecil yang mewarisi jawatan bapanya itu telah diberi ganjaran \$350 sahaja. Daeng Rongkek ini setelah dilantik menjadi Temenggong telah mengambil gelaran Temenggong Ibrahim. Bagi Inggeris jawatan Temenggong ini tidak begitu mustahak diadakan dewasa itu. Seperti juga jawatan sultan, ia terpaksa diadakan semata-mata menurut adat istiadat kesultanan Melayu. Pada tahun 1841 atas permintaan Gabnor Samuel George Bonham, Temenggong Ibrahim telah dilantik sebagai Temenggong Seri Maharaja Johor oleh Tun Ali Bendahara Pahang.⁶¹ Memandangkan

60. Ibid., hal. 174.

61. Ibid., hal. 193.

wang pampasan yang diberikan kepada Temenggong Abu'l Rahman masih dianggap kecil jika dibandingkan dengan pengorbanannya di atas pembukaan Singapura oleh Inggeris, maka eluan bulanannya diteruskan untuk diterima oleh Temenggong Ibrahim dengan kadar yang berkurangan.

Sebelum kemangkatan Sultan Husin, tidak ada ketentuan tentang hak mengutip cukai di Johor. Namun begitu Sultan Husin ada membuat beberapa perlantikan pembesar-pembesar untuk mentadbirkan daerah-daerah Muar dan Segamat. Temenggong Ibrahim pula telah ditauliahkan untuk mentadbirkan daerah-daerah Pontian, Ramunia dan Sedili.

Hikayat Johor menceritakan yang Temenggong Ibrahim merupakan orang yang pandai membawa diri dan baik budi bahasanya. Ia bersahabat baik dengan Gabnor dan selalu menolong Gabnor dalam menjaga keamanan negeri. Temenggong Ibrahim merupakan orang yang bertanggongjawab dalam menghapuskan perompak lanun di perairan Selat Melaka.⁶² Oleh sebab jasanya Temenggong telah dianugerahkan oleh Inggeris atas restu Ratu Victoria, sebuah pedang. Ini merupakan satu istiadat yang sungguh besar.⁶³ Dari semenjak itu persahabatan Temenggong dengan Inggeris semakin bertambah erat sekali. Inggeris sentiasa meminta bantuan dan nasihat dalam hal menyelenggarakan pentadbiran pulau tersebut.

62. Captain Haji Mohd Said bin Hj. Sulaiman, Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar Johor. (Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor 1950) hal. 4.

63. R.A. Datoek Besar/Dr. R.Roolvink, hal. 108 - 411.

Pada masa itu Temenggong merupakan pembesar yang sungguh terkenal. Gabnor telah menawarkan bantuan untuk menghantar anak Temenggong Wan Abu Bakar dan War. Abdul Rahman untuk belajar di England. Tawaran tersebut telah ditolak oleh Temenggong. Ia belum cekal hati untuk menghantar anak-anaknya belajar begitu jauh sekali. Sebaliknya mereka telah dianjurkan belajar bahasa Inggeris, Melayu dan tulis menulis kepada Paderi Kersberry.⁶⁴

Temenggong memperolehi keuntungan yang banyak dengan terjumpanya sejenis pokok yang mengeluarkan getah, getah perca, di Johor. Temenggong telah memperolehi hak membeli dan menjual getah tersebut. Oleh sebab perusahaan gambir dan lada hitam tidak maju di Singapura, dengan galakan Temenggong, ramailah orang-orang Cina berpindah ke Johor. Temenggong telah membuat perjanjian dengan peladang-peladang Cina tersebut dalam perniagaan candu di Johor. Hasil dari perniagaan candu, Temenggong memperolehi sebanyak \$300 sebulan. Dengan ini bertambahlah kekayaan Temenggong itu.

Selepas kemangkatan Sultan Husin pada tahun 1835, perselisihan faham telah berlaku antara Tengku Ali dan Temenggong. Ini berpunca dari isu hak pengutipan cukai di Johor. Dalam usaha

64. R.A. Datoek Besar/Dr. R.Roolvink, ed., hal. 412.

mengekang perselisihan ini dari menjadi perperangan saudara, Gabnor Butterworth telah menghantar surat kepada Setiausaha Kerajaan Benggala.

"Saya berasa sedikit bimbang hendak menarik fikiran Temenggong dan Bendahara Pahang, supaya mempersetujui di atas lantikan Sultan Muda dan mengadakan istiadat dengan mengadakan perbelanjaan yang banyak, dan Tengku Ali manakala baginda memikirkan baginda telah dapat sokongan dari Gabnor, tatakala itu tentulah baginda akan menjalankan kuatkuasanya dan menerbitkan perselisihan dengan Temenggong Johor".⁶⁵

Berikutnya dengan surat ini Tengku Ali yang sebelum ini belum diiktiraf sebagai Sultan Johor, telah dilantik menjadi sultan. Walau bagaimanapun oleh sebab perlantikan itu tiada melalui upacara yang sah, Temanggong masih merupakan orang yang berpengaruh di Johor. Ini diperhebatkan pula dengan sokongan orang-orang Eropah di Singapura terhadap beliau. Bagi orang Inggeris Temenggong merupakan orang Melayu yang bertamaddun dan lebih layak dari Sultan Muda dalam menyelenggarakan pemerintahan negeri Johor, serta lebih sesuai dengan perjalanan pemerintahan Inggeris.⁶⁶ Sekiranya Inggeris tidak memikirkan tentang akibat buruk yang akan berlaku andai dilantik Temenggong menjadi sultan, sudah pasti mereka berbuat demikian dari melantik Sultan Ali menjawat jawatan tersebut. Melalui usaha-usaha Butterworth perjanjian telah dapat dibuat antara Temenggong

65. Shahrum Husin, hal. 68.

66. Ibid., hal. 71.

dan Sultan Ali. Melalui perjanjian ini Temenggong mendapat hak kawasan Johor dan Sultan Ali daerah Muar.⁶⁷

Setelah memperolehi Johor secara mutlak, Temenggong telah mentadbirkan negeri itu dengan teratur. Ia telah memeriksa seluruh jajahan taaluknya. Ia telah membawa masuk lebih ramai penanam gambir dan lada hitam. Ia telah melantik ketua-ketua bagi tiap-tiap daerah

-
67. "1. Adalah Sultan Ali hingga keturunan ahli waris gantinya telah menyerahkan kerajaan dan sepenuh-penuh hak kuatkuasanya, kepada Dato' Temenggong Ibrahim hingga kepada keturunan atau ahli waris gantinya untuk selama-lamanya akan kesemua tanah daerah taaluk Johor terkecuali jajahan Kesang.
2. Temenggong Ibrahim akan membayar \$5,000 kepada sultan apakala sempurna tundatangan diturunkan dalam surat itu, dan \$500 dibayar pada tiap-tiap bulan sehingga selama-lamanya mulai dari 1hb. Januari, 1855.
3. Negeri (jajahan) Kesanglah sahaja tinggal dalam pemerintahan sultan.
4. Sekiranya jajahan Kesang hendak dijual oleh sultan, lebih dahulu hendaklah ditawarkan kepada Kompeni Inggeris, kemudian kepada Temenggong dengan harga yang sama, setelah itu baharulah ditawarkan kepada orang lain.
5. Berkenaan dengan hal perniagaan, hendaklah dibebaskan dan tiadalah boleh membangkitkan atau menimbulkan apa-apa pergaduhan.
6. Sekiranya berbangkit sesuatu perselisihan bolehlah diserahkan kepada hukuman atau perselesaian kerajaan India, kerana adalah perjanjian antara kedua belah pihak diperbuat dengan diketahui oleh kerajaan itu.
7. Adalah perjanjian yang diperbuat itu, tiadalah mengganggu atau mencacatkan perjanjian yang diperbuat dengan Kompeni Inggeris, bertarikh 2hb. Ogos, 1824.

Captain Hj. Mohd. Said bin Sulaiman, hal. 5 - 6.

pentadbirannya. Pentadbiran kerajaannya masih tetap berpusat di Teluk Belanga. Namun begitu ia telah membuka Tanjung Puteri untuk dijadikan bandar.

Gelaran Dato' Temenggong telah diubah menjadi Raja Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja Johor. Selain dari berusaha untuk memajukan negeri, Temenggong juga ada mencampuri hal ehwal pentadbiran negeri Pahang. Baginda telah membuat perjanjian dengan Bendahara Mutahir untuk bertolong-tolongan dalam mempertahankan negeri masing-masing disamping memperkuatkan hak pemerintahan. Ada beberapa sebab yang mendorong Temenggong mengambil berat tentang perjalanan pentadbiran Pahang. Selain Temenggong mempunyai pertalian darah dengan Bendahara Mutahir, ia berkeinginan untuk menyatukan daerah Pahang dan Johor dibawah pemerintahan seorang Yang Di Pertuan dan dia adalah sebagai Yang Di Pertuaannya. Ini juga yang mendorong Temenggong untuk menyebelahi Bendahara dalam persengkitaannya dengan adiknya Wan Ahmad dalam perebutan kuasa kerajaan. Kebetulan pula dewasa itu Wan Ahmad dibantu oleh Sultan Ahmad Ibni Almarhum Sultan Abdul Rahman, Sultan Riau Lingga yang telah dipecat oleh Belanda. Baginda juga berminat untuk menjadi raja Pahang. Ini merupakan satu ancaman yang serious kepada Temenggong dan akan menjadikan kedudukannya sebagai pemerintah Johor.

Dalam usaha untuk memperteguh kedudukan dalam menghadapi situasi politik yang meruncing, Temenggong Ibrahim telah berusaha mempererat ikatan persaudaraannya dengan keluarga Wan Mutahir.

Dalam usaha ini Cik Engku Besar dan Encik Wan Abu Bakar, puteri dan puteranya telah dijodohkan dengan anak-anak Wan Mutahir, Wan Koris dan Cik Engku Chik. Dengan bantuan yang diberi oleh Temenggong kepada Wan Mutahir dalam menghadapi perang saudara, Temenggong telah mendapat hak mentadbir kawasan-kawasan antara Sedili Besar dan Sungai Endau.

Dengan itu dapatlah kita membuat kesimpulan yang Temenggong bukanlah pemimpin sebarangan. Ia merupakan seorang tokoh pemerintah Melayu yang sedar dengan nilai-nilai kemajuan. Ia begitu bijak meng-exploitasi situasi percaturan politik semasa. Sebelum ia mangkat pada tahun 1862 ia berjaya memetri perjanjian dengan Bendahara Pahang. Perjanjian ini diperbaharui setelah Wan Koris dan Wan Abu Bakar memerintah negeri masing-masing.⁶⁸ Setelah itu perjanjian ini di-

-
68. 1. Sekiranya berbangkit suatu pergaduhan dengan sebab langgaran musuh di atas negeri masing-masing, di antara kedua belah hendaklah bertolongan.
 2. Jika berbangkit satu kekusutan atau pergaduhan antara kedua belah pihak, hendaklah dijadikan kerajaan Inggeris itu sebagai orang tengah kerana menyelesaikan.
 3. Jikalau ada kesusahan atau pergaduhan kerajaan Inggeris di Singapura, hendaklah kedua-duanya (Johor dan Pahang) membantu.
 4. Tiadalah boleh seorang (salah sebelah pihak) membuat suatu muafakat kepada raja atau kerajaan lain.
 5. Tiadalah boleh keturunan lain menjadi raja negeri masing-masing.

perbaiki.⁶⁹

1.2 Sultan Abu Bakar.

Seperti juga Temenggong Ibrahim, Wan Abu Bakar merupakan pemerintah yang berdedikasi. Dari kecil ia telah dididik oleh ayahnya dengan berbagai ilmu pengetahuan, pelajaran Melayu, ilmu ugama, dan belajar bahasa Inggeris. Selain dari itu ia juga telah dilatih mendirikan negeri. Abu Bakar telah mengikut jejak bapanya dengan membuat persahabatan dengan Inggeris dan bangsa-bangsa kulit putih lainnya. Dalam mengganti tempat bapanya Abu Bakar masih menghadapi masalah, baik masalah dalam negerinya sendiri, maupun masalah negeri jiran, Pahang. Apabila Wan Koris memegang tumpuk pemerintahan Pahang, serangan Wan Ahma

-
69. 1. Johor dan Pahang keduanya mengaku sahabat bersahabat selama-lamanya.
 2. Jika Johor dapat kesusahan kerana diserang oleh musuh, hendaklah Pahang membantu.
 3. Jika Pahang diserang oleh musuh hendaklah Johor menghantar bantuan.
 4. Ditentukan Sungai Endau dan Pulau Tioman jadi sempadan di antara Johor dan Pahang.
 5. Hendaklah rakyat di antara kedua belah pihak beroleh sama kebebasan dan hukuman.
 6. Rakyat Inggeris hendaklah dibenarkan bermiaga dan sama dapat kebebasan atau hukumannya seperti rakyat negeri.
 7. Sekiranya berbangkit apa-apa perselisihan antara kedua belah pihak, hendaklah diserahkan perselisihan itu kepada kerajaan Inggeris menyelesaikan.
 8. Tiada boleh salah satu pihak membuat perhubungan dengan kerajaan asing, iaitu dengan tidak setahu Inggeris.

semakin bertambah hebat. Abu Bakar terpaksa memberi bekalan senjata dan tenaga tentera kepada iparnya. Di samping itu ia telah mengarahkan Raja Trengganu dan Perak supaya memberhentikan bekalan senjata dan peluru kepada orang-orang Wan Ahmad. Selain dari itu Abu Bakar juga telah menawarkan hadiah kepada sesiapa yang dapat membunuh Wan Ahmad. Ini menunjukkan ketegasan Wan Abu Bakar dalam membantu kerajaan Pahang.

Seperti juga ayahnya Wan Abu Bakar berminat untuk menyatukan Pahang dan Johor di bawah perintahnya. Kerana inilah yang menyebabkan timbulnya rasa curiga di kalangan pembesar-pembesar Pahang. Peperangan di Pahang itu berakhir dengan kemenangan Wan Ahmad. Temenggong Abu Bakar berdamai dengan Wan Ahmad. Atas saranan Temenggong Wan Ahmad telah menukar gelarannya kepada sultan. Ini mendapat persetujuan dari pihak Inggeris. Ekoran dari perdamaian antara Temenggong dan Sultan Pahang, Johor terpaksa menyerahkan semula Pulau Tioman kepada Pahang dan garis lintang 2° 40' dijadikan sebagai asas sempada kedua belah negeri. Perjanjian ini dibuat di hadapan Herry Ord pada tahun 1868.

Kemampuan Abu Bakar memerintah negeri dapat dinilai dari kemajuan-kemajuan yang diperolehi selama ia memegang teraju pemerintahan negeri. Oleh sebab ekonomi yang sudah mantap Temenggong tidak lagi memerlukan bayaran \$15,000 dari Inggeris seperti yang tercatit dalam perjanjian tahun 1824. Dengan ini kawasan Teluk Belanga, kawasan kediaman Temenggong di Singapura menjadi hak milik Temenggong untuk selama-lamanya.

Keteguhan ekonomi Temenggong adalah berpunca dari kemajuan yang dicapai di Johor. Tanjung Puteri yang dibuka oleh Temenggong Ibrahim telah berjaya menarik lebih ramai pelabur-pelabur. Abu Bakar telah dapat mencontohi Singapura dalam urusan-urusan pentadbiran negeri. Untuk melicinkan pentadbiran Johor yang kian membangun ia telah mendirikan pejabat-pejabat kerajaan, rumah pasong, mahkamah dan balai polis. Selain dari itu jalan-jalan raya, mesjid dan istana juga telah didirikan di bandar Tanjung Puteri.

Pada tahun 1864 Abu Bakar telah menukar nama bandar tersebut sebagai Bandar Johor Bahru. Ia telah mengadakan sistem perundangan yang bercorak Islam dan Barat. Aturan-aturan lembaga kerajaan telah dirangka bagi memudahkan pentadbiran. Selain dari itu untuk memusatkan lagi perusahaan tanaman lada hitam dan gambir, pusat-pusat kastam telah didirikan di Johor Bahru, Pendas, Kukup, Batu Pahat, Tanjung Surat dan Pengerang.

Pada tahun 1968 Temenggong telah mengubah gelarannya kepada Maharaja Johor. Lapan belas tahun kemudian ia mendapat pengiktirafan sebagai Sultan Johor dengan nama Sultan Abu Bakar Ibni Almarhum Alkhailil Ibrahim Shah. Kemasyuran baginda selain dari bijak memerintah negeri, baginda juga banyak membuat lawatan ke negeri-negeri asing di timur dan barat. Baginda pernah melawat ke India, Jawa, Cina, Jepun, Jerman, Itali, Austria dan Turkey. Baginda telah beberapa kali melawat England. Dengan pengalaman yang luas baginda dapat menyesuaikan struktur

pemerintahan baginda dengan cara pemerintahan negara-negara yang
baginda lawati.

"Setelah beberapa bulan di sana pada hal
bukanlah kerana mencari kesukaan dan menurut
hawa nafsu sahaja tetapi memerhatikan
sekalian benda-benda yang berguna dan
berfaedah yang boleh dijadikan tauladan
yang baik supaya dipakai pada negeri
kerajaan...." 70

Dengan penyerahan kuasa pemerintahan kawasan Kesang kepada
Sultan Abu Bakar pada tahun 1877 maka bertambah luaslah kerajaan
takluk baginda itu. Sultan telah melantik Encik Andak untuk menjaga
Muar dan Encik Mahmud menjaga Kesang. Perlantikan itu bertujuan untuk
melicinkan pentadbiran daerah-daerah tersebut.

Persahabatan baginda dengan Ratu Victoria juga mempengaruhi
perhubungan Johor dengan pemerintah-pemerintah Inggeris di Singapura
dan England. Selain dari itu Sultan Abu Bakar merupakan salah seorang
pemerintah yang menurut kacamata Inggeris mempunyai hemat yang tinggi.
Pertolongan baginda selalu diminta oleh Inggeris dalam menyelesaikan
huru hara dan kacau bilau yang berlaku di negeri-negeri Melayu lainnya.

Dalam perbalahan yang berlaku di Selangor baginda telah
dapat membantu Inggeris dalam memadamkan api persengketaan antara
keluarga diraja di sana. Raja Mahdi yang disokong oleh Inggeris

telah berjaya menduduki tahta kerajaan Selangor atas pertolongan Sultan Abu Bakar. Baginda juga telah dapat mententeramkan keadaan kacaubilau yang berlaku di Perak.

Kalau dikaji sejarah penjajahan Inggeris di negeri-negeri Melayu, negeri Johor merupakan negeri Melayu yang paling lama dan paling rapat dengan penjajah Inggeris. Sebaliknya pula ia merupakan negeri yang terakhir menerima Resident Inggeris di negeri tersebut. Dengan kedudukannya yang berdekatan dengan Singapura, ia menjadi begitu penting bagi penjajah Inggeris dalam mensetabilkan kedudukannya di pulau tersebut dan seterusnya memperluaskan pengaruhnya di rantau Semenanjung Tanah Melayu.

Oleh sebab kecekapan Sultan Abu Bakar dalam memimpin negeri Johor menyebabkan sulit bagi Inggeris untuk mencampuri hal ehwal pentadbiran negeri tersebut. Kebolehan ini juga ada pada Temenggong Abdul Rahman dan Daeng Rongkek. Kebolehan pemimpin-pemimpin Johor ini kalau ditilik dari sudut mutu pendidikan memanglah agak kurang. Satu perkara yang jelas, mereka ini mempunyai kaliber dalam memainkan percaturan politik semasa. Di samping itu mereka mempunyai percampuran darah, darah bangsa Melayu yang bersopan santun; dan darah Bugis, bangsa yang terkenal dengan nilai-nilai kepahlawanan dan keberaniannya. Seperti kata Rupert Emerson;

"Those rulers, some of whom are commonly asserted to have a considerable admixture of non-Malay blood in their veins, have

not been noted for their high moral character or, perhaps, for their scholastic brilliance, but they have gifted with political talents of a high order." 71

Pemimpin-pemimpin Johor tahu bila untuk tunduk dan untuk bertindak dalam merebut peluang yang sedia menanti. Mereka pandai menyesuaikan diri dengan norma-norma dan keperluan dunia imperialis yang cuba menekan mereka. Di samping itu mereka juga bijak dalam memainkan peranan dalam menghadapi dua situasi yang mencabar, mematuhi tatasusila ketimuran dan menyediakan diri untuk menangkis dan menerima pengaruh-pengaruh barat. Menyedari yang Singapura bukanlah pusat Empire Inggeris, pemimpin-pemimpin Johor dapat memikat perhatian pemerintah London terutamanya Ratu Victoria untuk memperkuuh kedudukan negeri tersebut sebagai rakan Inggeris dan bukan sebagai tanah jajahan. Dalam penerimaan Penasihat British Johor merupakan salah sebuah negeri yang terawal berbuat demikian. Sebelum tahun 1914 penasihat tersebut benar-benar tidak berfungsi dalam pentadbiran negeri. Sebaliknya pula Johor telah mengambil sebuah syarikat perundangan swasta dalam mendapatkan nasihat-nasihat yang berkaitan dengan pentadbiran dan perundangan negeri.

Dalam proses kemajuan negeri Johor, Sultan Abu Bakar merupakan seorang tokoh pemimpin yang paling berjasa dalam membawa arus

71. Rupert Emerson, Malaysia: A Study in Direct & Indirect Rule (Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press Singapore, 1964) hal. 198.

kemodenan ke negeri tersebut. Ia telah memerintah Johor dari tahun 1862 semasa berumur 28 dan telah memerintah Johor selama 33 tahun. Ahli-ahli sejarah Johor berpendapat; kehidupannya merupakan percampuran dunia tradisi Melayu dan kosmopolitan barat.⁷² Oleh sebab sikap hidupnya yang bercorak demikian, ia memperolehi keuntungan yang besar dalam keadaan zaman seperti itu dewasa itu. Pada tahun 1866 buat pertama kalinya ia melawat England dan menjadi tetamu Ratu Victoria. Persahabatannya Ratu Victoria dapat memberi banyak keuntungan baginya dan Johor. Pada tahun-tahun 70an Inggeris mulai mengambil negeri-negeri Melayu di bawah pengaruhnya. Dalam menghadapi masalah-masalah yang timbul dalam pemerintahan negeri tersebut, Ienggeris sentiasa memerlukan bantuan Sultan Abu Bakar. Dalam menghadapi masalah Perak, Inggeris pada satu masa berkeinginan untuk menyatukan Johor dan Perak di bawah perintah Sultan Abu Bakar.⁷³

Inggeris sememangnya mengakui kebolehan Sultan Abu Bakar memerintah negeri. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Lord Carnarvon, Setiausaha Tanah Jajahan yang berbunyi;

"for administrative and general ability no Malay ruler can compare with the Maharaja of Johore."⁷⁴

Kecekapan dan kemampuannya itu akhirnya mendapat pengakuan yang mutlak dari London. Pada tahun 1885 apabila baginda melawat England,

72. Ibid., hal. 199.

73. Ibid., hal. 199.

74. Ibid., hal. 200

baginda telah diangkat dan diiktiraf sebagai 'Sultan' oleh Ratu Victoria. Dengan itu juga secara sah Johor bernaung di bawah panji-panji Inggeris. Perjanjian ini agak berbeza dengan perjanjian-perjanjian Inggeris dengan negeri-negeri Melayu lainnya. Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Setiausaha Tanah Jajahan dan bukan Gabnor Negeri-negeri Selat.

Taraf Johor selepas perjanjian 1885 itu adalah seperti negeri-negeri yang bebas. Mahkamah Inggeris menghormati Sultan Johor sebagai sultan yang bebas dan tidak boleh didakwa di mahkamah. Ini dapat dibuktikan dengan kes mahkamah *Mighell V. Sultan of Johore.*⁷⁴ Selain dari itu Pejabat Tanah Jajahan juga mengakui status negeri Johor ini dengan mengatakan;

"Johore was an independent state and territory in the Malay Peninsular." ⁷⁵

Pergantian Sultan Abu Bakar dan keluarganya dari Singapura ke Johor Bahru merupakan satu cara beliau untuk terus berdampingan rapat dengan England dan mengelakkan campurtangan Gabnor negeri-negeri Selat dalam pentadbiran negeri Johor. Persahabatan Sultan yang bertambah erat dengan Ratu Victoria menimbulkan rasa curiga pentadbir negeri-negeri selat dan negeri-negeri bersekutu. Namun begitu mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana Sultan Abu Bakar merupakan raja Melayu yang pertama dan yang tunggal dijemput oleh Ratu Victoria

75. Ibid., hal. 202.

untuk makan bersamanya di 'Castle' pada 25hb Februari 1891.

Singgakan semasa baginda sakit tenat, Ratu Victoria telah menghantar abib peribadinya untuk merawat Sultan Abu Bakar.

Satu perkara yang sungguh menonjol dalam proses pemodenan yang dibuat oleh Sultan Abu Bakar ialah pengubalan Undang-Undang Tubuh Negeri Johor. Undang-Undang Tubuh ini telah dibuat pada tahun 1895 iaitu sebelum ia mangkat. Dokumen ini telah dirangka dalam bahasa Inggeris dan Melayu oleh Syarikat Perunding Swasta di Singapura, iaitu Badan Perunding Undang-Undang kepada sultan. Undang-Undang Tubuh ini masih dipakai hingga sekarang. Ia merupakan satu contoh perundangan moden dalam pentadbiran negeri yang bercoral demokratik. Menurut Rupert Emerson:

"No pretense is made in it that it is a Western constitution or that it establishes a democratic form of government." 76

76. Ibid., hal. 203.

BAB II

PERKAKAS ALATAN ISTIADAT KERAJAAN JOHOR.

2.0 Pengenalan.

Bab kedua ini mengandungi enam tajuk kecil. Permulaan bab ini dimuatkan dengan pengenalan Perkakas Alatan Istiadat Kerajaan Johor dan perkaitannya dengan Alatan Istiadat Kerajaan Melaka dan Johor/Riau/Pahang/Lingga. Di samping itu sejarah penggunaan alatan istiadat kerajaan itu juga dicatatkan di bahagian ini. Bahagian kedua bab ini mengisahkan tentang Alatan Istiadat Kebesaran Kerajaan Johor yang pertama iaitu bendera negeri. Sejarah penggunaan bendera dan jenis-jenis bendera yang terdapat di zaman Sultan Abu Bakar juga dinyatakan dalam bahagian kedua bab ini.

Bahagian ketiga bab ini adalah mengenai Mahkota Johor. Dalam bahagian ini mahkota Johor telah dibandingkan dengan Mahkota Leleng Selangor. Mahkota-mahkota Inggeris dan Mahkota Pahlavi Iran. Perbandingan ini adalah bertujuan untuk menunjukkan tentang nilai, bentuk dan sejarah Mahkota Johor itu. Bahagian keempat bab ini pula adalah mengenai Jata Negeri Johor. Jata Negeri Johor ini telah di bandingkan Jata Kerajaan Malaysia dan Inggeris. Perbandingan ini pula adalah bertujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan tentang falsafah yang terkandung dalam Jata tersebut.

Istiadat Kebesaran Kerajaan Johor yang bernama Cogan Ugama. Perbahasan dalam bahagian ini mengkhusus tentang bentuk, falsafah dan perkaitannya dengan ugama Islam. Bahagian terakhir bab ini mencatatkan tentang Cogan Alam.

Dalam Sejarah Melayu ada menyebutkan tentang perkakas alatan istiadat kerajaan. Munculnya kisah tentang perkakas istiadat itu bersamaan dengan kemunculan anak raja keturunan Iskandar Dzulkarnain, Sang Sapurba, Sang Maniaka, dan Sang Utama di Bukit Seguntang Mahamiru.¹ Mahkota, pakaian kerajaan dan kuda putih merupakan alatan kebesaran kerajaan yang pertama pernah didengar didalam persejarahan negara ini. Alatan ini seolah-olah memberi nilai kedaulatan kepada anak-anak raja tersebut. Mungkin, andainya kemunculan anak-anak raja itu tanpa alatan kebesaran, zuriat mereka dan kepercayaan Wan Empuk dan Wan Malini terhadap mereka agak longgar. Ini ternyata dengan pengakuan ketiga-tiga pemuda tersebut.

"Mahkota inilah alamatnya tanda hamba²
anak cucu Raja Iskandar Dzulkarnain".

Kalau dikaji dari kacamata sejarah peristiwa tersebut memang susah untuk diterima oleh akal. Seperti juga kemunculan anak

1. R.O. Winstedt, ed., Sejarah Melayu (London:JMBRAS. Vol.XVI Part III 1938)

2. Ibid., hal. 55.

raja, peristiwa mahkota itu amat sukar untuk dipercayai. Namun, seperti juga unsur-unsur metos yang lain samada berkaitan dengan peristiwa permulaan kerajaan atau kisah raja-raja, mahkota dan alatan kerajaan lainnya itu mempunyai fungsi yang tertentu. Masyarakat dewasa itu sudah memahami nilai mahkota dan pengaruhnya ke atas sesabuah kerajaan. Ia juga dapat mengasingkan rakyat biasa dari keturunan raja-raja.

Dengan terbentuknya kerajaan Melaka dan datangnya pengaruh Islam, institusi pemerintahan negeri menjadi lebih teratur. Sultan Muhammad Shah telah mengatur pemerintahan baginda dan merangka undang-undang dan larangan kerajaan.³ Walau pun perkakas alatan istiadat kerajaan ada dinyatakan berkaitan dengan pembentukan kerajaan itu, tidak tersebut tentang penggunaan mahkota disepanjang pemerintahan kerajaan Melaka. Alatan kebesaran kerajaan yang dicatatkan oleh pengarang Sejarah Melayu terbahagi kepada dua, iaitu alatan sultan dan alatan kerajaan. Sebelum kedatangan Islam alatan raja ini ada tersebut dizaman pemerintahan Sultan Iskandar Shah.⁴ Namun tidak dinyatakan apakah yang dikatakan alatan raja tersebut. Di zaman Sultan Muhammad Shah alatan raja itu disenaraikan sebagai, ketur, kendi, kipas, perisai, panah dan pedang kerajaan. Alatan kerajaan

3. Ibid., hal 84 - 88.

4. Ibid., hal 82.

Alatan kerajaan ~~pula~~ dicatitkan sebagai nafiri, nakara, payung putih, payung kuning, gajah atau kuda, tombak, lembing, cogan, gendang negara dan nobat.⁵

Alat-alat istiadat kerajaan ini dengan jelas menunjukkan kepada kita yang ia berfungsi sebagai unsur memberikan nilai legitimasi kepada raja sebagai pemerintah. Raja seperti yang diketahui umum adalah khalifah Allah di bumi,⁶ mestilah mempunyai nilai-nilai yang agong mengetasi kedudukan rakyat biasa. Selain dari itu alatan istiadat itu juga dapat mengangkat mertabat kerajaan seajar dengan kerajaan-kerajaan yang besar lainnya.⁷

Dalam perkembangan kerajaan negeri Johor/Pahang/Riau/Lingga alatan istiadat kerajaan ini ada disebutkan semasa pertelahanan tentang pertabalan Sultan Abdul Rahman sebagai pengganti Sultan Mahmud ketiga.

5. Ibid., hal 85,86,87.

6. Mereka disebut sebagai Khalifatullah Fi'l-ardhi.

7. Dalam hal ini Sejarah Melayu menyebutkan:

"Maka tetap dan chepir diberikan pada orang yang membawa surat jikalau seperti surat dari pasai, di jemput dengan salengkap alat kerajaan, nafiri, nakara, payung putih dua berapit, gajah dikepulkan di ujung balai, keranaraja dua buah negeri itu sama, jikalau tua muda sekali pun berkirim salam juga. Tetapi jikalau surat daripada yang lain dikurangkan bermakna daripada itu sakadar gendang dan serunai dan payung kuning juga; jikalau patut, bergajah; jikalau patut, berkuda, diturunkan diluar pintu yang diluar. Jikalau raja yang besar sadikit, diberi bernaifiri dan payong satu putih satu kuning, gajah diberumkan diluar pintu dari dalam".

Sultan Abdul Rahman telah diangkat menjadi sultan Kerajaan Johor/Pahang/Riau/Lingga tanpa alatan kerajaan tersebut. Menurut Haji Buyong Adil alatan kerajaan dewasa itu ada dalam simpanan Raja Hamidah bala Sultan Mahmud. Raja Hamidah tidak menyetujuai pertabalan tersebut. Ini yang mendorong beliau menyimpan alatan istiadat tersebut.⁸

Seperti yang telah dinyatakan, alatan istiadat kerajaan ini memberi arti yang besar dalam pengangkatan seorang sultan. Ini yang menyebabkan berbagai usaha telah dilakukan baik oleh raja Husin, waris mutlak tahta kerajaan dan Yamtuan Muda Raja Jaafar, yang lebih suka Sultan Abdul Rahman menjadi sultan; untuk mendapatkan alatan istiadat kerajaan tersebut dari Raja Hamidah.⁹

8. Haji Buyong Adil, hal. 158 dan 161.

9. Perebutan alatan istiadat ini diceritakan oleh Buyong Adil dalam Sejarah Johor:

"...telah beberapa kali Sultan Husain berikhtiar hendak mendapatkan perkakas-perkakas alat kebesaran kerajaan Johor-Riau yang ada dalam simpanan Raja Hamidah (Engku Puteri) di Pulau Penyengat itu; bahkan pernah baginda menawarkan wang sebanyak 50,000 ringgit Sepanyol hendak mendapatkan alat kebesaran itu; tetapi tidak juga berjaya.

Akhirnya, dalam bulan Oktober tahun 1822 Timmerman Thyssen, Gabenor Belanda di Melaka dengan diiringkan oleh Adriaen Koek telah pergi ke Pulau Penyengat, Riau; kemudian dengan diikuti oleh satu pasukan askar-askar Belanda bersenjata senapang yang telah siap berisi peluru, beliau telah masuk ke istana Raja Hamidah lalu mengambil perkakas-perkakas alat kebesaran itu dari simpanan Raja Hamidah, lalu perkakas-perkakas itu dibawa ke Melaka disimpan oleh pemerintah Belanda.

Apabila Sultan Husain telah dilantik menjadi Sultan Johor/Singapura oleh British dengan istiadat yang sangat sederhana, dengan tidak mengikut peraturan istiadat perlantikan raja-raja traditional; Belanda dan juga Yamtuhan Muda Raja Jaafar merasa pemasyhuran Sultan Abdul Rahman sebagai Sultan Pahang/Riau/Lingga, menjadi amat penting sekali. Mereka tidak mahu pengangkatan Sultan Husain sebagai Sultan Johor/Singapura itu mengakibatkan sesuatu yang menggugat kedudukan Sultan Abdul Rahman di Lingga. Inilah yang mendorong mereka untuk mengadakan satu acara khas pemasyhuran Sultan Abdul Rahman dengan alatan istiadat kerajaan yang didapati dari Timmermen Thyssen Gabnor Belanda di Melaka.¹⁰

Agak sukar untuk mengetahui samada alatan istiadat kerajaan yang digunakan oleh Sultan Abdul Rahman itu berasal dari Kerajaan Melaka. Perubahan pusat pemerintahan yang begitu kerap menyebabkan agak mustahil untuk menyimpan alatan istiadat warisan dari kerajaan Melaka itu. Pengarang Sejarah Melayu ada meriwayatkan kisah Sultan

-
10. Istiadat itu telah diceritakan oleh Raja Ali Haji dalam Tuhfat al Nafis.

"Maka apabila sudah musta'ib peratoran itu, maka berdirilah Raja Laut mengambil satu pedang kerajaan yang berhulu panjang dan satu rantai iaitu sayap sandang, maka lalu dekat ia berdiri pada singgahsana itu dan baginda Sultan Abdul Rahman pun berdirilah pula..... Setelah itu maka Raja Laut pun mengunjungi pedang serta sayap sandang itu kepada baginda Sultan Abdul Rahman."

Mahmud memberikan sebahagian alatan istiadat kebesaran kerajaan Melaka itu kepada Raja Putih, isteri Sultan Husain Haru.¹¹

Besar kemungkinan hanya batil tembagi dan pedang kerajaan itulah saja alatan kebesaran warisan dari Melaka yang dibawa ka Johor. Setelah pembentukan kerajaan Johor menjadi lebih teratur, alatan tersebut telah diperlengkapi. Alatan warisan dari Melaka ini penting dikenalkan di Johor kerana dengan alatan itu sahajalah yang dapat dijadikan bukti nyata, yang kesultanan Johor berasal dari keturunan raja-raja Melaka. Dengan itu jurai keturunan Sultan Melaka yang berasal dari Iskandar Dzulkarnain itu akan berkekalan memberi pelindungan dan nilai raja kepada pemerintah-pemerintah Johor.

Menurut kepercayaan orang-orang Melayu alatan istiadat kebesaran ini tidak boleh sebarang orang memakainya. Inilah yang memberikan satu kepercayaan mutlak rakyat terhadap raja yang menggunakan alatan istiadat tersebut. Dalam kontek ini Raja Kecil

11. "Tuanku, paduka anakanda Sultan Muda akan dirajakan, sakalian habis tuanku anugerahkan kepada paduka anakanda yang ka Haru, suatu pun tiada tinggal pada paduka anakanda." Maka titah Sultan Mahmud Shah, "Jikalau ada pedang kerajaan yang sebilah itu pada Sultan Muda, emas pun adalah."

R.O. Winstedt. ed., hal. 209.

telah diakui sebagai waris tahta Sultan Mahmud Ke III, apabila ia dipakaikan mahkota kebesaran kerajaan; ia tidak tulah.

"Raja Beraleh. (Raja Kecil), kemudian akhir-akhirnya, konon, dipukulkan nobat oleh puteri Jamilah serta Yamtuhan Sakti diseroh bersandar di tiang jelatang, di letakkan mahkota di atas kepalanya, tiadalah satu apa, konon, itulah A'jinnyan sahlah, konon, anak Marhum Mangkat di Julang."¹²

Walaupun pengaruh British dan Belanda telah kuat mencengkam perjalanan kerajaan Johor/Riau/Pahang/Lingga pada awal abad ke 19 dengan ciri-ciri kemodenan telah meresap ke dalam corak pemerintahannya, namun institusi pengangkatan raja masih disyaratkan berlandaskan pada nilai-nilai tradisi. Sultan Husnin yang diangkat oleh British sebagai Sultan Johor/Singapura dengan cara yang ringkas tanpa restu dari raja-raja Melayu lainnya, telah mengalami delima berterusan sehingga waris-warisnya, Sultan Ali dan zuriat-zuriatnya yang kebelakangan. Berpandukan contoh-contoh itulah Sultan Abu Bakar merasa amat perlu untuk mengadakan alatan istiadat kebesaran kerajaan Johor yang tersendiri bersetujuan dengan pepecahan kerajaan Johor dan Riau Lingga. Dengan perlantikan beliau sebagai Sultan Johor yang pertama dari keturunan Temonggong, baginda telah mengilhamkan suatu peralatan istiadat kebesaran yang lengkap untuk negeri Johor yang dapat menandingi alatan-alatan istiadat negeri-negeri Melayu lain dimasa itu.

12. Raja Ali Haji, hal. 13 dan 14.

Alatan Kebesaran Kerajaan Negeri Johor merupakan satu peralatan yang lengkap yang disesuaikan antara dua perodapan, barat dan timur yang berlandaskan nilai-nilai Ke Islamon. Falsafah yang terkandung dalam alatan istiadat kerajaan itu amat luas sekali. Ia mencerminkan keutuhan dan keagongan dengan berpegang kepada ajaran Islam yang suci. Nilai-nilai KeMelayuan tetap kokal dalam alatan istiadat kebesaran kerajaan Johor walaupun cara keseluruhan alatan tersebut bersumberkan tamaddum barat, khasnya Inggeris.

Sultan Abu Bakar merupakan pemimpin yang berpandangan jauh. Ia menyedari yang Johor tidak mempunyai alatan kebesaran sejak negeri itu berpecah dari kerajaan yang berpusat di Riau. Alatan istiadat warisan dari kerajaan Melaka adalah menjadi hak milik kesultanan Riau/Lingga. Tambahan pula ia bukannya perlu memperkuuhkan kedudukannya sebagai sultan yang dilantik oleh Inggeris maka alatan kebesaran tersebut wajar diadakan. Untuk mengadakan sesuatu yang bernilai dan melambangkan kedaulatannya, ia semestinya mendahuluiai znamannya, bersifat unggul dan kokal menghadapi cabaran zaman. Agar alatan tersebut bersesuaian dengan peredaran masa rekabentuk dan bahan-bahan yang menjadi komposisi alatan tersebut sudah semestinya bersifat tersendiri dan mahal harganya.

Hasil dari lawatan baginda ke beberapa negara asing, beliau telah mendapat ilham untuk mengadakan alatan istiadat itu. Kalau

dikaji dengan teliti alatan tersebut itu mempunyai pengaruh-pengaruh dari Turkey, Afrika Selatan, India dan Britian. Batu permata yang menjadi bahan utama dalam membuat mahkota Sultan Johor misalnya berasal dari India dan Afrika Selatan. Reka bentuk keseluruhan alatan Istiadat berdasarkan keperibadian Melayu dengan campuran seni pertukangan Inggeris.

2.1 Bendera.

Sejak dari zaman kerajaan Johor Riau/Pahang lagi, bendera telah menjadi kebesaran raja. Semasa pemerintahan Sultan Mahmud III ada tersebut berkenaan bendera itu.

"Dalam pelayaran itu perahu kenaikan Tengku Husain dibenarkan oleh Sultan Mahmud mengibarkan bendera diraja kerajaan Johor/Riau, dan perahu kenaikan baginda sendiri mengibarkan bendera putih iaitu sebagai lambang yang menunjukkan bahawa baginda akan memberhentikan diri baginda daripada menjalankan tugas-tugasan pemerintahan kerajaan baginda yang akan diserahkan kepada putera baginda itu". 13

Bendera Sultan ketika itu tidak diketahui apa warnanya. Di zaman Temenggong Ibrahim di Johor, beliau telah menggunakan bendera putih sebagai lambang jawatannya. Tengku Long pula semasa

13. Haji Buyong Adil, hal. 155 dan 156.

hendak dilantik oleh Raffles telah mengibarkan bendera kuning di kenaikan perahunya. Apabila Sultan Abu Bakar memerintah Johor, baginda telah mengekalkan penggunaan bendera putih sebagai bendera diraja Johor. Beliau telah membuat tambahan dengan melukiskan lambang bulan bintang yang berwarna biru ditengah-tengah bendera tersebut.¹⁴

Selain dari bendera diraja itu Sultan Abu Bakar juga telah mereka bendera negeri sejak beliau menyandang jawatan Temenggong Seri Maharaja lagi. Semasa baginda membuka Tanjung Puteri baginda telah menaikkan bendera berwarna hitam dengan satu persebelian bahagian dari pada bendera tersebut berwarna putih iaitu disebelah penjuru atas berdekatan dengan tiang bendera tersebut. Inilah bendera negeri Johor yang pertama.

Pada tahun 1871 bendera itu telah diubah menjadi bendera yang ada seperti hari ini, iaitu berwarna biru laut dengan berbulan bintang pechah lima berwarna putih di atas tanah morah disebelah penjurunya yang berdekatan dengan tiang. Namun begitu, pada tahun 1865 semasa baginda mendapat sebuah kapal yang dinamakan "Johor" baginda telah menaikkan bendera berwarna hitam dengan penjuru di sebelah atas yang dekat sekali dengan tiang lambang sengkang putih

14. Lihat Selamat Johor Tanda Kenang-kenangan Peringat Kesyukuran Ulang Tahun Yang Ke 40 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Bersemayam di Singgahsana Tahta Kerajaan Johor (Singapura: 15 Sept. 1935) hal. 13. Seterusnya akan dicatitkan sebagai Selamat Johor.

di atas tanah merah yang besarnya satu perlima bahagian daripada bendera itu. Itulah bendera Johor sebelum tahun 1871.

Selain dari bendera-bendera diraja dan bendera negeri baginda Sultan Abu Bakar telah mengilhamkan beberapa jenis bendera baik untuk kerabat diraja maupun untuk pembesar-pembesar daerah dan pegawai-pegawai kerajaannya. Bendera-bendera yang mewakili keluarga diraja ialah bendera Sultanah, Tengku Mahkota, Tengku Temenggong, Tengku Bendahara dan kerabat diraja. Selain dari itu dari kumpulan ini juga bendera yang melambangkan istiadat kerajaan dan pengiring yang Maha Mulia Sultan telah juga diadakan.

Bendera-bendera yang mewakili pegawai-pegawai kerajaan dan pembesar-pembesar negeri telah juga diadakan oleh Sultan Abu Bakar. Bendera-bendera itu adalah Bendera Menteri Besar, Bendera Kelonal Commandant, Askar Timbalan Setia Negeri, Perusuhanjaya kerajaan Muar, Batu Pahat, Segamat dan pemangku raja. Bendera untuk jabatan juga telah diadakan oleh Sultan Abu Bakar. Askar, Polis, Jabatan Laut, dan kapal kerajaan daerah Johor mempunyai bendera juga, diadakan oleh Sultan Abu Bakar. Sebagai usaha untuk menunjukkan pemerintahannya merupakan satu corak pentadbiran yang teratur, sultan telah membuatkan bendera-bendera tersebut agar bendera-bendera itu dapat dijadikan simbol yang akan digunakan oleh pembesar-pembesar dan jabatan-jabatan berkenaan dan dengan ini akan menimbulkan semangat taat dan patuh pegawai bukan saja kepada tugas tetapi juga terhadap rajanya yang berdaulat dan agong.

Secara tidak langsung bendera-bendera ini akan menonjolkan keunggulan pemerintahan baginda baik dari kacamata British mahu pun dari kalangan rakyat biasa.

Adalah menjadi satu tanda soal mengapa Sultan Abu Bakar tidak menggunakan warna kuning untuk bendera dirajanya. Warna yang disimbolkan dalam bendera-bendera Johor yang berbagai jenis ini telah diklasifikasikan seperti berikut:

1. Putih bagi raja yang memerintah
2. Merah bagi bakal raja
3. Kuning bagi kerabat-kerabat raja
4. Hitam bagi negeri atau rakyat
5. Biru langit bagi raja dan biru laut bagi kerajaan.¹⁵

Mungkin Sultan Abu Bakar ingin mengekalkan tradisi yang diamalkan oleh nendanya, Temenggong Ibrahim yang menggunakan bendera warna putih sebagai bendera jawatannya.¹⁶ Dengan itu punca pemakainya akan dapat dikesan dengan mudah. Dalam pemerintahan Sultan Abu Bakar dan sehingga kini bendera sultan atau bendera diraja adalah berwarna putih.

Secara tradisi warna kuning merupakan warna diraja dan telah digunakan sejak dari zaman sultan Muhammad Shah lagi. Namun begitu baginda tidak menolak atau meninggalkan langsung warna kuning ini

15. Lihat Selamat Johor hal. 13.

16. Lihat Selamat Johor hal. 13.

dalam struktur intitusi adat istiadat diraja Johor. Warna kuning ini telah dijadikan simbol bagi mewakili kaum kerabat diraja. Seperti juga penggunaan warna putih untuk bendera diraja itu, penggunaan warna kuning untuk mewakili kaum kerabat, tidak diketahui tujuan sebenarnya. Adalah dipercayai ia bertujuan untuk memberikan identiti khas kepada golongan kerabat yang mempunyai hak di atas tahta dan kerajaan negeri.

2.2 Mahkota Kerajaan Johor

Mahkota merupakan satu alatan istiadat yang paling berharga dan bernilai dalam senarai alatan istiadat kerajaan Johor. Mahkota ini pertama kali digunakan oleh Sultan Abu Bakar semasa pemasyuran baginda sebagai Sultan Johor pada 18hb Julai 1886 di Istana Besar, Johor Baharu.¹⁷ Penggunaan Mahkota ini merupakan satu peristiwa bersejarah, bukan sahaja bagi kerajaan Johor tetapi juga bagi seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Pemakaian mahkota ini bukan sahaja meletakkan baginda sultan sebagai pemerintah Johor yang terunggul, ia juga memberikan satu simbol legitimasi, kedaulatan kepada baginda yang berasal dari keturunan Temenggong.

Pemakaian mahkota oleh Sultan Abu Bakar secara tidak langsung telah melepaskan baginda dari ikatan tradisi istiadat perlantikan

17. Lihat Cenderamata Keputeraan DYMM Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor Yang Ke 76 (Jabatan Cetak Kerajaan Oct. 1970) hal. 14. Selepas ini dicatatkan cenderamata keputeraan DYMM Sultan Ismail sahaja.

seorang raja yang telah diamalkan sejak dari zaman kerajaan Melaka lagi. Sultan di zaman-zaman sebelumnya memakai tengkolok bersetujuan dengan pakaian Melayu iaitu pakaian kerajaan mereka. DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong hingga kini masih mengamalkan pemakaian tengkolok itu. Selain dari itu raja-raja Melayu termasuk Sultan Brunei masih juga berbuat demikian. Bolehlah kita sifatkan tindakan Sultan Abu Bakar merupakan satu tindakan yang amat berani. Sebagai alatan istiadat yang akan digunakan sepanjang zaman, alatan tersebut semestinya lah tahan dengan perubahan masa dan peredaran zaman. Inilah satu keistimewaan bagi Sultan Abu Bakar yang berpandangan jauh dan luas pemikirannya.

Dalam institusi kemahkotaan Sultan Selangor, pemakaian mahkota telah dijalankan sebelum zaman Sultan Muhammad, Sultan Selangor Ke III lagi. Namun mahkota Selangor yang terkenal dengan nama 'Mahkota Leleng' itu hanya diperbuat dari emas sahaja dan telah direka oleh tukang tempatan di negeri Bugis.¹⁸ Dengan membandingkan mahkota ini dengan mahkota Johor, jelaslah kepada kita yang mahkota Johor itu lebih unggul baik dari segi bentuk maupun nilainya.

Mahkota Johor telah diprbuat oleh syarikat G.V. Benson Syarikat Johari yang terkenal di London. Bentuk Mahkota Johor ini

18. Lihat Cenderamata Kaputeraan DYMM Sultan Selangor 1979 hal. 24.

mempunyai persamaan dengan mahkota Inggeris, 'St. Edwards Crown'.¹⁹ Mahkota St Edward's ini berbanding dengan mahkota Johor lebih tinggi dan dipuncaknya terletak lambang salib, iaitu simbol ugama kristian. Bersesuaian dengan moto kerajaan Johor, 'Kepada Allah Berserah' dengan Islam menjadi ugama resmi, Mahkota Johor ini berpuncakkan lambang bulan bintang. Kalau mahkota Inggeris berpuncakkan satu lambang salib, mahkota Johor mempunyai empat lambang bulan bintang.

Persamaan bentuk mahkota Inggeris dan Johor ini berkemungkinan disebabkan kedua-dua mahkota tersebut dibuat oleh syarikat yang sama. Mungkin juga G.V. Benson telah mengambil mahkota Inggeris itu sebagai contoh dalam membuat mahkota Johor ini. Sebagaimana yang kita ketahui, dewasa itu kerajaan-kerajaan Melayu lain belum ada yang mampu membuat mahkota seperti mahkota Johor itu, agak sukar bagi syarikat G.V. Benson itu untuk mengambil contoh dari ciptaan orang Melayu sendiri.

Kalau dibandingkan dari segi nilai, mahkota Iran yang bernama Mahkota Pahlavi itu merupakan mahkota yang termahal di dunia. Ia diperbuat daripada 3380 berlian kecil dan besar.²⁰ Namun begitu mahkota ini hanya mula dipakai oleh Reza Shah Perkasa pada tahun 1926 iaitu sebagai tanda permulaan pemerintahan Dinasti Pahlavi. Untuk

-
19. Lihat The Coronation of her Majesty Queen Elizabeth II (Singapura: Syarikat Strait Times Singapura 1953) hal. 56.
 20. Meen and Tushingham, Crown Jewels of Iran (Toronto: University of Toronto Press, 1968) hal. 50.

menyamakan mahkota Johor dengan mahkota Pahlavi ini agak keterlaluan juga.

Mahkota Johor ini terdiri daripada batu permata yang mahal juga. Ia terdiri daripada batu-batu delima yang berwarna merah, nilai warna biru, zamrud warna hijau dan berlian yang berbilang bentuk dan ukuran. Dengan ini bolehlah dikatakan yang Johor mampu untuk mengadakan alatan istiadat yang mahal, walaupun ianya merupakan sebuah negeri yang kecil. Ini jelas menunjukkan kita yang ekonomi negeri tersebut sewaktu pemerintahan Sultan Abu Bakar agak tinggi dan setabil.

Selain dari melambangkan kedaulatan raja, Mahkota Johor ini telah memberikan satu pengangkatan kepada raja dan negeri tersebut di mata dunia. Dengan kemajuan yang tercapai oleh sultan ia tidak lupa akan tanqogongjawabnya terhadap ugama Islam. Bulan bintang yang berlorekkan kalimah 'Allah' dan 'Muhammad' seolah-olah menjadi junjungan pemerintah yang memakai mahkota tersebut.

Mahkota Pahlavi Iran mengandungi berbagai falsafah di sebalik simbol-simbol yang diterapkan dimahkota tersebut. Umpamanya pecahan cahaya matahari ditengah-tengah mahkota itu melambangkan kemegahan dan kedaulatan raja yang dipancarkan dari Tuhan 'Mitera'.²¹ Simbol bulan bintang di mahkota Johor pula melambangkan syiar Islam yang menjadi pegangan utama pemerintah yang menjunjung mahkota tersebut.

21. Ibid., hal. 50.

Demi untuk menjaga nilai-nilai kedaulatan yang disimbolkan oleh Mahkota Johor, ia hanya dipakni dalam istiadat-istiadat yang tertentu sahaja, iaitu di majlis kemahkotaan sultan. Selain dari itu mahkota ini juga dikeluarkan untuk tuntunan ramai semasa majlis perkabungan, sewaktu sultan yang memerintah meninggal. Mahkota ini diperlihara dengan rapi dan tersimpan di Istana Besar Johor Baharu.

Tidak sebarang orang yang boleh memakai mahkota ini. Akan tetapi Mahkota Johor itu bukanlah Mahkota yang bersifat metos yang diturunkan dari kayangan atau turun di Bukit Seguntang. Ia merupakan ciptaan manusia yang dianggap paling kemas dan cantik di Semenanjung Malaysia hingga dewasa ini.

Kalau dikaji dari sudut sejarah ada faktor yang mendorong Sultan Abu Bakar membuat Mahkota Johor ini. Sebagai seorang pemerintah yang dilantik terus dari London, sultan sudah semestinya lah berasa megah dan bangga dengan perlantikan tersebut. Sebelum itu belum ada negeri Melayu yang diberi layanan seperti yang diterima oleh Johor dari kerajaan Inggeris. Memandangkan satu anugerah yang amat besar telah diberikan oleh Inggeris, khasnya Ratu Victoria kepada Sultan Abu Bakar, sudah semestinya ia diberi sambutan dengan acara yang paling meriah dan teristimewa. Agar detik dan peristiwa itu dikenang hingga ke zuriatnya yang terkemudian maka alatan istiadat khasnya mahkota itu mestilah yang bersifat terunggul dan mendahului zamannya. Untuk memperingati jasa Sultan Abu Bakar dalam mengadakan alatan istiadat ini

selain dari membuka negeri Johor, kerajaan Johor telah mendirikan batu peringatan yang berlambangkan mahkota itu.

Selain dari Mahkota Johor ini, Sultan Abu Bakar juga telah mengadakan sebuah mahkota untuk sultanah. Seperti juga mahkota untuk sultan, mahkota ini hanya dipakai oleh sultanah di hari perlantikkannya sahaja. Tidak diketahui sejak bila mahkota ini mula diadakan dalam senarai alatan istiadat Johor itu. Mahkota sultanah ini diperbuat daripada emas putih yang bertatahkan berlian dengan berbunga awanlarat. Ia telah diperbuat oleh Syarikat Johari G.V. Benson. Selain dari mahkota ini sultanah juga ada mempunyai tiara yang dipakainya semasa menghadiri upacara-upacara diraja. Tiara sultanah ini menyerupai gendik DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Namun gendek itu boleh diceraikan untuk dijadikan loket dan kerongsang.²²

2.3 Jata Negeri Johor

Negeri Johor merupakan negeri yang pertama mengadakan jata kerajaannya. Jata kerajaan ini telah direka bersumberkan ilham Sultan Abu Bakar sendiri. Ia telah dicipta selepas baginda dimasyurkan sebagai sultan Johor. Jata ini sehingga kini masih tetap menjadi lambang Kerajaan Johor. Jata ini mempunyai simbol-simbol yang identik

22. Lihat Cenderamata Pertabalan DYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim sebagai Yang Di Pertuan Agong Malaysia. (KL: Kementerian Penerangan, 1976). Selepas ini dicatatkan Cenderamata Pertabalan DYMM Seri Paduka sahaja.

bersesuaian dengan perjalanan sejarah negari Johor.

Mahkota yang terletak di atas jata itu melambangkan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Sultan menjadi junjungan rakyat bersesuaian dengan kedudukannya sebagai pucuk pemerintah negeri. Mahkota yang diterapkan di jata ini adalah mahkota Johor yang terkenal itu. Dengan ini ia memberi interpretasi yang kerajaan Johor mendahuluikan rajanya dari segala-segalanya. Ini bersesuaian dengan pepatah Melayu, 'Kerja raja dijunjung kerja sendiri dikeleb'.

Pada setiap empat sudut perisai yang dipergang oleh dua ekor harimau terdapat bintang poch lima. Ia melambangkan empat jajahan yang terawal yang membentuk negeri Johor, semasa Sultan Abu Bakar dahulu. Jajahan itu ialah Muar, Batu Pahat, Endau dan Johor Bahru. Pembukaan jajahan-jajahan ini telah dimasahkan oleh Sultan Abu Bakar sendiri. Sejak beginda belum dilantik menjadi sultan lagi beginda telah meletakkan wakil-wakilnya disetiap jajahan tersebut. Selain dari itu keempat-empat buah jajahan tersebut mempunyai kisah-kisah sejarah yang signifikan. Daerah Muar diperolehi oleh beginda hasil dari perjanjiannya dengan keluarga Sultan Husain iaitu Sultan Ali. Daerah Endau pula diperolehnya hasil dari ganjaran baginda membantu Dato' Wan Koris dalam perperangan saudara di Pahang. Perjanjian berkenaan daerah itu diperteguhkan lagi apabila Sultan Ahmad memerintah Pahang.

Anak bulan dan bintang pecah lima yang letaknya ditengah-tengah perisai itu melambangkan ugama Islam yang menjadi ugnma resmi bagi negeri Johor. Ugama Islam menjadi amalan kerajaan dan rakyat baik dalam perundungan mahu pun dalam pentadbiran negeri. Selain dari itu, berdasarkan pegangan nilai-nilai ugama itulah yang mendorongkan Sultan Abu Bakar mengamalkan pedoman negeri dengan moto, 'Kepada Allah Berserah'. Kata-kata ini diterapkan oleh baginda dibahagian bawah jata tersebut.

Dua ekor harimau yang memegang perisai dalam jata ini mengingati kita zaman dahulu di mana negeri Johor terkenal dengan dua bintang-bintang buasnya, terutamanya harimau. Kalau jata kerajaan Inggeris mempunyai lambang dua ekor singa dan yang saekornya bermahkota, jata kerajaan Malaysia dengan dua ekor harimaunya, melambangkan kekuasaan; harimau di jata negeri Johor ini tidak memberi sebarang signifikan yang mutlak berkenaan kekunaan tersebut. Harimau-harimau itu hanya berfungsi untuk mengingati kita tentang kehidupan-kehidupan liar di zaman awal pembukaan negeri Johor. Binatang-binatang buas ini sentiasa mendapat perlindungan dari pihak berkuasa.

Lukisan di bawah perisai yang berwarna kuning memberi lambang daun gambir dan lada hitam. Sebenarnya tanaman gambir dan lada hitam itu mempunyai pertalian yang erat dengan sejarah perkembangan Kerajaan Negeri Johor. Semasa Temenggong Abdul Rahman dan Temenggong Ibrahim

memulakan kerajaan Johor, pengusaha-pengusaha tanaman tersebut di Singapura telah dipelawa untuk meneroka tanah di kawasan-kawasan Johor Baharu (Tanjung Puteri) Pendas dan Pengerang. Dari usaha inilah yang membantu pembukaan negeri Johor dan bandar Johor Baharu itu. Sebagai mengingati sumbangan pengusaha-pengusaha tanaman inilah yang menyebabkan lambang tumbuh-tumbuhan itu diterapkan dalam jata Negeri Johor itu.

2.4. Cogan Ugama

Cogan ini merupakan salah satu alatan istiadat tradisi. Ia pernah digunakan dalam zaman kerajaan Sultan Muhammad Shah Melaka lagi. Namun begitu tidak diketahui fungsi cogan tersebut yang sebenarnya dewasa itu. Yang jelas bagi kita ia seolah-olah melambangkan identiti saorang raja yang memerintah. Ini berasaskan kedudukannya dibahagian hadapan perbarisan mengarok alatan istiadat tersebut.

"Ada pun chogan namanya dihadapan raja, dan dihadapannya itu gendang negara dari kanan raja, nafiri dari kiri; karna pada berjalan, lebih kanan daripada kiri; pada kedudukan, lebih kiri daripada kanan". 23

Bermula dari zaman Sultan Abu Bakar, penggunaan cogan ini berulah dibuat penghususannya. Sebelum ini tidak ada maklumat

23. R.O. Winstedt, ed., h. 87.

berkenaan dengan penggunaan cogan ugama dalam alatan istiadat kebesaran kerajaan di sebarang negeri di Tanah Melayu ini. Walaupun Ugama Islam telah diterima oleh penduduk alam Melayu ini sejak dari zaman Sultan Muhammad Shah lagi, tidak ada simbol mutlak yang menunjukkan Islam itu dijadikan pegangan pemerintah baik dalam bidang pentadbiran mahu pun dalam kehidupan rakyat sehari-hari. Mungkin sebelum kedatangan Inggeris institusi kemahkotaan raja dan struktur pentadbiran negeri masih bersifat orthodox, perkara-perkara seperti mengadakan simbol khas bagi cogan ugama ini tidak begitu dipentingkan dewasa itu. Ugama Islam telah diakui sebagai ugama yang membentuk kehidupan sehari-hari rakyat. Ia telah bercampur-baur dengan unsur-unsur tempatan. Tambahan pula dewasa itu rakyat berdiri daripada orang-orang Melayu sahaja. Dengan itu tak perlu diadakan satu cogan yang menjadi identiti pegangan masyarakat seluruhnya.

Seperti yang kita ketahui, dewasa negeri Johor mengalami zaman pembukaan dan pembangunannya yang pesat, ramai kaum-kaum pendatang telah berhijrah ke negeri ini membantu kerajaan meneroka tanah dan menjalankan urusan perniagaan. Oleh sebab masyarakat terdiri daripada berbilang kaum dan berbilang kepercayaan, sudah semestinya diadakan satu lambang yang menunjukkan ugama Islam menjadi ugama resmi kerajaan. Tindakan Sultan Abu Bakar mengadakan cogan seumpama ini adalah satu usaha yang amat bijak.

Cogan ugama ini diperbuat daripada sekeping emas yang berbentuk daun sirih. Bentuk ini diperenyai mempunyai simbol daun lada hitam yang menjadi identiti negeri Johor dewasa itu. Daun ini berukuran dua kaki dibahagian yang paling lebar sekali dan terletak di atas sebatang tongkat perak yang berukuran 71 inci. Pada tengah-tengah sebelah muka cogan ugama itu ada bertulis nama 'Allah' dan di bawahnya name 'Muhammad' dengan bertangkup keadaannya. Di bahagian bawah cogan tersebut bertulis cogan kata negeri yang terkenal, 'Kepada Allah Berserah'. Di sekeliling cogan itu dilukiskan daun gambir dan daun lada hitam. Selain dari itu simbol-simbol bulan bintang dan mahkota dilukiskan memanjang dari atas ke bawah bahagian permukaan cogan tersebut.

Bahagian permukaan ini memberi interpretasi berkenaan dengan ugama resmi kerajaan Johor, kedaulatan raja dan sumber ekonomi yang membentuk kerajaan tersebut. Di permukaan belakang cogan ugama ini tercatit simbol-simbol yang menjadi tanda-tanda sejarah dalam kehidupan baginda Sultan Abu Bakar sejak beliau memegang jawatan Temenggong lagi. Perkataan-perkataan yang tercatit dipermukaan tersebut ialah, 'Abu Bakar', 'Sultan', 'Tan', 'Enche Engku', 'Temenggong' dan 'Maharaja'. Dengan perkataan-perkataan ini cogan ini seolah-olah mencatitkan sejarah pemerintahan Sultan Abu Bakar, peneroka Johor Morden untuk menjadi ingatan zuriat yang kemudian. Sebagaimana yang kita ketahui riwayat hidup Sultan Abu

Bakar bermula dari gelaran Encik Engku, kemudian bertukar pada Tan. Jawatan Temenggong yang dipegang oleh beliau memberikan gelaran kepada baginda Temenggong Seri Maharaja dan Maharaja. Akhir sekali baginda menerima anugrah gelaran sultan bagi negeri Johor. Di tengah-tengah perkataan-perkataan yang menterapkan sejarah hidup Sultan Abu Bakar tercatit perkataan Arab seperti berikut; ﴿يَا زَلْبَط﴾ yang bererti 'yang berpegang teguh pada Allah'. Kata-kata ini menguatkan lagi hakikat kepercayaan baginda sultan terhadap Allah yang Esa. Ia membawa sedikit pengertian tentang pengaruh Parsi dalam cogan ugama ini.

Cogan ugama ini membawa identiti yang sendiri. Bentuknya agak identik. Kalau dibandingkan dengan cogan ugama kerajaan Malaysia cogan ugama kerajaan Johor ini lebih beridentitikan pen-sejarahan tempatan. Cogan ugama kerajaan Malaysia lebih mirip kepada bentuk, 'Royal Maces' yang terdapat dalam senarai alatan istiadat kerajaan Inggeris. Cogan ugama kerajaan Malaysia berpuncakkan bulan b bulan bintang dan berbentuk bulat yang tirus kebawah.²⁴ Royal Maces pula mempunyai lambang mahkota yang berpuncakkan salib, ia juga berbentuk bulat dan tirus kebawah.

24. Lihat Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka.

Cogan ugama Johor digunakan khusus di dalam istiadat pertabalan sultan dan sultannah. Selain dari itu dalam acara-acara diraja, seperti kemangkatan sultan, hari keputeraan sultan dan majlis penganugerahan bintang-bintang, cogan ugama ini akan dikeluarkan dan diarak bersama dengan peralatan istiadat lainnya. Seperti juga alatan istiadat lain ia dipegang oleh anggota penjawat.

2.4 Cogan Alam

Alatan istiadat ini juga telah diadakan oleh baginda Sultan Abu Bakar pada tahun 1886, semasa baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Johor. Seperti juga cogan ugama ia merupakan satu alatan yang baru dalam senarai alatan istiadat kerajaan. Cogan Alam ini melambangkan pemerintahan diraja yang memegang teguh ajaran Islam.

Cogan Alam ini berupa lambang anak bulan dengan bintang pecah lima yang diperbuat daripada emas. Tingginya tujuh kaki. Cogan Alam ini mempunyai lambang yang agak unik. Simbol bulan bintang ini memberikan kita tafsiran yang kerajaan Johor khasnya Sultan Abu Bakar begitu serius mengambil tahu hal-hal yang berkaitan dengan ugama Islam.

Cogan Alam ini telah ditempati di Syarikat G.V. Benson London yang terkenal sebagai pengukir alatan istiadat kerajaan. Di bahagian bawah bulan bintang di Cogan Alam ini mempunyai ukiran daun lada

hitam dan gambir. Ia mempunyai tafsiran yang sama dengan apa yang diterapkan di Cogan Ugama dan Jata Negeri Johor.

Sebagai mengingati usaha-usaha Sultan Abu Bakar dalam membentuk kerajaan Johor, di Cogan Alam ini tercatit nama baginda. Selagi cogan ini masih digunakan dalam istiadat diraja, selagi itulah baginda tetap dikenang. Atas usaha bagindalah yang dapat melahirkan kerajaan Johor yang teratur hingga ke dewasa ini. Juga, atas usaha bagindalah dapat negeri Johor mengadakan satu peralatan yang lengkap dalam institusi diraja. Namun begitu, sebagai seorang yang mengasaskan kerajaan beraja Johor dari keturunan Temenggong, baginda Sultan Abu Bakar menaruh sepench harapan kepada Allah agar institusi beraja itu berkekalan di Johor. Jelas kepada kita, andaikata sistem beraja ini dihapuskan bererti alatan istiadat itu akan hilang dan luput fungsinya.

3.0 Pengenalan

Bab ini mengkhusus kepada Alatan Istiadat Kerajaan Johor yang berupa senjata seperti Pedang Kerajaan, Keris-keris Istiadat dan Lembing. Oleh sebab Keris-keris Istiadat ada membawa nilai darjah kebesaran kerajaan, bintang-bintang darjah tersebut dicatitkan dibahagian ini.

3.1 Pedang Kerajaan

Penggunaan pedang sebagai peralatan istiadat kerajaan ini memang merupakan salah satu daripada tradisi yang telah dikekalkan dalam Alatan Istiadat Diroja Johor. Dalam tradisi ini telah bermula sejak zaman Sultan Muhammad Shah Melaka lagi diawal pembentukan kerajaan itu. Ia merupakan alatan kerajaan.¹

Tidak ada catitan berkenaan penggunaan pedang dalam institusi adat istiadat kerajaan Johor/Pahang/Riau/Lingga. Semasa Sultan Abu Bakar mengadakan alatan istiadat kerajaan, pedang tidak termasuk di dalam senarai Alatan Istiadat Kerajaan Johor. Semasa beliau memerintah Johor tidak mempunyai pedang yang dapat dianggap signifiken untuk dijadikan alatan istiadat. Namun begitu semasa Temenggong Daeng Ibrahim mentadbirkan negeri Johor, ia telah mendapat anugerah sebilah pedang dari Gabenor General Bengal sebagai mengenang jasa beliau menghapuskan lanun di Selat Singapura.² Akan tetapi Sultan Abu Bakar tidak menjadi kan pedang yang amat cantik itu sebagai alatan istiadat.³ Pedang

1. "...di hadapan raja segala alatan itu: segala abentara yang memiliki pedang di hadapan segala orang berlembing" R.O. Winstedt, ed., Sejarah Melayu (London: JMBRAS. Vol. XVI, Part.III.1938),hal. 87 & 87
2. R.O. Datoek Besar dan Dr. R.Roolvink, ed., Hikajat Abdullah, Jakarta: Penerbit Djambatan, 1953. hal. 408
3. Pedang ini ada tersimpan di Istana Besar Johor Bahru.

kerajaan Johor yang disenaraikan sebagai salah satu alatan istiadat kerajaan hanya diadakan di zaman Sultan Ibrahim iaitu pada tahun 1935.⁴ Pedang ini telah dihadiahkan oleh kerajaan Johor kepada beginda sebagai mengingati genap 40 tahun baginda bersemayam di Singgahsana Kerajaan Johor pada tahun 1935.

Pedang Kerajaan Johor ini telah ditempah di London dan dibuat oleh Syarikat yang sama yang membuat alatan-alatan istiadat lainnya. Hulu pedang ini diperbuat daripada gading yang diukir dengan awanlarat dan bersalut dengan emas. Ia ditatah dengan simbol Mahkota Johor dan monogram sultan.⁵ Seperti juga alatan istiadat lainnya yang banyak menerapkan tanda-tanda memperingati Sultan Abu Bakar, penterapan monogram Sultan Ibrahim ini berfungsi untuk memperingati zaman pemerintahan baginda.

Jata Kerajaan Johor ciptaan Sultan Abu Bakar telah diukir di sarong pedang kerajaan itu. Selain dari itu bintang-bintang kebesaran yang diadakan oleh Sultan Abu Bakar juga diterapkan di sarungnya. Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati dan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia, merupakan dua darjah kebesaran Johor

-
4. Lihat buku Cenderamata Kemahkotaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, (Johor Bahru, 1960). Selepas ini akan disebut Cenderamata Kemahkotaan Sultan Johor.
 5. Monogram sultan ini hanya mula dicipta di zaman Sultan Ibrahim sejak tahun 1935 dengan menggunakan huruf I.S. "Ibrahim Sultan". Monogram ini masih dipakai hingga sekarang kerana Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail mempunyai 'initial' yang sama.

yang tertinggi. Darjah-darjah ini terukir dengan intan permata di-sarung tersebut.

Mata Pedang Kerajaan Johor ini diperbuat daripada besi baja yang amat tegoh dan disebelah menyebelah mata pedang tersebut tertulis kalimat Arab, 'Awathik Billah Al-Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar Johor 1313.⁶

Agak menghairankan juga pada kita bahawa Sultan Abu Bakar telah meninggalkan pedang dari senarai Alatan Istiadat Kebesaran Kerajaan Johor. Kerajaan Inggeris sendiri masih menggunakan pedang dalam istiadat-istiadat dirajanya. ~~Kalihan~~ Kerajaan Inggeris mempunyai empat bilah pedang yang dianggap sebagai pedang diraja. Pedang-pedang tersebut bernama The Great Sword of State, The Sword of Spiritual Justice, The Sword of Temporal Justice dan The Sword of Mercy.⁷ Di zaman Ratu Victoria pedang-pedang ini telah sedia digunakan sebagai alatan istiadat diraja.

Sebelum Pedang Kerajaan Johor ini digunakan dalam istiadat diraja Johor besar kemungkinan pedang seperti ini telah digunakan juga di zaman Sultan Abu Bakar. Ini berasaskan penerangan yang termuat

-
6. Lihat buku Cenderamata Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Yang Ke 76, (Johor Bahru, 1970), hal.16. Selepas ini akan disebut sebagai Cenderamata Keputeraan Sultan Johor sahaja.
 7. Lihat The Coronation of Her Majesty Queen Elizabeth II (Singapura: New Straits Times Press, 1953), hal 59. Selepas ini akan disebut The Coronation of The Queen.

dalam Hikayat Johor berkenaan istiadat pemakaman Sultan Abu Bakar.

Dalam istiadat pemakaman jenazah Al-Marhum, Hikayat Johor ada mencatatkan perihal berkenaan pedang kerajaan. Pedang kerajaan itu dikatakan tel diletakkan di kiri kanan mahkota di atas keranda diraja itu.⁸ Selain dari itu semasa hayat baginda, ada didapati beberapa gambar baginda memakai pedang. Mungkin pedang ini telah digantikan dengan pedang Kerajaan Johor. Seperti yang telah dicatatkan pedang itu adalah hadiah dari Kerajaan Johor kepada Al-Marhum Sultan Ibrahim. Dengan itu wajarlah pedang yang digunakan di zaman Sultan Abu Bakar itu di gantikan.

3.2 Keris Istiadat

Keris ialah senjata Melayu yang terpenting sekali baik di Tanah Melayu atau Indonesia.⁹ Keris ialah sejenis senjata pendek Kebangsaan Melayu yang telah digunakan oleh orang-orang Melayu sejak lebih 600 tahun yang lalu. Keris bukan sahaja sebagai senjata mempertahankan diri tetapi juga sebagai alat kebanggan diraja.¹⁰ Ia mendapat tempat yang istimewa kerana dijadikan sebagai satu lambang kemegahan bangsa dan negara.

-
8. Kapten Haji Mohd. Said bin Hj Sulaiman, Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar Johor (Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1950), hal 50. Selepas ini akan disebut Hikayat Johor.
 9. Mubbinn Sheppard, Taman Indera, A Royal Pleasure Ground, Malay Decorative Arts and Pastimes, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), hal 124.
 10. Shahrum Yus, Senjata-senjata Pesaka Pendek, Kris dan Senjata-senjata Pendek, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1967), hal.1.

Keris yang paling awal di alam Melayu telah ujud dalam abad pertama selepas masehi iaitu dalam zaman Kebudayaan Dong Son.¹¹ Selepas zaman ini dimana kebudayaan Melayu berpusat di bahagian utara, tidak pula ditemui senjata tersebut di kalangan orang-orang Melayu, tetapi dikenali oleh orang-orang Cham yang tinggal di sebahagian kawasan yang dikenali dengan Vietnam Selatan sebelum mereka terjajah di abad ke 15. Di Indonesia keris yang tertua sekali dapat dikesani dalam tahun 1264 Shaka bersamaan dengan 1324 Masehi.¹²

Sebenarnya mengenai asal-usul keris ini telah banyak diperkatakan, baik oleh sarjana-sarjana Barat ataupun sarjana tempatan.¹³ Setakat ini belum ada satu teori pun yang dapat dipastikan kebenarannya kerana tidak ada bukti. Apa yang dapat dibuat ialah semata-mata ramalan sahaja, iaitu berdasarkan kenyataan yang terdapat pada gambar dinegeri Jawa yang mentetaskan gambar bentuk keris seperti keterangan yang telah diberikan oleh Sir Stamford Raffles, bahawa gambar arca di Candi yang terletak di Suku, negeri Jawa ada menunjukkan gambar seorang membuat keris.¹⁴ Berdasarkan candi ini telah ditentukan tarikhnya iaitu antara tahun 1361 hingga 1362. Jadi, dapatlah diambil

11. Mubbin Sheppard, hal. 124.

12. Ibid., hal. 124.

13. Berbagai teori telah dikemukakan berhubung dengan asal-usul Keris ini, di antaranya teori-teori yang dikemukakan oleh G.B. Gardner. Lihat G.B. Gardner. Keris and Other Malay Weapons. (Singapura: Progressive Publishing Co. 1963) Lihat juga: G.C.G Williams, "Suggested Origin of the Malay Keris and Superstitions to it". JAMBRAS Vol.XV. Part 3 (1937). G.C. Woolery. "Origin of the Malay Keris" JAMBRAS, Vol.XVI, Part 2 (1938)

14. Lihat Shahrum Yuh, hal. 22 - 29.

kesimpulan bahawa keris telah ujud di Alam Melayu sejak abad ke 14 lagi. Keris juga dipercayai digunakan sebagai senjata yang umum di Alam Melayu sebelum lahirnya Kesultanan Melayu Melaka dalam tahun 1400 Masehi.¹⁵

Berdasarkan sejarah kebudayaan Melayu, nyata sekali keris mempunyai kedudukan yang penting dalam kehidupan orang-orang Melayu. Kepentingan keris bukan setakat bagi golongan raja atau masyarakat bangsawan sahaja. Ia menyeluruh segenap anggota masyarakat. Hanya bentuk keris sahaja yang dapat membezakan sama ada ia dipunyai oleh orang besar atau yang berada. Dalam Sejarah Melayu tidak sebarang orang boleh memakai pendok dan teterapan keris.¹⁶ Orang-orang besar atau kalangan raja biasanya keris mereka dihiasi dengan berbagai ukiran yang diterap dengan emas atau perak. Keris-keris seperti inilah yang selalunya dijadikan sebagai alatan istiadat kerajaan sesebuah negeri, seperti negeri Johor.

Keris-keris yang terjumlah dalam alatan istiadat kerajaan Johor berjumlah 3 bilah. Ketiga-tiga bilah keris tersebut dinamakan keris istiadat. Di antara ketiga-tiga bilah keris istiadat ini, keris yang di tengah-tengah sekali¹⁷ dianggap paling tua dan amat bernilai. Keris ini merupakan keris lama yang tidak ternilai harganya. Setiap

15. Mubbin Sheppard, hal. 98.

16. R.O. Winstedt, ed., hal. 84.

17. Lihat gambar lampiran.

keris yang dijadikan sebagai keris istiadat tiap-tiap negeri biasanya berasal dari keris pesaka atau yang mempunyai fenomena pencejarahan yang tersendiri. Keris Laksamana yang dijadikan sebagai salah satu alatan istiadat kerajaan negeri Perak dikatakan berasal keris pesaka Laksamana Hang Tuah.¹⁸ Keris ini telah diistiharkan sebagai 'Keris Taming Sari' oleh Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallah Shah di majlis Pertunjukan Seni Silat Gayung yang diadakan di Istana Iskandariah.¹⁹

Mata Keris Pesaka Johor sarungnya telah diperbaiki semula demi untuk memperelokkannya bersesuaian dengan fungsinya sebagai alatan istiadat kerajaan. Daun gambir dan lada hitam merupakan ukiran yang amat digemari oleh Sultan Abu Bakar, ukiran tumbuh-tumbuhan ini ada di terapkan di sampir keris tersebut. Ini menjadi bukti bahawa keris tersebut telah diperbaiki mengikut kehendak-kehendak Sultan Abu Bakar. Selain dari itu ganja keris ini mempunyai lambang dua ekor kuda terbang. Lambang ini amat ganjil kalau dibandingkan dengan lambang-lambang yang ada tertera dalam alatan istiadat kerajaan. Mungkin, ini adalah pengaruh dari Inggeris yang menjadikan singa sebagai simbol kekuasaan dalam jata kerajaannya.

Dalam kebudayaan Parsi, kuda terbang merupakan salah satu

18. Lihat Mubbinn Sheppard, hal. 17 - 23.

Lihat juga: R.O. Winstedt, History of Perak, Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol.XII, Part I, 1934, Hal. 163 - 165.

19. Murtaza Mhd. Kassim, Alat-alat Kebesaran Kerajaan Perak: Senjata Tesis Sarjana Muda Persuratan, IBKKM, Universiti Kebangsaan Malays- 1976/1977, hal. 31.

simbol yang amat dihargai. Ini berkaitan dengan pengaruh Islam yang ber-mazhab Shieh. Dalam mazhab Shiah kuda terbang yang lebih terkenal dengan nama burak merupakan kenaikan yang diperdayai digunakan oleh Nabi Muhammad semasa melakukan perjalanan dalam peristiwa Isra'Miraj.

Semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar, perhubungan Johor dengan Turki, yang mempunyai peradaban tamaddun Parsi, amat erat sekali. Sultan Abu Bakar pernah dianugerah bintang kebesaran Turki semasa baginda membuat lawatan ke negara tersebut.²⁰ Hubungan yang erat ini memungkinkan penyebaran pengaruh kebudayaan Turki terhadap Johor. Itu yang mengerakkan Sultan Abu Bakar untuk menerapkan lambang kuda terbang itu di-Sampir keris pesaka itu.

Keris tua ini mempunyai sarong yang bersalut emas. Sebagai salah satu alatan istiadat kerajaan, sudah sewajarnya ia diperbuat dari pada bahan yang mahal. Tambahan pula ia adalah simbol kebudayaan Melayu yang amat bernilai sekali. Kalau dibandingkan dengan keris panjang yang dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong, keris ini sarungnya tidak berukir atau mempunyai lcrek-lorek awam larat yang rumit. Di hujung keris ini hanya kedapatan garis bulatan yang sejajar antara satu sama lain berterusan hingga ke hujung sarongnya. Kalau di bandingkan dengan alatan istiadat Kerajaan Johor lainnya, keris ini amat ringkas sekali buatannya.

20. Kapten Haji Mohd Said bin Haji Sulaiman, hal. 39.

Sesuai dengan hulunya yang ringkas bentuk sarung keris ini tidak menjelaskan nilainya yang dapat menonjolkan kedaulatan dan keagongan Sultan sebagai pemerintah. Keris panjang di raja Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong memang sewajarnya dilorek dengan begitu rup memandangkan ia melambangkan simbul pemerintah yang menguasai beberapa negeri dalam satu persekutuan. Jata kerajaan-kerajaan negeri yang bernaung di bawah persekutuan tersebut merupakan lambang-lambang utama yang diterapkan disampir keris panjang tersebut.²¹

Walaupun begitu ada beberapa keistimewaan tentang keris tua Alatan Istiadat Kerajaan Johor ini. Dari pangkal hingga ke hujung sarung keris ini berbentuk bulat. Kebanyakan keris-keris Melayu lainnya hujungnya berbentuk pipih atau tirus. Keris tua Johor ini ada perbezaannya dari keris Terampang Gabus yang dijadikan sebagai alatan kebesaran kerajaan Negeri Selangor.²² Keris Terampang Gabus ini mempunyai bentuk yang amat ganjil sekali. Selain dari mempunyai ikatan tali keemasan ia mempunyai sarung yang diperbuat daripada gabus. Keris tua Johor pula hujungnya rata sahaja tidak menonjol ke bawah seperti kedua-dua keris, Terampang Gabus dan keris Laksamana Hang Tuah itu.

-
21. Lihat gambar di buku Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim sebagai Yang Di Pertuan Agong Malaysia, (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1976). Selepas ini disebut Cenderamata Pertabalan Agong.
 22. Lihat Buku Cenderamata Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, (1979). hal.21. Selepas ini disebut Cenderamata Keputeraan Sultan Selangor.

Kesimpulannya, keris tua Johor ini sebagai keris lama yang bersejarah tidak ada keistimewaan dari segi bentuk fizikalnya, untuk menjadikannya sebagai alatan istiadat kerajaan yang bernilai. Nilai keris ini terletak di atas fungsinya. Keris ini tidak dikeluarkan di sebarang majlis diraja Johor. Ia hanya dikeluarkan dimajlis-majlis kemahkotaan dan pemakaman sultan yang memerintah sahaja. Di majlis-majlis ulang tahun keputeraan sultan, hanya dua keris istiadat yang lain sahaja yang dikeluarkan. Ini menunjukkan yang ia mempunyai nilai yang tersendiri bersesuaian dengan fungsi mengangkat nilai legitimasi kesultanan Johor.

Keris tua ini mempunyai lok dan mata sebelas. Panjangnya 17 inci. Inilah yang meletakkan keris ini dalam tahap yang berbeza dengan keris-keris lainnya. Keris-keris yang dijadikan alatan kebesaran Kerajaan Negeri Perak mempunyai lok-lok empat dan lima sahaja.²³ Sebelas lok yang terdapat dimata keris lama Johor ini tidak diberikan pentaarifan. Memandangkan akan bentuk hulu keris ini, jelas kelihatan bahawa ianya tidak begitu terpengaruh oleh bentuk keris Bugis atau Jawa Deman

23. Lok-lok ini pula mengikut pentaarifan orang-orang yang ahli dalam bidang keris-keris Melayu, ia mempunyai falsafah yang tertentu. Contohnya, keris yang berlok empat mempunyai falsafah berikut:

- i. adek (adat)
- ii. bicara (undang-undang)
- iii. rapang (seni kebudayaan)
- iv. wari (persuratan)

Pentaarifan lok ini adalah mengikut pandangan orang-orang Bugis Sulawesi. Mereka berpendapat, bagi keris yang berlok lima, lok kelima itu membawa simbol 'Syarak'.

Murtadza Mohd. Kasim, *Alat-alat Kebesaran Kerajaan Perak: Senjata, Latihan Ilmiah Sarjanamuda Persuratan, UKM/IBKMM, 1976/77*, hal.55.

seperti keris-keris Terampang Gabus Selangor atau keris Laksamana Hang Tuah Perak.

Sampir keris tua Johor ini ada memperlihatkan keasliannya, ia-itu bentuk Semenanjung. Bentuknya i.r.i mempunyai persamaan dengan sampir keris pendek Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong. Bahagian bawah sampir keris ini tidak begitu tajam seperti membentuk mata kapak seperti yang banyak terdapat pada keris-keris Bugis.²⁴

Berbeza dari keris lama, dua keris yang terjumlah dalam keris-keris istiadat Johor merupakan keris-keris yang ditemeah khas di zaman Sultan Abu Bakar. Keris-keris ini membawa nilai-nilai tertentu yang sengaja diujudkan untuk membawa darjah-darjah kebesaran Kerajaan Johor. Keris yang di sebelah kanan²⁵ membawa nilai bintang kebesaran, 'Darjah Kerabat Yang Amat Di hormati'. Dirsebelah kiri keris²⁶ pula membawa nilai 'Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia'.

Menurut sumber-sumber Istana Besar Johor, keris-keris ini telah diperbuat di England oleh tukang-tukang yang sama yang membuat **Alatan Istiadat** kebesaran Kerajaan Johor lainnya. Berbeza dengan keris tua Johor, keris-keris ini bukan berasal dari mata keris pusaka.

24. Shahrum Yub, hal. 55.

25. Lihat gambar lampiran.

26. Lihat gambar lampiran.

Ia bernilai dari segi darjah kebesaran yang ditimbulkan melalui keris-keris tersebut. Ini juga dapat membezakannya dengan keris-keris panjang dan keris pendek diraja Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong. Keris-keris Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong itu, matanya berasal dari mata keris-keris lama yang diambil dari tiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Walaupun Keris-keris Istiadat Johor ini diperbuat di England, ia mempunyai ciri-ciri keMelayuannya yang menyerupai bentuk-bentuk keris-keris Melayu tradisi. Sampir keris-keris ini menyerupai sampir keris panjang Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong, keris Pestaka, keris istiadat Kerajaan Perak. Sampir bentuk ini mengikut Shahrum Yub ber-bentuk keris Jawa yang dinamakan Warangka.²⁷

Hulu keris-keris istiadat Kerajaan Johor mempunyai persamaan dengan bentuk hulu keris-keris Laksamana Hang Tuah. Hulu seperti ini dikatakan berbentuk Jawa Deman iaitu bentuk keris Bugis yang amat terkenal itu. Seperti keris Pestaka keris-keris istiadat Johor ini matanya lurus dan tidak berlok.

Seperti yang telah dikatakan, keris-keris ini membawa nilai yang amat unik selain dari bentuk fisikalnya yang melambangkan nilai-

27. Shahrum Yub., hal. 39.

nya, ia mempunyai falsafah tertentu yang setiap satu dapat menonjolkan kebesaran raja yang menjadi pucuk pemerintah. Malahan, nilai inilah yang membawa unsur-unsur kemodenan yang telah diketengahkan oleh Sultan Abu Bakar. Ia dengan tidak secara langsung telah menggantikan peranan keris tradisional. Kalau keris tradisional dijadikan sebagai senjata atau simbol kepahlawanan, keris-keris istiadat ini pula dijadikan simbol penganugerahan darjah-darjah bintang kebesaran.

Sultan Abu Bakar patut diberi pujian dalam hal ini. Sejakar dengan itu, kalau keris-keris istiadat tersebut menjadi simbol anugerah darjah-darjah kebesaran itu adalah satu keunikan, maka anugerah itu sendiri merupakan perkara yang baru dalam tatacara pemberian hadiah dari seorang pemerintah kepada rakyat yang berjasa. Sebelum Sultan Abu Bakar, terutama di zaman kerajaan Melayu tradisional, struktur penganugerahan raja adalah bersifat kuno.

Dalam pemerintahan Sultan Mansur Shah, Menteri China yang membawa puteri Hang Liu diberi persalinan sebagai tanda terimakasih baginda akan usaha dan jasa yang telah diberikan oleh Menteri tersebut kepada baginda.²⁸ Begitujuga semasa berlaku kebakaran di Mahligai yang baru dibina di zaman Sultan Mansur Shah, sebagai tanda menghargai jasa rakyat yang telah menyelamatkan harta benda baginda dan nyawa penghuni Istana tersebut, sultan telah menganugerahkan

28. Sir R.O. Winstedt, ed., hal. 118.

berbagai benda termasuk persalinan, pedang dan gelaran.

"Maka Sultan Mansur Shah pun memberi anugerah akan segala orang dalam yang berlepas segala harta dalam mahligai itu; yang patut persalin di anugerahi persalin; yang patut dapat selat di anugerahi selat dan yang patut berpedang, dan yang patut bergelar digelar.²⁹

Penganugerahan Sultan Abu Bakar yang disimbulkan dengan keris-keris istiadat merupakan satu struktur pengurniaan yang serupa dengan pengurniaan gelaran yang dilakukan oleh raja-raja Melayu zaman dahulu. Tetapi Sultan Abu Bakar telah menjadikannya sebagai satu istiadat yang amat formal. Kalau di zaman kesultanan Melaka pemberian-pemberian tidak terhad pada masa tertentu, Sultan Abu Bakar telah menetapkan pemberian kurnia bintang-bintang kebesaran tersebut dimajlis ulangtahun keputeraan baginda.

Faktor utama yang mengerakkan Sultan Abu Bakar mengadakan darjah-darjah kebesaran seperti itu ialah dengan munculnya pegawai-pegawai Melayu yang bekelibar yang telah mengendalikan pemerintahan negeri Johor sehingga dapat mengangkat taraf negeri tersebut dari kawasan hutan yang lengang menjadi sebuah negeri yang maju dan bertamaddun. Tokoh-tokoh seperti Dato' Seri Amar Diraja, Dato'Bentara Luar, Dato' Pengawa Barat merupakan pegawai-pegawai kerajaan Johor yang paling berjasa dalam membangunkan negeri tersebut. Semasa penganugerahan

29. Ibid., hal.116

Darjah-darjah Mahkota Johor, merekalah yang terdahulu menerima pemberian anugerah dari Sultan Abu Bakar itu. Selain dari mereka pegawai-pegawai lain yang menerima anugerah yang sama ialah Dato' Menteri Besar, Dato' Menteri Dalam, Dato' Seri Setia Raja, Dato' Pengawa Timur, Dato' Kadi dan Dato' Mufti.³⁰

Semasa Sultan Abu Bakar membuat lawatan kenegeri-negeri asing baginda telah didedahkan kepada masyarakat antarabangsa. Pengalaman baginda yang luas telah memperbanyakkan sahabat-sahabat baginda di luar negeri. Justru itu baginda kerap menerima anugerah bintang kebesaran dari negara-negara tersebut.

Baginda telah dianugerahkan bintang Darjah pertama negeri Turki semasa baginda melawat negeri tersebut dalam pemerintahan Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Khas Constantinople. Anugerah ini merupakan penghargaan baginda atas jasa Sultan Abu Bakar memperkembangkan dan mengambil berat dalam penyebaran ugama Islam di Johor.³¹ Selain dari itu baginda juga telah dianugerahkan dengan Bintang Naga Bertangkup oleh Yang Maha Mulia Raja China atas jasa-jasa baginda mentadbirkan rakyat China di Johor dengan adil dan saksama.³²

30. Kapten Haji Mohd Said bin Haji Sulaiman, hal..31.

31. Ibid., hal. 39.

32. Ibid., hal. 39.

Berdasarkan faktor inilah Sultan Abu Bakar mengadakan dua bintang darjah kebesaran Johor serentak. Berbeza dengan Bintang Darjah Mahkota Johor, Bintang Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati dikhaskan kepada kerabat-kerabat diraja yang berjasa kepada Johor dan raja-raja negeri asing yang bersahabat dan sehaluan dengan negeri itu. Dengan adanya Bintang Darjah Kerabat ini Sultan Abu Bakar dapat memberikan negeri Johor sejajar dengan negeri-negeri asing yang mempunyai anugerah seperti itu. Juga dengan itu dapat negeri Johor bertukar-tukar anugerah dengan negara-negara tersebut. Negarawan luar negeri yang menerima anugerah bintang ini ialah His Imperial and Royal Highness Archduke Francis Ferdinand of Austria dan His Highness Prince Constantine juga His Royal Highness Prince Henry of Persia. Namun pada hari pertama penganugerahan bintang tersebut pada tahun 1816 hanya enam orang sahaja kaum kerabat diraja Johor yang menerima anugerah tersebut termasuk tiga adinda-adinda kepada Sultan Abu Bakar sendiri.³³

Dengan ini dapatlah diakuai akan pentingnya kedua-dua keris istiadat yang membawa darjah-darjah yang berkenaan itu. Itulah sebab utama kedua-dua keris ini sentiasa di dalam jagaan dan di keluarkan dalam istiadat ulangtahun keputeraan sultan sahaja.

Nilai yang disimbulkan melalui keris istiadat ini amat besar

33. Sila lihat buku Selamat Johor Tanda Kenang-kenangan Pengingat Kesyukuran Ulangtahun Yang Ke 40 Bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Bersemayam Di singgahsana Tahta Kerajaan Johor. hal.6

sekali. Ini bersetujuan dengan bentuk fizikal keris itu sendiri yang diperbuat daripada emas. Berbeza dengan keris-keris lama, keris-keris darjah ini matanya bertulis dengan kalimah-kalimah tertentu. Keris yang membawa Darjah Kerabat itu, sebelah matanya bertulis dengan tulisan Jawi, "یا ز ا ل ب ط ش". Kata-kata ini menurut sumber istana adalah kalimah-kalimah arab Parsi yang membawa erti, 'Wahai Tuhan Yang Maha Perkasa'. Kata-kata ini merupakan petikan dari kata-kata di Cogan Alam tetapi sebahagian sahaja dari kata-kata tersebut yang di-terapkan dibahagian mata keris itu. Selain dari kata-kata Arab Parsi itu catitan nama, 'Sultan Abu Bakar Ibni Almarhum Ibrahim, Johor 1278'. Catitan nama Sultan Abu Bakar bertujuan untuk mengingati baginda yang mengadakan keris itu dan seterusnya memulakan kurniaan darjah kebesaran Johor itu.

Sebelah mata keris ini tercatit moto Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati, 'Muafakat itu Berkat'. Moto ini merupakan kata-kata hikmat yang paling popular dikalangan keluarga diraja Johor. Sebenarnya inilah yang menjadi pegangan Sultan Abu Bakar sehingga baginda berjaya membuka Johor dan mentadbirkannya dengan aman dan tenteram. Kalau dibandingkan dengan negeri-negeri Perak, Pahang, dan Selangor dewasa itu Johorlah merupakan negeri yang aman dan tentram. Ini adalah berpunca dari semangat bermufakat antara sultan dan keluarga baginda. Pertelingkahan antara keluarga diraja merupakan punca utama huru-hara yang berlaku dinegeri-negeri Pahang Perak dan Selangor itu.

Moto 'Muafakat itu Berkat', terterap juga dibindang Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati. Bintang yang berserta dengan kalong itu berbentuk bintang pecah tujuh dengan moto kerhat diraja di tengah-tengah yang membentuk satu bulatan tali pinggang mereh yang mengelilingi simbul Mahkota Johor di atas keris bersilang dengan pedang dan anak bulan yang bertulis moto, 'Kepada Allah Berserah'.³⁴ Kalungnya pula berloketkan simbol jata Johor dengan digantikan kedua harimau kepada bendera sultan dan bendera negeri.³⁵ simbol daun lada hitam dan gambir diukir dengan lebih tegas disekitar jata tersebut. Mota jata digantikan dengan moto kerabat diraja. Selain dari itu keris dan pedang bersilang yang diikat dengan moto, 'Kepada Allah Berserah' dengan Mahkota Johor dan simbul tulisan Jawi 'Abu Bakar' membentuk kalung ini selengkapnya.

Bersesuaian dengan bintang yang dilambangkan, keris darjah ini bertatahkan dengan simbul-simbol mahkota kecil yang diperbuat daripada intan. Sarungnya juga mempunyai corak yang serupa. Sampir keris ini mempunyai lambang kepala beberapa jenis binatang buas yang terdapat di Johor. Lambang-lambang ini bertujuan menunjukkan nilai kekuasaan dan kewibawaan kaum kerabat diraja Johor. Wajarlah keris tersebut bersifat demikian.

34. Lihat gambar lampiran.

35. Lihat gambar lampiran.

Keris yang membawa Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia mempunyai mata yang sama seperti keris Darjah Kerabat. Keris ini bertulisan Jawi dengan kata-kata yang serupa yang terterap dimata keris Darjah Kerabat itu. Hanya berbeza pada keris ini ialah motonya 'Kepada Allah Berserah'. Sampir keris ini berlukisan daun lada hitam dan gambir. Bintang darjah yang dibawa keris ini berbentuk bintang pecah lima dengan lambang anak bulan dan bintang diantara pecahan tersebut. Di tengah-tengahnya terterap simbul Mahkota Johor berwarna biru dengan lambang 'Muhammad' bertangkup dengan bulan bintang berwarna kuning. Moto 'Kepada Allah Berserah' mengelilingi lambang-lambang tersebut. Bintang ini berserta dengan kalung yang berloketkan jata 'Muhammad' bertangkup yang berpuncakkan Mahkota Johor dan diapit oleh lambang Cogan Alam dan Cogan Ugama. Di bawahnya tercatit moto 'Kepada Allah Berserah'. Di kiri kanan loket ini terterap lambang harimau. Lambang-lambang yang berbentuk tulisan Jawi, 'Abu Bakar' dan yang membawa erti Sultan Johor, juga lambang bulan bintang memperlengkapkan kalung darjah Mahkota Johor ini.

3.3 Lembing-lembing Istiadat

Lembing ialah senjata bermata besi yang boleh diradakkan atau dibalingkan. Bentuk lembing lebih kecil daripada tombak.³⁶ Tombak pula ialah sejenis senjata seperti lembing yang bermata dan bergagang

36. T. Iskandar, Kamus Dewan, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran, 1970), hal. 651.

panjang. Ukuran panjangnya 12 kaki. Jenis-jenis tombak ialah tombak benderang, tombak rambu, tombak sagang dan tombak serampang.³⁷ Dengan ini dapatlah ditarik yang lembing itu dari segi ukurannya adalah lebih kecil daripada tombak. Selain dari itu matanya juga lebih pendek daripada mata tombak.

Lembing-lembing yang tersimpan sebagai Alatan Istiadat Kerajaan Negeri Johor ini terdiri daripada 16 batang semuanya. Kesemua lembing-lembing tersebut tersimpan di dalam sebuah bilik setempat dengan alatan istiadat kerajaan lainnya kecuali mahkota, tahta kerajaan, keris-keris istiadat dan pedang kerajaan. Lembing-lembing ini telah didirikan pada tempat-tempat khas agar ianya dapat berdiri.

Di zaman pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka dahulu tombak sahaja yang terjumliah sebagai alatan kerajaan.³⁸ Di dalam istiadat raja berusung tombak tersebut ditempatkan di kiri kanan raja. Lembing tidak terjumliah sebagai alatan istiadat, ia digunakan dalam istiadat mengusung raja dan ditempatkan dihadapan perbarisan selain dari orang-orang memikul pedang kerajaan.³⁹ Dengan ini jelaslah yang lembing-lembing itu di zaman dahulu berfungsi sebagai alat senjata bagi mengawal keselamatan raja yang diusung. Dalam zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar fungsi lembing telah berubah iaitu sebagai lambang kebesaran dan kekuasaan raja.

37. Ibid., h. 1272.

38. Tombak tidak termasuk dalam senarai Perkakas Alatan Istiadat Kebesaran Kerajaan Johor.

39. R.O. Winstedt, ed., hal.86.

Lembing Istiadat Kerajaan Johor panjangnya kira-kira 88 inci, mata Lembing Istiadat Johor lebih runcing dan berlok 7 , mata Lembing Istiadat Kerajaan Johor dilorek dengan awamlarat daun gambir dan lada hitam. Simbol ini membawa identiti yang tersendiri yang melambangkan kemegahan kerajaan Johor. Tidak ketinggalan di Lembing Istiadat Johor tertetrap simbul bulan bintang yang membawa erti Islam ugama resmi negeri. Lembing Istiadat Kerajaan Johor pula batangnya lebih ringkas. Lembing Istiadat Kerajaan Johor telah diperbuat oleh tukang yang mahir di England, iaitu tukang yang sama yang membuat alatan istiadat kebesaran lainnya. Lembing Kerajaan Perak pula telah di-perbuat oleh tukang alat Perak yang mahir di negeri Siam.⁴⁰

Lembing-lembing alatan kerajaan Perak juga berjumlah 16 batang.⁴¹ Mungkin Sultan Abdul Aziz Al Mu'tasim Billah Shah, Sultan Perak yang ke 31 telah mengambil contoh penggunaan lembing-lembing itu dari Johor. Ini memandangkan Lembing-lembing Kerajaan Perak hanya diadakan pada tahun 1941. Walhal Lembing-lembing istiadat Johor telah diadakan oleh Sultan Abu Bakar sejak tahun 1886 lagi bersamaan dengan tarikh pertabalan Baginda sebagai Sultan Johor. Tetapi menurut dawaan pembesar-pembesar Perak semua Alatan Kebesaran Perak berasal dari zaman Kesultanan Melaka yang dibawa oleh Sultan Muzaffar Shah Ke II, Sultan Perak yang pertama. Ini termasuklah Lembing-lembing kerajaan. Menurut mereka lagi lembing-lembing yang berasal

40. Murtaza Mohd Kassim, hal. 100

41. Ibid., hal. 98.

dari zaman Sultan Muzaffar Shah itu telah digantikan dengan lembing-lembing yang ada sekarang memandangkan lembing-lembing tersebut telah reput dan tidak sesuai lagi untuk digunakan.⁴²

Berbeza dengan tombak berambu alatan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong, Lembing Istiadat Johor tidak berambu atau berikat reben. Mengikut Mubin Sheppard lembing-lembing seperti ini dipanggil sebagai 'Ceremonial Spears' yang mana digunakan untuk upacara-upacara perarakaran diraja.⁴³ Menurut sumber-sumber dari Istana Besar tombak-tombak berambu seperti ini memang ada tersimpan di Istana tersebut tetapi ia bukanlah terjumlah sebagai alatan Kerajaan. Tombak-tombak tersebut dikatakan berasal dari pusaka zaman dahulu yang sukar dikesan akan asal usulnya. Ada kira-kira 44 batang tombak-tombak seperti itu.

Tombak berambu alat kebesaran Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong matanya berasal dari mata-mata tombak pusaka negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.⁴⁴ Seperti juga dua bilah Keris Istiadat Johor, Lembing Istiadat Johor bukanlah berasal dari mata lembing atau tombak lama. Ia diperbuat khusus untuk memperlengkapkan Alatan Istiadat Kerajaan Johor.

42. Ibid., hal. 101.

43. Mubbin Sheppard, hal. 137.

44. Lihat Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al Marhum Sultan Ibrahim sebagai Yang Di Pertuan Agong Malaysia, 1976.

Lembing-lembing Istiadat Johor ini hanya digunakan dimajlis-majlis ulangtahun keputeraan raja, permakaman dan kemahkotaan raja saja. Disetiap majlis tersebut kesemua lembing-lembing itu akan dikeluarkan. Sebagai contoh semasa perarakan jenazah Almarhum Sultan Abu Bakar kesemua lembing-lembing tersebut telah dikeluarkan untuk mengarak jenazah.⁴⁵ Ini berbeza dengan kegunaan Lembing Kerajaan Perak yang dikatakan diletakkan diselasar balai yang mana bersamaan dengan kaedah penggunaan lembing-lembing di zaman Kesultanan Melaka dahulu.⁴⁶

45. Kapten Haji Mohd Said Haji Sulaiman, hal. 49.

46. W.G. Shellabear, hal. 87.

BAB IV
PERKAKAS ALATAN ISTIADAT KERAJAAN JOHOR LAIN-LAINNYA

4.0 Pengenalan

Bab terakhir ini memuatkan catitan dan illustrasi berkenaan Takhta Kerajaan Johor, Cokmar, Tongkat-tongkat dan Payung-payung Istiadat Kebesaran Kerajaan Johor.

4.1 Takhta Kerajaan

Dalam zaman pemerintahan raja-raja Melayu di Melaka atau di zaman kesultanan Johor/Riau/Pahang/Lingga tidak disebutkan dengan jelas tentang bentuk takhta kerajaan. Pendapat umum berkenaan takhta kerajaan di zaman-zaman kesultanan tersebut ialah, ianya berbentuk sebuah peterakna yang berupa pentas kecil samada bertiang atau tidak, yang beringkat-tingkat dan lebih tinggi. Kebiasaananya raja duduk bersila di atas peterakna yang beralaskan tilam. Ada yang mengadakan takhta raja itu berbentuk seperti sebuah katil peraduan yang kecil dan rendah sedikit dari katil biasa, di atas sebuah Platfrom yang beringkat-tingkat.

Berpandukan penerangan dari Sejarah Melayu dapat dibayangkan tentang kedudukan takhta kerajaan Melaka di zaman Sultan Muhammad Shah dahulu.

"Bermula jikalau baginda diadap orang, maka segala menteri yang besar-besar dan hulubalang yang besar-besar dan sida-sida duduk di Seri Balai; Maka segala anak-anak raja-raja di kelel-kelekan kiri, segala anak cheteria dikelek-kelekan kanan, segala bentara dan hulubalang muda-muda berdiri di tapak memikul pedang".¹

Ini menunjukkan yang kedudukan takhta kerajaan itu ditengah-tengah balai dan lebih tinggi daripada kesemua kawasan Medan Balai tersebut.

1. R.O. Winstedt, ed., Sejarah Melayu (London: JMBRAS, Vol. XVI Part III, 1938), hal. 84 - 85.

Sejarah Melayu juga ada menyebut tentang Astaka.² Besar kemungkinan Astaka ini bukanlah takhta kerajaan. Ia boleh dikatakan sebagai tempat raja bersemayam atau berdiri sewaktu hendak ke mesjid atau turun dari gajah kenaikannya.

Apa yang dikesalkan, kita tidak dapat membayangkan dengan jelas tentang bentuk takhta kerajaan Melayu zaman dahulu disebabkan Sejarah Melayu tidak memberi sebarang maklumat yang khusus berkenaan-nya. Namun begitu Sejarah Melayu ada menceritakan secara ringkas berkenaan dengan takhta Betara Majapahit. Sejarah Melayu menyebut:

"Ada pun tempat Batara di adap orang itu
tinggi, tiga mata anak tangganya, di-
tambahnya seekur anjing,..."³

Begitujuga berkenaan dengan takhta Maharaja China Sejarah Melayu mengatakan

"Maka raja pun keluar, berbayang-bayang rupanya,
kelihatan dari dalam mungkur kaca dalam mulut
naga. Maka segala orang duduk mengadap itu pun
semuanya tunduk, tiada mengangkatkan mukanya."⁴

Dapatlah dikatakan yang takhta kereajaan itu berbeza-beza antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain. Kalau takhta kerajaan Majapahit mempunyai tiga mata anak tangganya, ini menunjukkan

2. Ibid., hal.88

3. Ibid., hal. 105.

4. Ibid., hal 117.

yang takhta itu tidak tersangat tinggi. Betara pu&a diandaikan duduk bersila di atas takhta tersebut berdasarkan dari petikan Sejarah Melayu:

"...Betara pun duduklah dipenghadapan, maka segala orang mengadap pun duduklah masing-masing pada tempatnya, maka keris Tun Bijaya Sura pun ditindih oleh Betara di bawah pehanya".⁵

Dalam Tuhfat Al-Nafis pengarang ada menyebutkan balairong tempat raja diadap oleh segala orang besar dan menjalani istiadat kemahkotaan. Juga disebutkan tempat raja bersemayam itu dinamakan singgahsana.⁶ Singgahsana ini kalau mengikut pengertian sekarang merupakan satu pentas diraja yang bertutup. Di Singgahsana ini terletak dua kerusi tempat raja bersemayam, di atas sebuah platform yang ber-tingkat. Singgahsana Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong keseluruhannya berwarna kuning dengan tabir dan langit-langit yang kelihatan kemas dan rapi.

Takhta Kerajaan Johor merupakan dua buah kerusi diraja yang terletak di atas peterakna yang berbalut dengan beldu berwarna kuning di tengah-tengah Rong Singgahsana. Ia merupakan takhta yang diperbuat di akhir kurun ke 19 di zaman Sultan Abu Bakar. Tidak tercatit tarikh sebenar takhta ini mula digunakan. Takhta England yang bernama, 'Stone of Scone' merupakan sebuah kerusi yang direka oleh, 'Hammer of Scots' dan telah digunakan sejak 600 tahun yang lalu. Walaupun begitu

5. Ibid., hal 109.

6. Raja Ali Al Hajji Riau, Tuhfat al-Nafis (Singapura: Malaysia Publications Ltd. 1965), hal. 294.

ada yang mengatakan takhta ini merupakan tiruan sebuah takhta asli yang telah disembunyikan.⁷

Ada persamaan bentuk takhta 'Coronation Chair of Edward I' ini dengan takhta Kerajaan Johor. Takhta Kerajaan Inggeris itu merupakan kerusi yang berbentuk empat persegi sama yang berlorek dengan ukiran-ukiran halus yang rapi. Belakang kerusi diraja Inggeris ini meninggi ke atas dengan puncaknya yang tinggi membentuk tiga segi tirus.⁸ Tempat meletak tangan takhta Inggeris ini lebih tinggi dan mencuram dari bahagian belakang menuju kehadapan. Lengan takhta kerajaan Johor pula tidak begitu mercuram dan dihujungnya terukir pendua kepada harimau garang mengaum. Tempat duduk takhta Kerajaan Johor agak menunjur kerana berlapis dengan bahan pengalas yang empuk, tetapi kerusi ke-mahkotaan Edward I Inggeris itu tergelam sedikit keadaannya dan bahagian bawahnya membentuk sebuah kotak rendah dan berkaki pendek. Takhta Inggeris ini seolah-olah ditanggong oleh empat ekor singa yang garang dan bersedia dikeempat-empat penjurunya. Ini membuatkan kerusi diraja yang berasal dari Scotland itu kelihatan rendah.

Takhta kerajaan Johor kakinya tinggi dan runcing berbentuk kaki harimau yang beralaskan bulatan. Ini melambangkan kekuasaan seperti mana singa dianggap sebagai raja bagi segala makhluk belantara

7. Sila rujuk The Coronation of Her Majesty Queen Elizabeth II, (A Straits Times Publication Commemorating), hal. 61

8. Ibid., hal. 61.

barimau adalah bintang yang amat ditakuti oleh bintang-bintang buas lainnya di Malaysia. Takhta kerajaan Iran yang bernama 'Nadir Throne' pula mempunyai lambang harimau yang terterap dibahagian depan tempat kaki takhta tersebut. Berbeza dengan ukiran takhta Johor dan England ukiran di takhta Iran dilorek dengan ratusan batu permata yang amat mahal.

Tempat kaki takhta kerajaan Johor adalah berasingan dari takhta itu sendiri. Ia merupakan bangku kecil yang diperbuat dengan begitu halus dan kemas. 'Nadir Throne' pula tempat kaki ini merupakan sebahagian daripada takhta itu sendiri. Dengan itu menjadikan takhta ini kelihatan bertingkat. Takhta Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong mempunyai tempat kaki yang berasingan seperti juga takhta kerajaan Johor. Selain dari kaki takhta itu sendiri berupa kaki harimau, kaki tempat kaki takhta itu juga berbentuk demikian.⁹

Kalau dilihat dari bentuk fizikal takhta kerajaan Inggeris itu ia tidak menampakkan sebarang nilai-nilai keugamaan. Takhta kerajaan Johor terterap simbul keIslamahan. 'Bulan Bintang' ditempat bersandarnya. Ini melambangkan pegangan pemerintah yang tegas terhadap ugama resmi negeri, Ini menyerupai Singgahsana Duli Yang Maha Mulia

9. Lihat Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim Sebagai Yang Di Pertuan Agong Malaysia, (1976)

Yang Di Pertuan Agong yang mana dipuncak tempat bersandar takhta tersebut terterap kalimah 'Allah' dan 'Muhammad' yang bertangkup.¹⁰ Simbul itu membentuk sebuah mahkota yang berpuncakkan bintang. Ia bermaksud perlambangan kedaulatan pemerintah dan kebesaran ugama Islam yang suci.

Alatan istriadat Kerajaan Johor ini mempunyai ciri persamaan dengan alatan-alatan lainnya. Ia dilorek dengan ukiran awamlarat daun gambir dan daun lada hitam sumber ekonomi negeri Johor yang utama di zaman Sultan Abu Bakar. Sebaliknya Singgahsana Kerajaan Malaysia terterap dengan lambang bunga raya, bunga kebangsaan negara. Boleh dikatakan sebahagian besar singgahsana itu dipenohi dengan corak bentuk tersebut.¹¹

Nadir Throne pula mempunyai berbagai corak dan awamlarat. Corak-corak ini dibuat dengan begitu rapi dengan ribuan batu delima yang mahal. Selain dari dipenohi dengan corak bentuk bunga, di bahagian bawah lengan takhta itu dan di bahagian tempat bersandar bahagian bawahnya terterap bait-bait puisi berkenaan sejarah Fath Ali Shah.¹²

Takhta Kerajaan Johor berpuncakkan simbul jata kerajaan negeri dengan mohor, 'Kepada Allah Berserah' seperti yang telah ditegaskan

10. Ibid.,

11. Ibid.,

12. V.B. Meen and A.D. Tushingham, Crown Jewels of Iran, (Toronto: University of Toronto Press, 1974), hal. 54.

inilah pegangan kerajaan Sultan Abu Bakar dan pengganti-pengganti baginda seterusnya. Takhta Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong pula jata kerajaan terterap di bahagian tengah belakang kerusi tersebut.

Kesemua kerusi diraja yang dijadikan takhta kerajaan-kerajaan yang dibandingkan ini mempunyai satu persamaan. Ia diperbuat daripada kayu. Kerusi diraja Iran itu walaupun bersalut dengan intan permata yang berpuluhan ribu banyaknya, ia diperbuat daripada kayu juga. Kerusi diraja Inggeris pula diperbuat daripada kayu, 'Ancient Plantagenet oak with the talisman stone'. Takhta kerajaan Johor pula diperbuat daripada kayu tempatan dari jenis yang baik mutunya. Takhta Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong pula diperbuat daripada kayu nyirih Johor yang berwarna merah tua.

Satu perkara yang istimewa tentang takhta kerajaan Johor ini, ia merupakan satu-satunya alatan istiadat yang tunggal yang diperbuat di Johor. Ia diperbuat oleh tukang yang mahir atas arahan Sultan Abu Bakar sendiri. Ini membayangkan yang Sultan Abu Bakar menaruh kepercayaan kepada ahli-ahli ukir dan tukang-tukang kayu tempatan. Sebagaimana yang kita ketahui orang-orang Melayu memang cekap dalam hal-hal ilmu pertukangan kayu, terutama yang melibatkan kerja-kerja rumit, seperti membuat takhta kerajaan seperti itu.

Selain dari itu, kalau takhta kerajaan Inggeris dan Nadir Throne Iran merupakan sebuah kerusi sahaja, takhta Kerajaan Johor

terdiri dari dua buah kerusi iaitu untuk sultan dan sultanah. Walaupun takhta Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong terdiri dari dua buah kerusi juga, kerusi-kerusi Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong itu sama ukurannya. Walhal takhta kerajaan Johor itu berbeza ukurannya. Kerusi sultanah lebih kecil daripada kerusi sultan. Ini menepati akan pandangan Islam terhadap orang-orang perempuan, iaitu walaupun setiap manusia itu sama disisi Allah, antara lelaki dan perempuan dan perbezaan tarafnya terutama dari segi tanggongjawab. Sultan sebagai teraju pemerintah sudah sepatutnya mempunyai lebih kemuliaan dan kedaulatannya.

4.2 Cokmar

Cokmar merupakan salah satu Alatan Istiadat Kerajaan Johor. Cokmar ini diberi nama Cokmar Dato' Biracana. Bersesuaian dengan namanya ia dibawa oleh Dato' Biracana dengan ditanggong di atas bahu-nya disetiap majlis kebesaran negeri Johor. Cokmar inilah yang mengepal segala alatan penjawat bersama-sama tongkat-tongkat yang dibawa oleh Dato' Penghulu Istiadat dan kedua-dua orang penolongnya.

Cokmar kerajaan Johor ini merupakan sebatang tongkat yang lurus dan kelihatan besar sedikit di bahagian atasnya. Ia diperbuat daripada perak dan berukuran empat kaki sembilan inci. Keseluruhan Cokmar ini diukir dengan ukiran awam larat.

Berbeza dengan Cokmar kerajaan Johor, Cokmar Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong pendek sedikit, iaitu berukuran dua kaki lapan inci. Di atas batang Cokmar ini terbentuk bulatan yang lengkap. Di puncak bulatan itu berbentuk kubah.¹³ Menurut sumber Istana Negara Cokmar ini merupakan alatan perang. Tidak diketahui apakah fungsinya dalam satu-satu angkatan perang itu. Berbeza dengan Cokmar kerajaan Malaysia, Cokmar Johor hanya sebuah sahaja. Cokmar kerajaan Malaysia terdiri dari dua buah yang sama ukurannya.

4.3 Tongkat-tongkat

Tongkat merupakan alatan istiadat kerajaan Johor yang bersifat memperlengkapkan alatan istiadat tersebut. Ada terdapat tiga batang tongkat yang utama, yang di bawa oleh Dato' Penghulu Istiadat dan dua orang penolongnya. Tongkat Dato' Penghulu Istiadat lebih panjang daripada tongkat-tongkat penolongnya. Namun ketiga-tiganya mempunyai ukiran yang serupa. Di hulu tongkat-tongkat ini terterap pendua Mahkota Johor.

Selain dari tongkat-tongkat itu ada terdapat lapan batang lagi tongkat yang sama panjang dengan ukuran iaitu kira-kira empat kaki sembilan inci. Berbeza dengan tongkat-tongkat Dato' Penghulu Istiadat dan Penolong-penolongnya itu, tongkat-tongkat ini diperbuat daripada

13. Lihat Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim Sebagai Yang Di Pertuan Agong Malaysia (1976)

rotan berikatkan perak. Bahagian yang bersalut perak terukir awanlarat yang serupa dengan tongkat-tongkat yang disebutkan itu.

4.3 Payung-payung

Payung merupakan alatan yang sama pentingnya dengan alatan-alatan istiadat lainnya. Penggunaan payung dalam institusi kerajaan beraja di negara ini telah dimulakan sejak dari zaman Sultan Muhammad Shah lagi. Dalam mengaturkan kerajaannya baginda telah menetapkan yang payung berwarna putih itu payung kerajaan dan payung berwarna kuning untuk anak raja-raja.¹⁴ Dalam menyambut utusan dari negara-negara luar seperti Pasai, negeri yang besar diwaktu itu alatan kerajaan yang lengkap telah disediakan. Ini termasuk payung berwarna putih. Seandainya utusan itu dari kerajaan yang kurang penting dan lebih rendah tarafnya dari kerajaan Melaka, utusan tersebut akan disambut dengan dua buah payung berwarna kuning selain dari nafiri dan gerdang sahaja. Raja yang agak besar disambut dengan payung kuning dan putih.¹⁵

Penggunaan payung jelas dicatitkan penggunaannya dalam menyambut orang-orang yang akan menerima gelaran dari sultan ber-sesuaian mengikut warna dan darjah orang-orang yang disambut itu. Ada yang disambut dengan payung merah, ungu, hijau, biru dan putih.¹⁶

14. R.O. Winstedt. ed., hal.84.

15. Ibid., hal 85.

16. Ibid.,

Payung istiadat kerajaan Johor ada sebanyak empat buah iaitu dua buah payung besar dan dua buah payung kecil. Payung besar ini berukuran kira-kira 83 inci manakala payung yang kecil berukuran 71 inci. Batang payung-payung ini diperbuat daripada perak dan kainnya daripada sutera putih dengan bertekatkan gambaran mahkota negeri Johor. Di puncak payung-payung itu terterap pendua mahkota kerajaan Johor. Seperti juga alatan istiadat kerajaan Johor lainnya payung-payung ini telah diperbuat dalam masa pemerintahan Sultan Abu Bakar.

Dalam senarai alat-alat kebesaran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong payung merupakan salah satu alat kebesaran diraja. Namun payung ini telah dinamakan sebagai Payung Ubur-ubur Kuning. Berbeza dengan payung istiadat Johor yang berwarna putih, Payung Ubur-ubur ini berwarna kuning. Penggunaan warna putih sebagai warna payung istiadat Johor menepati tradisi penggunaan payung yang telah bermula dizaman Sultan Muhammad Shah lagi. Payung warna putih itu melambangkan payung kerajaan. Payung Ubur-ubur berwarna kuning menepati fungsi warna tersebut iaitu sebagai warna diraja lambang kemuliaan raja-raja Melayu. Berbeza dengan Payung Istiadat Johor payung Ubur-ubur ini berjumlah 20 batang semuanya.

Dalam Istiadat pemakaman jenazah Almarhum Sultan Abu Bakar keempat-empat payung istiadat ini telah digunakan di dalam perarakan jenazah tersebut. Namun begitu selain dari payung-payung ini ada ter-

dapat empat buah payung hol almarhum yang tersimpan di Istana Besar Johor. Tetapi payung-payung ini tidak terjumlah sebagai Alatan istiadat Kebesaran Kerajaan Johor.

PENUTUP

Temenggong Abdul Rahman merupakan salah seorang yang bertanggungjawab dalam pembentukan Kerajaan Johor. Dengan kerjasama beliau British telah dapat mencipta satu kerajaan dalam sebuah kerajaan sakibaki kesultanan Melaka. Maka muncullah dua orang raja. Seorang yang direstui oleh Belanda dan sebahagian besar pembesar-pembesar tempatan dan seorang lagi direstui oleh Inggeris tanpa sokongan dari pihak masyarakat Melayu dan Bugis.

Kemunculan Kerajaan Johor bukanlah satu peristiwa sedih yang patut ditanggalkan atau dikesalkan. Ia memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu dan Bugis, terutamanya pembesar-pembesar agar tidak bertelagah sesama sendiri. Sebuah pemerintahan beraja yang amat luas kawasan pemerintahannya sudah sewajarnya berlaku perpecahan seandainya kerajaan pusat tidak kuat atau sentiasa bertelagah sesama sendiri. Seperti juga yang terjadi ke atas Kerajaan Melaka, Kawasan-kawasan yang agak terpencil lebih mudah membebaskan ikatan-ikatannya dengan kerajaan pusat. Tambahan pula apabila ketua yang ditugaskan menyelenggarakan kawasan tersebut telah diberi kuasa otomani oleh kerajaan pusat.

Walaupun perpecahan Kerajaan Johor/Riau/Pahang/Lingga berpunca di zaman datuk Sultan Abu Bakar, perasaan tidak puas hati dan dendam terhadap keluarga Temenggong masih tetap tersemat di hati pihak-pihak tertentu terutamanya pemerintahan Riau sehingga zaman Sultan Abu Bakar sendiri. Semasa baginda memegang tampok pemerintahan

Johor, Sultan Abu Bakar menghadapi delima yang amat berat sekali. Untuk belfas mengadu nasib kepada Riau merupakan satu perkara yang mustahil. Tambahan pula dewasa ini Sultan Riau sendiri telah disingkirkan oleh Belanda. Hanya satu sahaja pilihan yang ada bagi baginda, iaitu bersahabat dengan Inggeris, sebuah kuasa penjajah yang kian berkuasa di kawasan sebelah timur.

Dengan mempelajari kaedah-kaedah pemerintahan yang moden dari Singapura, Sultan Abu Bakar dapat membawa satu era baru bagi negerinya. Namun, untuk baginda bergantung keseluruhannya kepada Singapura adalah merupakan satu kebodohan. Baginda takut nasibnya akan serupa dengan Sultan Riau yang terakhir, tersingkir dari tahta sendiri. Ini membuat baginda berjinak-jinak dengan England secara terus menerus. Hasil dari usaha baginda ini merupakan satu kejayaan yang cemerlang, baginda telah diistiharkan sebagai sultan.

Ini pula telah menimbulkan satu polimik yang besar. Bagi orang yang berfikiran sempit, ini merupakan satu perampasan hak. Namun sejarah telah menunjukkan yang orang yang dikatakan berhak itu, sememangnya tidak berkebolehan untuk mentadbirkan negeri. Baik Sultan Hussein mahupun anaknya Sultan Ali, merupakan orang-orang yang sangat jahil dalam menyelenggarakan hak masing-masing. Kedua-duanya seolah-olah kabur dan terpukau dengan kemajuan yang dibawa oleh Inggeris. Abdullah sendiri ada menceritakan perihal kehidupan Sultan Ali yang leka berseronok dan berpoya-poya. Mereka tidak tahu menyelenggarakan

kemewahan yang datang melimpah-limpah.¹ Akibatnya, mereka akhirnya tersepit dalam arus kemodenan. Harta mereka banyak yang terlelong.

Sultan Abu Bakar mempunyai hak ke atas kawasan-kawasan di Johor berdasarkan faktor-faktor sejarah. Kawasan Johor sememangnya diuntukkan bagi keluarga Temenggong. Sejak permulaan kerajaan tersebut Temenggong berhak mengistiharkan dirinya sebagai sultan. Oleh sebab beliau merasakan wajar bagi Sultan Hussein menjadi sultan menyebabkan Temenggong mengambil Tengku Long dari Riau untuk dilantik menjadi Sultan.

Gelaran 'Sultan' merupakan satu pengangkatan darjah yang amat bermakna. Ia merupakan satu unsur legitimasi yang teragong. Sultan Abu Bakar telah menyedari hakikat ini. Sebelum baginda digelar sebagai sultan, baginda pernah mengambil gelaran, 'temenggong', 'Temenggong Seri Maharaja', 'Maharaja'. Namun gelaran-gelaran ini tidak dapat membariskan baginda sejajar dengan pemerintah negeri-negeri Melayu lainnya seperti Pahang dan Trengganu. Dengan gelaran 'sultan' itu baginda telah dapat memulakan satu sejarah baru bagi Johor. Tambahan pula gelaran itu telah dianugerahkan oleh Ratu Victoria sendiri.

-
1. Kehidupan Sultan Hussein ada diceritakan oleh Abdullah Munsyi dalam bukunya Hikayat Abdullah. Sila lihat: R.A. Datok Besar dan Dr. Roolvink, ed., hal. 288-307 dan 354-378.

Sejak dengan kedaulatan seorang raja, kemahkotaan merupakan satu perkara yang amat penting. Kalau Sultan Hussein dilantik oleh Inggeris demi untuk memperoleh gelaran sahaja, sebagai harimau yang tidak berkuku, Sultan Abu Bakar tidak mahu perkara itu terjadi kepadanya. Ia sepatutnya direstui oleh raja-raja Melayu lainnya. Baginda mahukan agar gelaran itu dapat mengangkat taraf negerinya di kalangan negeri-negeri Melayu.

Berdasarkan hal ini kemahkotaannya sepatutnya diadakan di Johor dengan peralatan kerajaan yang lengkap. Johor tidak mempunyai Alatan Istiadat Kerajaan. Alatan kerajaan yang diwarisi sejak zaman kerajaan Johor Lama telah jatuh ketangan Belanda. Ini yang membuatkan baginda menempah alatan istiadat itu di England. England merupakan satu negeri yang amat asing bagi masyarakat Melayu dan raja-raja Melayu dimasa itu. Dengan ini alatan itu akan dipandang lebih bernilai. Tamabahan pula alatan tersebut dibuat daripada bahan-bahan yang amat tinggi harganya.

Alatan Istiadat Johor merupakan satu alatan yang amat menakjubkan dewasa itu. Alatan istiadat itu belum pernah wujud di rantau ini pada masa itu. Model utama Alatan Istiadat Johor ialah Alatan Istiadat Kemahkotaan Inggeris. Ini jelas kelihatan pada bentuk Mahkota Johor. Istiadat kemahkotaan itu sendiri menyamai aturcara yang dilakukan di England. Kalau di England pembesar gereja memainkan peranan penting dalam istiadat tersebut, di Johor pula peranan ini

diambil oleh mufti dan imam.

Sebenarnya, ini merupakan satu pembaharuan yang amat besar yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar. Di zaman Melaka atau Johor Riau/Pahang, ulamak tidak diberikan peranan yang sebegitu penting sepertimana yang berlaku sekarang. Ini menunjukkan yang Sultan Abu Bakar benar-benar ingin mengIslamkan adat kemahkotaan raja, yang selama ini dipengarohi oleh Hindu. Kerajaan Perak umpamanya masih mengamalkan istiadat 'Tabal Jin' dan 'Membaca Ciri' yang mana ini semuanya berasal dari kepercayaan Hindu.

Satu keistimewaan tentang Alatan Istiadat Kerajaan Johor ialah ia mengandungi falsafah tertentu selain dari berfungsi mendaulatkan sultan yang memerintah. Nama sultan Abu Bakar terterap di sebahagian besar alatan istiadat tersebut sebagai tanda yang baginda memulakan penggunaannya.

Seperkara yang menonjol berkenaan alatan ini ialah penterapan lorekan awanlarat darun gambir dan lada hitam. Peranan tanaman ini benar-benar penting dalam meninggikan ekonomi negeri Johor. Jika tidak tanaman tersebut mungkin negeri Johor tidak akan muncul seperti yang ada sekarang ini.

Islam merupakan ugama resmi negeri. Dengan kemasukan orang-orang asing terutama orang Cina, dan akibat pengaruh-pengaruh moden

yang dibawa oleh penjajah-penjajah Inggeris di Singapura; kedudukan Islam seolah-olah tergugat. Demi untuk mengekalkan kedudukannya, ia mesti disimbolkan secara resmi dalam senarai alatan istiadat kerajaan. Dengan itu muncullah cogan ugama. Selain dari itu lambang bulan bintang yang mencorak sebahagian besar alatan ini dapat menjelaskan kepentingannya dalam pemerintahan kerajaan Johor. Yang menonjol sekali dalam hal ini ialah tentang moto resmi kerajaan Johor. 'Kepada Allah Berserah'. Manusia itu tidak boleh lari dari takdir. Walaupun seorang itu kaya atau perkasa, ia tidak akan terlepas dari hukum-hukum Allah. Segala-galanya boleh berlaku dengan kehendak Allah. Inilah yang hendak disampaikan oleh Sultan Abu Bakar melalui moto itu.

Sultan Abu Bakar telah melihat sendiri tentang pergolakan yang berlaku di negeri-negeri jirannya seperti Pahang, Selangor dan Perak. Negeri-negeri tersebut telah dilanda huru hara akibat dari pergolakan yang berlaku sesama keluarga diraja. Ini amat menjelaskan kesetabilan ekonomi negeri di samping mengancam tahta kerajaan. Inilah yang amat ditakuti oleh Sultan Abu Bakar. Baginda tidak mahu perkara itu berlaku ke atasnya. Inilah yang membuatkan baginda memilih moto bagi kerabat diraja sebagai 'Surfaat Itu Berkat'. Suatu pekerjaan akan lebih berjaya melalui permuaafakan. Tanpa bekerjasama sesama kerabat diraja, sesebuah negeri tidak akan kukuh pentadbirannya. Ini akan memudahkan penjajah menguasai negeri tersebut.

Sebagai orang yang memulakan dinasti keluarga Temengggong,

Abu Bakar merasakan amat perlu zuriatnya berkekalan sebagai pemerintah Johor. Ini yang menggalakkan baginda mengadakan satu peraturan yang dinamakan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Dengan undang-undang ini hak kekuasaan keluarganya ke atas negeri Johor akan terjamin. Selain dari itu garis-garis panduan untuk mewujudkan pemerintahan moden juga diwartakan di dalam undang-undang tubuh itu.

Sebagai negeri yang berjiran dengan sebuah tanah jajahan Inggeris, pengaruh moden baik dari segi material atau idea cepat meresap masuk ke negeri Johor. Orang-orang seperti Abdullah Munsyi tidak mustahil akan adanya negeri Johor. Dengan kesedaran ini, Sultan Abu Bakar cuba merombak segala adat istiadat yang kolot-kolot, terutamanya yang menyentuh institusi beraja. Salah satu perubahan yang dibuat oleh Sultan Abu Bakar ialah tentang penggunaan bahasa istana. Baginda tidak lagi menggunakan 'beta' sebaliknya membahasakan diri baginda sebagai 'kita'. Selain dari itu baginda tidak lagi menggunakan nobat untuk majlis pertabalan. Nobat tidak ada langsung dalam khazanah diraja Johor. Istiadat pertabalan dan kemahkotaan baginda di adakan dengan cara yang begitu ringkas tetapi amat berdaulat.

Keris merupakan salah satu pakaian diraja. Sebagai alatan tridisi ia masih digunakan dalam Istiadat Kerajaan Johor. Namun fungsinya telah bertukar. Ia tidak lagi diselitkan dipinggang. Sebaliknya ia membawa satu nilai yang mengangkat darjah kerajaan Johor dan rajanya.

Alatan istiadat kerajaan Johor ini merupakan satu alatan yang amat mahal nilainya. Ia sepatutnya ditempatkan dalam satu bangunan yang khas umpamanya muzium. Dengan ini akan memudahkan rakyat melihatnya. Selain dari alatan istiadat ini, di Istana Besar Johor Baharu tersimpan segala khazanah Sultan Abu Bakar yang masih kekal hingga sekarang. Kesemua alatan yang berupa barang-barang perhiasan dari emas dan lain-lain barang yang berharga itu tidak diketahui akan adanya oleh masyarakat umum. Dengan adanya sebuah muzium maka segala khazanah-khazanah ini akan dapat dikumpulkan dan dengan itu ia akan tetap terpelihara dan berkekalan.

LAMPIRAN

6.1 Istiadat Pertabalan DYMM Sultan

Untuk menunjukkan kegunaan Alatan Istiadat Kebesaran Kerajaan Johor istiadat kemahkotaan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Ibni Al Marhum Sultan Ibrahim telah diterapkan di dalam tesis ini oleh penulis. Istiadat tersebut telah diadakan pada hari Selasa 9hb Februari 1960 bertempat di Istana Besar Johor Bahru.

Istiadat kemahkotaan bermula dengan acara persiraman tabal yang diadakan di Istana Bukit Serene yang dihadiri oleh kerabat-kerabat diraja pegawai-pegawai kerajaan dan Dato'-Dato'. Selepas itu pada jam 4.30 petang persebahan air tolak bala' dan air doa' selamat telah dibawa dari Istana Besar ke Istana Bukit Serene.

Pada hari Rabu 10hb Februari 1960 barulah istiadat kemahkotaan itu dijalankan. Istiadat tersebut dihadiri oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, Tuan-tuan yang Terutama Gabnor-gabnor dan kerabat-kerabat di raja. Selain dari itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Perutan Agong turut menyaksikan upacara ini.

Tepat pada pukul 9.15 pagi kebawah Duli Yang Mulia Sultan dan Yang Maha Mulia Sultanah berangkat dari Istana Bukit Serene diiringi oleh Dato' Penghulu Biracana, Dato' Penghulu Istiadat, Setiausaha Sulit kepada DYMM Sultan, tiga penjawat keris dan dua penjawat payong. Tepat jam 9.60 pagi apabila baginda DYMM Sultan

dan Sultanah tiba di istana Besar baginda berdua telah disambut oleh Yang Amat Mulia Tengku Mahkota, YAB Dato' Menteri Besar serta disambut dengan 'royal salute' oleh pasukan kawalan kehormatan daripada Johore Military forces dan permainan lagu 'Bangsa Johor' oleh pasukan pancaragam Polis Diraja Malaysia.

Istiadat kemahkotaan telah dimulakan dengan pembukaan majlis oleh Dato' Penghulu Biracana. Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah telah berangkat ke Rong Singgahsana dengan iringi oleh Dato' Penghulu Biracana, Dato' Penghulu Istiadat, Engku-engku Seri Paduka, Dato'-Dato' Paduka, Kerabat-kerabat Perempuan, Datin-datin, Penjawat-penjawat perempuan dan Setiausaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia. Semasa Sultan dan Sultanah menaiki singgahsana pancaragam telah memainkan lagi 'Bangsa Johor'.

Yang amat Berhormat Menteri Besar telah berlafas yang demikian bunyinya:

"ketahuilah sekalian yang hadir serta sekalian rakyat dan penduduk-penduduk negeri Johor:
Bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Ibni Al Marhum Sultan Ibrahim, Sultan Yang Di Pertuan Bagi negeri dan jajahan Johor, raja yang dihormati lagi dikasehi yang ada bersemayam di atas singgahsana tahta kerajaan Johor pada hari dan saat yang berbahagia akan dimahkotakan oleh kerabat-kerabat, ahli-ahli majlis-majlis mesyuarat kerajaan dan sekalian rakyat Johor iaitu kebawah duli yang Maha Mulia Tuanku memakai Mahkota Sultan Yang Di Pertuan Johor serta Seri Paduka Surinya DYMM Sultanah Aminah memakai mahkota permaisuri Johor. Mudah-mudahan

barang diberkati Allah Subhana Wa' Taala atas
kedua-duanya DYMM, Amin." 1

selepas itu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berseru 'Daulat
Tuanku' sebanyak tiga kali yang kemudiannya disambut oleh sekalian
rakyat yang hadir dengan seruan yang sama.

YAB Dato' Menteri Besar mengadap dan mendarat sembah:
sembah:

"Ampun tuanku, mengikut bagaimana aturan dan
adat lazim bagi raja dan kerajaan negeri
Johor seperti yang tersebut dalam lembaga
aturan bagi sultan dan sultanhah memakai
mahkota, adalah patik bagi pihak kerabat-
kerabat, ahli-ahli, majlis-majlis, mesyuarat
kerajaan dan sekalian rakyat Johor mohon
perkenan supaya kebawah duli Yang Maha Mulia
Tuanku serta Seri Paduka Baginda Yang Maha
Mulia Sultanah Di Mahkotakan dengan memakai
mahkota Sultan Yang Di Pertuan Johor dan
Mahkota Permaisuri Johor daripada hari ini." 2

Apabila kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bertitah
berkenan maka Yang Berhormat Menteri Besar berdatang sembah lagi
meminta Tuanku supaya melafaskan ikrar kepada rakyat di majlis tersebut.
DYMM Tuanku telah berlafas ikrar seperti berikut:

"Dengan nama Tuhan yang amat pemurah lagi amat
mengasihani kita berikrar dan berjanji dengan
sesungguhnya bahawa dengan izin dan pertunjukan
Tuhan Yang Maha Berkusa kita akan memerintah
sekalian rakyat dan penduduk negeri Johor dan
segala daerah takluknya dengan mengikut undang-
undang dan adat resam mereka yang tidak
menyalahi undang-undang negeri ini serta
menjalankannya dengan adil dan saksama.

1. Lihat Buku Cenderamata Kemahkotaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Sultan Johor (10.2.1960)

2. Ibid.

Dan lagi kita berikrar dan berjanji dengan iman bahawa kita akan mengawal dan memelihara ugama negeri ini, serta menjaga kehormatan dan kedaulatan raja dan kerajaan Johor. Ya Tuanku peliharakan kami. Amin." 3

Selepas itu Y.A. Berhormat Menteri Besar sekali lagi mendatang sembah:

"Ampu tuanku. Adalah patik bagi pihak kerabat-kerabat, ahli-ahli majlis-majlis mesyuarat kerajaan dan rakyat Johor mempersesembahkan kebawah duli pedang kebesaran kerajaan Johor mudah-mudahan barang diberi berkat Allah Al Wahid Al Kahar atas permintaan kebawah duli Yang Maha Mulia Tuanku menaungi patik sekalian di dalam aman dan sejahtera dengan bertambah-tambah limpah makmur negeri Johor ini, Amin." 4

selepas itu YAB Menteri Besar mempersesembahkan pedang kerajaan kepada kebawah Duli Yang Mah Mulia. Dalam menyambut pedang tersebut DYMM Tuanku bertitah seperti berikut:

"Kerabat-kerabat, ahli-ahli majlis-majlis mesyuarat kerajaan dan sekalian rakyat Johor, kita terimalah pedang ini dengan mengucapkan banyak-banyak terimakasih dan kita berharap sekeliannya taatkan Tuhan, taatkan Rasul dan taatkan pemerintah serta bekerjasama dan maufakat dengan tulus ikhlas. Kepada Tuhan kita semua berserah." 5

-
3. Ibid.
 4. Ibid.
 5. Ibid.

Selepas itu keberangkatan membawa mahkota-mahkota mulai bergerak masuk dan berhenti dihadapan singgahsana. Mahkota kebahaw Duli Yang Maha Mulia Sultan dibawa oleh Dato' Penghulu Istana dan mahkota yang Maha Mulia Sultanah dibawa oleh Dato' Bentara Kiri. Dengan itu juga kadi besar membaca kutbah bagi kemahkotaan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

فَسْلِ الْلَّهِمَ ملَكَ الْمَلَكُوتِ تَوْتَى الْمَلَكُونَ شَاءَ وَتَنْزَعُ الْمَلَكُونَ شَاءَ
وَتَزْمِنُ شَاءَ وَتَرْزَلُ شَاءَ بِيَدِكَ الْخَيْرَ أَنَا عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ فَقِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنِّي وَقَدْ تَغْيَّبْتُ بِحَكْمَتِكَ، وَتَغْلَبْتُ بِقَدْرَتِكَ، نَسْقَتُ النَّعْصَةَ
بِذَلِكَ إِلَى جَلَالَةِ الْمَلَكَاتِ الْعَالَمِيَّاتِ لَأَنَّهُ مَلِكَ ذَلِكَ، مُوصَلًا
إِلَى سَلَانِ الْعَمَادِ، وَسَلَرِيَّاً، أَرْبَقِ الرِّئَاسَاتِ، وَإِنْتَشَارِ الْمُدَدِّلِ
فِي الْبَلَادِ، وَاجْتِمَاعِ الْقَلُوبِ، عَلَيْهِ مَا يَحْصُلُ كُلُّ مُرْفُوبٍ،
إِنَّكَ ذَرَفُضَّاً، وَالْأَحْسَانَ، وَالْجُودَ وَالْقُسْمَ وَالْإِقْسَانَ، أَمِينَ أَمِينَ،
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Semasa Dato' Mufti mengangkat mahkota Sultan Yang Di Pertuan Kadi berselawat dan mufti memakaikan mahkota itu ke Ulu Sultan dengan ucapan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Semasa mahkota sultanah diangkat oleh Dato' mufti kadi besar juga berselawat dan apabila mahkota tersebut hendak dipakaikan ke Ulu Sultanah beliau berucap dengan ucapan yang sama. Selesai sahaja Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Sultanah di Mahkotakan kadi besar berselawat dan pancaharagam Pasukan Polis Di Raja Malaysia memainkan lagu

'Bangsa Johor' dan bedil selamat 21 puchok ditembak dari Bukit Timbalan.

Selepas itu yang Berhormat Dato' penolong Mufti membaca do'a. Yang Amat Mulia Tengku Mahkota Johor, Yang Amat Mulia Tengku Bendahara dan Yang Amat Mulia Tengku Temenggong mengadap takzim bagi pihak kerabat-kerabat. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengadap takzim bagi pihak rakyat selepas itu Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah berangkat dari Rong Singgahsana ketangga Agong dirungi oleh ahli-ahli jawatan istiadat kerajaan, Dato' Penghulu Biracana, Dato' Penghulu Istiadat, Penjawat-penjawat payong, Penjawat-penjawat keris, Engku-engku Seri Paduka Dato'-Dato' Paduka, Kerabat-kerabat Perempuan, Datin-datin, Penjawat-penjawat Perempuan dan Setiausaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia. Dengan itu istiadat kemahkotaan tamat.

Berpandukan kepada istiadat kemahkotaan di atas dapat dibayangkan betapa ringkasnya istiadat tersebut dilakukan. Walaupun ringkas ia berjalan dalam suasana yang amat teratur yang mengambarkan kedaulatan seorang raja. Dalam istiadat kemahkotaan Sultan Johor itu adat-adat yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai ke Islamam telah ditinggalkan. Ini agak berbeza dengan istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Semasa istiadat pertabalan hendak dijalankan Sultan terpaksa menjalani satu istiadat 'bersiram jin'⁶. Istiadat ini di adakan dibahagian hadapan tangga masuk istana.

6. Murtadza Mohd Kasim, "Alat-alat Kebesaran Kerajaan Perak: Senjata". Tesis Sarjanamuda IBKKM 1976/1977, Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 139.

Semasa surat ciri⁷ dibacakan, baginda sultan akan berdiri di bawah sehelai daun pisang sehingga selesai surat itu dibacakan oleh Tok Seri Nara Di raja. Air bacaan surat ciri itu akan diminum oleh baginda dan sebahagiannya akan disiramkan oleh Tok Seri Nara Di Raja kepada baginda di atas daun pisang tersebut. Istiadat ini merupakan satu istiadat yang berbahan unsur-unsur Hindu. Pengaruh Hindu sebagaimana yang kita ketahui memang sudah berakar umbi dikalangan masyarakat Melayu dan telah dianuti lama sebelum kedatangan Islam. Penyelitan istiadat 'bersiram jin' ini telah dilakukan dalam institusi istiadat Sultan Perak sejak zaman Sultan Muzaffar Shah, Sultan Perak yang Pertama lagi. Oleh sebab ia dilakukan sejak turun temurun, ia seolah-olah telah menjadi satu peraturan yang wajib dalam istiadat pertabalan itu yang menyebabkan ia tidak dapat ditinggalkan walaupun setelah datangnya pengaroh Islam.

Berpandukan kepada istiadat kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail itu dapatlah kita mengambil kesimpulan yang Ugama Islam memainkan peranan penting dalam perjalanan istiadat tersebut. Dari lafas ikrar Duli Yang Maha Mulia kata-kata yang memuji Allah Taala yang berharapkan pertunjuk darinya memenuhi lafaz tersebut. Selain dari itu baginda juga berikrar akan memelihara ugama negri, Islam

7. Surat ciri adalah merupakan satu surat sumpahan jin kepada itu selepas menjalani istiadat ini dipercayai Raja tersebut tidak boleh berlaku tidak adil terhadap rakyatnya. Surat ciri ini dipercayai dibawa dari zaman Melaka juga. Di dalam Sejarah Melayu juga ada menyebutkan tentangannya. lihat W.G. Shellabear hal. 21.

selain dari menjaga kehormatan dan kedaulatan raja. Apabila baginda menyambut pedang kerajaan yang dipersembahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sekali lagi baginda memuji Allah Taala selain dari mengingatkan rakyat baginda agar taat kepada Tuhan. Juga moto penting Kerajaan Johor dilafaskan oleh baginda dalam majlis tersebut, iaitu kepada Allah berserah. Dengan ini dapatlah ditonjolkan betapa pentingnya nilai-nilai ke Islam dalam majlis tersebut. Maka segala adat-adat yang berlawanan dengan ajaran Islam itu patutlah ditiadakan.

Kalau dalam istiadat pertabalan Sultan Perak dan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong nobat merupakan alatan muzik yang mengiringi istiadat tersebut, dalam istiadat kemahkotaan Sultan Johor perkara seperti itu ditiadakan. Ini merupakan satu keistimewaan di dalam sebarang majlis diraja Johor. Sejak dari kemahkotaan Sultan Abu Bakar nobat telah ditinggalkan. Ini merupakan satu ciri kemodenan dan unik dalam sebarang kemahkotaan raja-raja Melayu. Peranan nobat di dalam aturcara kemahkotaan Sultan Johor sebenarnya telah dimulakan oleh pancaregam muzik (Band). Penggunaan pancaregam muzik ini telah dimulakan sejak zaman Sultan Abu Bakar lagi.

Ada sedikit perbezaan di dalam istiadat kemahkotaan Sultanah Aminah dengan istiadat kemahkotaan Tunku Puan Nora binti Tengku Ahmad yang diadakan pada hari Sabtu 28hb Oktober 1978 yang lalu. Kalau dalam istiadat kemahkotaan Sultanah Aminah yang berjalan serentak dengan kemahkotaan DYMM Sultan tembakan 21 das meriam telah dibunyikan,

dalam istiadat kemahkotaan Tengku Puan Nora hanya 17 das tembakan sahaja yang dilepaskan. Selain dari itu dalam majlis kemahkotaan Tengku Puan Nora Timbalan Mufti telah berlafas ijab kemahkotaan yang berbunyi:

"Yang Maha Mulia Tunku Puan Nora. Adakah Yang Maha Mulia redza memakai Mahkota bagi Permaisuri Johor, yang seruananya "Kepada Allah Berserah" dan juga mengikut adat resam Negeri ini dan juga tidak akan menyalahi undang-undang." 8

Lafas ijab ini tidak ada dalam istiadat kemahkotaan Sultanah Aminah. Mungkin istiadat kemahkotaan Sultanah Tunku Puan Nora telah diadakan sebagai satu istiadat khas yang semata-mata untuknya menyebabkan lafaz tersebut diadakan.

Dalam istiadat kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar pula acara bersiram telah diadakan di atas pancapesada tujuh ~~tingkat~~ dengan cukup alatan istiadat kerajaan. Upacara mandi ini tidak kedapatan dalam istiadat-istiadat kemudiannya. Mungkin upacara mandi itu diadakan oleh Sultan Abu Bakar sebagai mengambil sempena pertabalan sebagai Sultan Johor yang pertama. Selain dari itu Sultan Abu Bakar juga telah memakai jubah besar yang dipanggil kain pelayang yang dihujungnya dijinjit oleh empat orang kerabat diraja yang muda-muda. Pakaian kain pelayang ini telah di-

-
8. Lihat buku Peraturan Perjawatan dan Kerja Bagi Majlis Memerintah Ujangtahan Hari Keputeraan yang Kedelapan Puluh Empat DYMM Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan Majlis kemahkotaan YMM Tunku Puan Nora Binti Tengku Ahmad sebagai Sultanah Johor (1978) hal. 15.

tinggalkan semasa istiadat kemahkotaan Sultan Ismail. Pengaruh Inggeris mungkin telah meresap di dalam istiadat pertabalan Sultan Abu Bakar itu. Tetapi tidak diketahui mengapa pakaian tersebut telah ditinggalkan semasa kemahkotaan Sultan Ismail. Acara-acara lain dalam istiadat kemahkotaan Sultan Johor ini adalah merupakan aturcara yang serupa yang dikekalkan sejak dari zaman Sultan Abu Bakar lagi.

6.2 Istiadat Pemakaman

Tidak semua alatan istiadat kebesaran Negeri Johor di-keluarkan dalam sesuatu upacara pemakaman. Istiadat pemakaman yang dicatatkan dalam tesis ini ialah istiadat pemakaman Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar. Sultan Abu Bakar telah mangkat di London pada 4hb Jun 1895 bersamaan dengan 11hb Dzulhijjah, 1312 jam 8.30 malam. Baginda telah mangkat di sebuah Hotel yang besar dan masyur di Kota Raya tersebut. Pada 30hb Ogos 1895 jenazah Almarhum telah selamat sampai ke Singapura. Dari Singapura jenazah tersebut telah dibawa ke Pelabuhan Johor dengan sebuah kapal perang **Mercury** kepunyaan kerajaan Inggeris atas titah Yang Maha Mulia Queen Victoria.

Sebelum jenazah baginda sampai ke Pelabuhan Johor timbakan meriam telah dilepaskan dari Bukit Askar Johor bagi memberi tahu kepada rakyat yang jenazah Almarhum itu akan tiba. Yang Amat Mulia **Tengku Mahkota** dan segala anak-anak raja, pegawai-pegawai dan sekalian rakyat berhimpun di tangga batu istana untuk menyambut ketibaan jenazah Almarhum. Segala alatan istiadat kerajaan serta ahli-ahli jawatan

dengan penuh lengkap telah bersedia untuk mengiringi jenazah almarhum di bawah perintah penghulu istiadat. Kapal perang yang membawa jenazah telah melepaskan tembakan bedil selamat dan tembakan ini telah dibalas oleh pihak Johor. Maka Yang Amat Mulia Tengku Mahkota dengan memakai uniform yang lengkap serta berkabung diiringkan oleh beberapa kerabat-kerabat, Dato'-dato' dan pegawai-pegawai turunlah menyambut dan membawa jenazah itu dengan menggunakan kapal api kecil untuk di bawa ke darat.

Apabila jenazah almarhum itu tiba ketambatan bedil selamat telah dilepaskan sebanyak dua puluh satu das dari Bukit Askar. Askar pula memberi hormat dengan senapangnya. Lagu bangsa Johor telah dimainkan. Semasa jenazah hendak diletakkan di atas usungan Yang Berhormat Dato' Mufti pun membacakan dua Fatihah beserta doa yang pendek. Semasa usungan hendak berangkat satu fatihah lagi telah dibacakan setelah itu perangkatan itu berjalanlah dengan didahului oleh Yang Amat Mulia Engku Mohammad Khalid dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menuju ke Istana Besar.

Di belakang pasukan pancaragam berbaris dengan tambur-tambur besar dan kecil bersampul dengan kain putih di belakang pasukan pancaragam ini pula berbaris askar yang berjalan dengan senapang tergalas di bahu dan muncungnya menghala ke bumi. Hulu pedang pula berbungkus dengan kain putih. Segala alatan istiadat kerajaan dikabungkan dengan kain putih. Beberapa kerabat yang Maha Mulia berjalan

di belakang perbarisan penjawat yang membawa alatan istiadat kerajaan. Ini diikuti dengan usungan jenazah almarhum. Orang yang membawa usungan itu memakai baju kuning dan seluar putih dengan berkain dan berkabung. Usungan ini diiringi oleh 16 payong kuning dan 8 bagi tiap-tiap sebelah Yang Amat Mulia Tengku Mahkota dan beberapa kerabat-kerabat yang khas juga raja dari negeri-negeri lain berjalan di belakang usungan almarhum. Orang ramai berbaris di bahagian akhir rombongan usungan tersebut.

Setelah sampai usungan itu ke tangga besar Istana Yang Berhormat Dato' Mufti membaca satu fatihah dan jenazah Duli Yang Maha Mulia dibawa oleh kerabat-kerabat dan Dato'-dato' ke atas Istana sehingga ke majlis besar Istana itu dan seterusnya disemayamkan di atas petarakna yang ada ditengah majlis itu. Apabila tersemayam keranda jenazah itu yang Amat Mulia Tengku Mahkota dan Yang Mulia kerabat-kerabat daripada lelaki Yang Berhormat Dato'-dato' pegawai-pegawai kerajaan ahli-ahli negeri pihak-pihak yang terutama sahabat-sahabat almarhum daripada berbagai-bagai bangsa yang ada hadir berdiri bersaf-saf dalam majlis tersebut. Segala alatan istiadat kerajaan yang dibawa oleh penjawat-penjawat telah teratur di kiri kanan dan di belakang jenazah. Yang Berhormat Dato' Mufti berjalan ke tengah majlis dengan mengadap ke arah jenazah lalu membaca satu fatihah dengan diiringi satu doa.

Petarakna tempat jenazah lamarhum itu bersemayam diperbuat

tiga tingkat dengan beralaskan kain sahlat kuning dan berkelembu tiga lapis dari jenis kain yang sama. Rupa keranda yang mengandungi jenazah tersebut sangatlah indah perbuatannya bersamping, bertelepok dengan bunga daripada perak dengan air perada. Di atasnya ditutup dengan bendera Sultan dan bendera negeri dan di atas bendera-bendera ini diletakkan Mahkota Johor yang amat berharga itu. Di sisi mahkota tersebut diletakkan pedang kerajaan serta bintang-bintang kebesaran kepunyaan Duli Yang Maha Mulia Almarhum. Keempat-empat penjuru petarakna itu dihadapi oleh penjawat-penjawat keris-keris alatan istiadat kerajaan. Berhadapan dengan jenazah ditetapkan orang mengaji bergilir-gilir. Di tangga besar istana pula enam orang Askar Timbalan Setia Negeri berkawal berganti-ganti siang dan malam. Jenazah ini dinobatkan sebagaimana istiadat raja-raja Melayu.

Pada malam pertama hingga hari esoknya dikhaskan waktu untuk mengunjungi jenazah bagi kaum-kaum kerabat perempuan, datin-datin dan lain-lain perempuan sahaja. Selepas itu barulah pihak lelaki membuat kunjungan. Masa untuk melawat ialah dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan dari pukul 7.00 malam hingga 9.00 malam. Sekelian yang mengadap atau menziarah dikehendaki berpakaian kemas hormat serta tertib. Jenazah Allahyarham disemayamkan di atas petarakna itu selama 7 hari sahaja. Selama jenazah itu dipetarakna tersebut ia diperalatkan dengan cukup alatan istiadat kerajaan dan keranda tersebut dibuka bagi memudahkan orang yang mengunjung memandang wajah Yang Mulia Almarhum buat kali yang terakhir. Sekelian kerabat Dato-dato' serta orang-orang besar memakai pakaian kebesaran perkabungan

yang berwarna hitam. Ada pun orang yang berdiri hampir dengan keranda itu ialah Yang Amat Mulia Tengku Mahkota, Yang Amat Mulia Engku Mohd. Khalid, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan pegawai-pegawai kerajaan negeri.

Pada hari Sabtu 17hb Rabiulawal, 1313 bersamaan dengan 7hb September 1895 telah ditetapkan hari melantik dan menyeri pengganti almarhum. Pada hari tersebut jenazah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar dimakamkan. Istiadat melantik pengganti almarhum dilakukan di Balai Zaharah iaitu berhampiran dengan istana Zaharah atau Balai Cengkikh.

Di tengah-tengah balai tersebut terdiri satu peterakna beralas dengan kain sahlat kuning dan bertangga tiga tingkat. Di atasnya tergantung tabir diwengga empat mazheb. Di sebelah kanan balai telah ditetapkan tempat bagi rakyat bangsa Cina. Di bahagian sorong sebelah kiri dikhaskan rakyat berbagai bangsa. Kawasan dipenjuru sebelah belakang dikhaskan bagi raja-raja, konsol-konsol (wakil mutlak negeri-negeri lain), manakala di hadapannya dikhaskan untuk rakyat-rakyat bangsa Melayu. Di sekeliling peterakna itu terdiri pegawai-pegawai yang menanggung jawatan alatan istiadat kerajaan. Di tangga besar ditempatkan pasukan Askar Timbalan Setia Negeri dan Pasukan Pancaragam.

Pada pukul 11.00 pagi Yang Amat Mulia Tengku Mahkota dengan diiringi oleh Tuan Yang Utama Gabenor Negeri-negeri Selat sampai ke Balai tersebut dengan disambut oleh pasukan Askar dengan kehormatan

senjata dan pasukan pancaragam memainkan lagu Bangsa Johor. Setelah memeriksa pasukan Askar Timbalan Setia Negeri Yang Amat Mulia beserta dengan pengiring-pengiring baginda berangkat naik ke Balai dan lantas ke peterakna. Setelah itu tampillah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengucap lafas kepada pihak orang-orang Melayu bertanyakan samada mereka bersetuju untuk melantik Yang Amat Mulia Tengku Mahkota untuk mengantikan almarhum menjadi raja dan Sultan bagi negeri Johor. Dengan serentak disahut oleh rakyat dengan sebulat suara mengaku 'suka'. Selepas itu Yang Amat berhormat itu pun berpaling mengadap kepada Yang Amat Mulia menyembahkan suatu ucapan mentabalkan Yang Amat Mulia itu menjadi Sultan bagi negeri dan jajahan Johor. Setelah selesai maka Yang Maha Mulia pun bertitah jawab menerima perlantikan tersebut. Setelah habis titah baginda Askar Timbalan Setia Negeri pun memberi hormat, pasukan pancaragam memainkan lagu Bangsa Johor diikuti dengan tambakan bedil selamat sebanyak 21 das. Mufti pun membacakan doa' selamat dengan diikuti acara menaikkan bendera. Bendera raja yang dinaikkan separuh tiang bersempena dengan perkabungan itu telah dinaikkan kepuncak tiang selama kira-kira setengah jam dan telah diturunkan kembali kemudiannya.

Selepas acara membaca doa' selamat Tuan Yang Terutama Gabnor bagi negeri-negeri Selat melaflaskan ucapan memberi selamat bagi pihak Yang Maha Mulia Ratu Britian dan Empress India. Selepas itu tampil Yang Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja membalas ucapan tersebut di dalam bahasa Inggeris.

Pada jam 12.00 tengahari tembakan meriam telah dilepaskan sebanyak 1 das dari bukit Askar sebagai tanda memberi tahu yang satu jam lagi jenazah almarhum akan diusung bagi dimakamkan di Mahmudiah. Di tepi jalan telah beratur beberapa banyak surat-surat persembahan dari rakyat bangsa cina yang kemudiannya menuruti perangkatan jenazah apabila perangkatan jenazah tersebut sampai kepada mereka. Di tengah-tengah jalan yang dilalui oleh perangkatan jenazah tersebut dibentangkan pundi kuning serta disekat pula disebelah menyebelah jalan tali berbalut kuning.

Aturan bagi perangkatan jenazah tersebut adalah seperti berikut:

"pertama kepala jalan bagi angkatan jenzah dan mengawal ketenteraman. Kedua pasukan pancaragam. Ketiga pasukan Askar Timbalan Setia Negeri 'Reverse Arms'. Keempat 16 orang membawa lembing berpakaian seluar baju hitam cara Melayu dan berkabung putih. Kelima 16 orang membawa pebaraan dengan pakaian yang demikian juga daripada lelaki muda anak baik-baik Johor belaka. Keeenam 16 orang pembawa lilin berpakaian seperti itu juga. Ketujuh 16 orang membawa selampi seperti yang tersebut di atas itu juga pakaiannya. Kedelapan alatan istiadat kerajaan yang lengkap dan ahli jawatannya berseluasr baju hitam potongan Eropah yang indah rupanya dan memakai sepatu hitam sebagaimana biasa.

Maka alatanya demikian - satu cogan raja - satu cogan warga - 16 lembing - satu bendera raja - satu bendera negeri - 16 tongkat - dua payong besar - 2 payong kecil - satu keris panjang dan dua sundang di bawah perintah sesorang penghulu dan orang naibnya. Maka sekelian alatan istiadat itu dengan memakai percabungan.

Kesembilan, pasukan setengah daripada kerabat-kerabat yang damping serta pengiring-pengiringnya berjalan dulu daripada usungan jenazah.

Kesepuloh, pedati usungan jenazah yang diperbuat dengan indahnya dan dikemuncaknya diletakkan satu mahkota. Maka pengusung usungan itu daripada penghulu-penghulu, batin-batin dan naib-naib mereka memakai baju kuning sekata berseluar putih, berkain dan berkabung. Maka mengiring dikiri kanan jenazah itu 16 payong kuning terkembang ialah lapan sebelah-sebelah adanya." 9

Tepat jam 1.00 tengahari jenazah Yang Maha Mulia Almarhum itu pun diangkat turun dari Istana Besar oleh Paduka Yang Amat Mulia kerabat-kerabat dikepalai oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Johor lalu dinaikkan ke atas pedati usungan itu dengan sempurnanya. Di atas keranda yang telah sedia tertutup dengan kain sutera kuning diletakkan sebuah kusin kuning dan di atasnya diletakkan mahkota Kerajaan Johor dengan pedang diaturkan di sisinya. Maka diletakkan pula hampirnya berpuluh-puluh bintang darjah yang amat di perhaga dan dipermuliakan, yang dihadiahkan oleh beberapa kerajaan negeri asing kepada almarhum semasa baginda hidup. Kemudian naiklah ke atas usungan itu anak-anak raja yang muda-muda berpakaian hitam dan bertampan iaitu lapan orang menjawat obor-obor, empat orang membawa bekas kaca air mawar, dua orang membawa air talkin dan seorang tikar talkin. Setelah itu beratur pula dato'-dato' dan tuan-tuan pengiring jenazah yang ditentukan kedudukan mereka dibelakang usungan. Di belakang mereka dikhaskan tempat untuk 16 orang berkain dukung.

9. Kapten Haji Mohd Said bin Haji Sulaiman, Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar Johor, (Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor 1950) hal. 49.

Selepas itu barulah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Tuan Yang Terutama Gabnor Negeri-negeri Selat, Sultan Negeri-negeri lain, Konsol-konsol dan orang-orang Besar kerajaan Inggeris, pegawai-pegawai kapal perang yang membawa jenazah berjalan mengiringi jenazah tersebut.

Di bahagian belakang wakil-wakil kerajaan dan orang-orang besar tersebut berjalan pula pasukan anak-anak raja, tuan-tuan syed, pegawai-pegawai Inggeris yang berpangkat, pegawai-pegawai, orang-orang tua, anak-anak bangsawan, taukeh-taukeh Cina, kangcu-kangcu dan seterusnya orang-orang kebanyakan. Setiap kumpulan diketuai oleh Dato' atau pegawai kerajaan negeri.


Apabila siap peraturan peralatan perjawatan maka pancaragam pun memainkan lagu perkabungan. Pasukan Askar Timbalan Setia Negeri beserta sekelian perangkatan jenazah itu pun berjalanlah. Pasukan Askar berjalan dengan lambat dengan senapang tiada berbenet dan 'Reverse Arms'. Dari Bukit Askar ditembakkan 64 das tembakan meriam mengambil sempena usia Duli Yang Maha Mulia Almarhum.

Apabila sampai kepintu makam kerajaan pasukan pancaragam pun berhenti dan beratur di kiri pintu makam tersebut. Pasukan askar pula berdiri kiri kanan jalan menuju keruang makam tersebut. Apabila jenazah melalui jalan kepintu makam tersebut pasukan Askar telah memberi hormat senjata dan pasukan pancaragam pun memainkan lagu Bangsa Johor.


Segala alatan istiadat kerajaan masuk mengiringi jenazah hingga ke dalam ruang bangunan makam tersebut. Setelah itu Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, kerabat-kerabat dan Dato'-dato' menurunkan keranda itu dari pedati dan dimasukkan ke dalam suatu urusangan yang lain dan diangkat ketempat yang berdekatan dengan liang makam. Apabila telah siap jenazah itu pun diturunkan ke dalam liang makam dan disempurnakan mengikut hukum dan adat Islam. Apabila telah selesai permakaman tikar talkin pun dibentang di sisi makam itu. Yang Berhormat Dato' Kadi pun membacakan talkin dengan air talkin dicucurkan oleh Imam ke makam almarhum. Selepas itu Dato' Mufti pun bertahlil dan mengucap doa.

DAFTAR SERANGAN-SERANGAN ACHEH DAN PORTUGIS, DAN PERPINDAHAN
PUTUS KERAJAAN JOHOR.


Sultan	Tarikh Berkerajaan	Serangan Portugis	Serangan Acheh	Serangan ke atas Melaka	Pindah Pusat Kerajaan
Alauddin Riayat Shah II	1529 - 1564	1535+ 1536 (damai)	1564	1551	Pekan Tua (1529) Sayong (1535) Johor Lama (1540)
Muzaffar Shah	1564 - 1570	-	-	-	Seluyut (1564)
Abd. Jalil Shah I	1570 - 1571	-	-	-	-
Ali Jalla Abd. Jalil Shah II,	1570 - 1571 - 1597 -	1578 1587 + 1589	1582 (di- selamat kan Portugis)	1587	Tanah Putih (1570/ 1571 Johor Lama (1573) Batu Sawar (1587)
Alauddin Riayat Shah	1597 - 1615	-	1613 + 1615	1606 (dengan Belanda)	Pasir Raja (1608) Batu Sawar (1614)
Abdullah Maayat Shah	1615/ 1616 - 1623	-	1523		Pulau Lingga (1518) Pulau Tambelan (1623)
Abd. Jalil Shah III	1623 - 1677				Batu Sawar (1637)




MAHKOTA JOHOR




TAKHTA KERAJAN JOHOR




PEDANG KERAJAHAN JOHOR



KERIS-KERIS ISTIADAT



COGAN ALAM, COGAN UGAM, DAN LEMBING-LEMBING ISTIADAT



PANJI-PANJI RAJA, BENDERA NEGERI D/N PAYUNG-PAYUNG

COKMAR DAN TONGKAT-TONGKAT

BIBLIOGRAFI

- Dartford, G.P. A Short History of Malay. Hongkong Longmans, 1962.
- Emerson, Rupert. Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule. Kuala Lumpur : University Malaya Press, 1964.
- Gardner, G.B. Koris and Other Malay Weapons. Singapura: Progressive Publishing Co., 1963.
- Haji Buyong Adil. Sejarah Johor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
- Haji Mohd Said Hj Suleiman. Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar Johor. Johor Bahru : Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1950.
- Meen and Tushingham. Crown Jewels of Iran. Toronto: University of Toronto Press, 1968.
- Mubbin Sheppard. Taman Indera, A Royal Pleasure Ground, Malay Decorative Arts and Past Times. Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1972.
- Raja Ali Al Haji Riau. Tuhfat al-Naifs. Singapura : Malaya Publication Ltd., 1965.
- R.O. Datoek Besar dan Roelvink R., eds. Hikayat Abdullah. Jakarta/Amsterdam : Djambatan, 1953.
- Shahrom Husin. Tawarikh Johor. Johor : Jabatan Persuratan Guru-guru Melayu, 1950.
- Shahrum Yub. Senjata-senjata Pesaka Pandek, Keris dan Senjata-senjata Pendek. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1967.
- Shellabear, W.G., ed. Sejarah Melayu or The Malay Annals. Singapura: The Malay Publishing House Limited, 1954.
- Syed Alwi Sheikh Al-Hadi. Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1960.
- T. Iskandar. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, 1970.
- Wilkinson, R.J. A Short History of The Peninsular Malays. Singapura: Kelly and Walsh, 1923.
- Williams, G.C.G. "Suggested Origin of The Malay Keris and Superstitions Attaching to it." JMBRAS, Vol. XV Part III, 1937.

Winstedt, R.O. ed. Sejarah Melayu, London: JMBRAS Vol. XVI, Part III. 1938.

. "History of Perak", JMBRAS, Vol. XII, Part I, 1934.

Woolery, G.C. "Origin of The Malay Keris", JMBRAS Vol. XVI, Part II, 1938.

Bahan Bacaan Tambahan

Cenderamata Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor Yang Ke 76.
Johor Bahru: Jabatan Cetak Kerajaan, Oct. 1970.

Cenderamata Kemahkotaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Johor Bahru: 1960.

Cenderamata Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, 1979.

Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim Sebagai Yang Di Pertuan Agong Malaysia.
Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan, 1976.

Murtaza Mohd. Kassim. Alat-alat Kebesaran Kerajaan Perak: Senjata, Tesis Sarjana Muda Persuratan. Institut Bahasa Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/1977.

Peraturan Perjawatan dan Kerja Bagi Majlis Menghormatkan Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Kedelapan Puluh Empat Sultan Ismail Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim dan Majlis Kemahkotaan Yang Maha Mulia Tunku Puan Nora binti Tengku Ahmad Sebagai Sultanah Johor. 1978.

Selamat Johor Tanda Kenang-kenangan Peringat Kesyukuran Ulangtahun Yang Ke 40 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Bersemayam di Singgahsana Takhta Kerajaan Johor. Singapura: 15 Sept. 1935.

The Coronation of Her Majesty Queen Elizabeth II. Singapura: Straits Times Singapore, 1953.

26 FEB 1987